

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Al-Quran adalah risalah *mu`jizāt* yang merupakan sumber utama dalam agama Islam. Dalam memahami al-Quran, telah muncul pelbagai kitab tafsir dengan berdasarkan ilmu dan pemikiran penafsiran para *mufasssirīn* sejak zaman sahabat hingga kini.

Melalui penafsiran sama ada *tafsīr bi al-ma`thūr* mahupun *tafsīr bi ar-ra`yī*, terdapat sebahagian ulama *mufasssirīn* yang menerapkan unsur-unsur *isrā`iliyyāt* dalam menyokong penafsiran mereka. Secara umumnya, *isrā`iliyyāt* boleh diklasifikasikan kepada *isrā`iliyyāt* yang selari (sesuai dengan syariat), *isrā`iliyyāt* yang bertentangan dengan syariat dan *isrā`iliyyāt* yang *mawqūf*.¹

Sehubungan itu, jika terdapat unsur-unsur *isrā`iliyyāt* yang bertentangan dengan syariat digunakan dalam penafsiran malah dipegang oleh segelintir umat Islam amnya mahupun di kalangan guru serta para pelajar sekolah menengah khususnya, maka ia boleh menjejaskan kesucian agama Islam itu sendiri. Malah ia akan menjadi lebih kritikal jika melibatkan unsur-unsur *isrā`iliyyāt* yang boleh membatalkan akidah.

Oleh itu, kajian yang dicadangkan ini adalah menjadi suatu kewajaran untuk dilaksanakan bagi mengkaji tahap kefahaman guru-guru pendidikan Islam sekolah menengah tentang *isrā`iliyyāt* dan mengenalpasti unsur-unsur

¹ Abu Syuhbah, Muhammad b. Muhammad (2006), *Israiliyyat dan Hadith Palsu Dalam Kitab-kitab Tafsir*. Hasnan bin Kasan (terj). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad. h.104-107.

isrā'īliyyāt yang terdapat dalam silibus buku teks yang menjadi rujukan utama pengajaran di sekolah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam konteks pendidikan Islam di sekolah, seharusnya Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) menyedari dan memahami unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam penyampaian pengajaran mereka. Melalui mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah, terdapat unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang boleh diterapkan kepada para pelajar berdasarkan kepada silibus buku teks (ayat-ayat al-Quran kefahaman yang berkaitan).

Unsur-unsur *isrā'īliyyāt* boleh diterapkan kepada para pelajar sama ada melalui pengetahuan sedia ada oleh para guru pendidikan Islam, melalui huraian ayat dalam silibus buku teks atau melalui rujukan kitab-kitab tafsir oleh para guru pendidikan Islam sendiri sebelum membuat huraian dalam pengajaran dalam kelas.

Jika guru-guru pendidikan Islam cenderung dalam membuat rujukan kepada kitab-kitab tafsir dalam pengajaran, maka perlu dikaji akan jenis kitab tafsir yang sering digunakan sama ada kitab tafsir berbahasa Melayu ataupun bahasa Arab.

Pemilihan kitab-kitab tafsir yang berbahasa Melayu atau Indonesia sebagai rujukan adalah memandangkan kitab-kitab tafsir ini sering digunakan oleh

kebanyakan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI). Ini kerana kitab-kitab tafsir tersebut menggunakan bahasa yang agak mudah difahami berbanding kitab-kitab tafsir berbahasa Arab yang memerlukan penguasaan Bahasa Arab yang tinggi.

Menerusi tajuk yang dikemukakan, beberapa masalah yang perlu dikenalpasti ditumpukan dalam penyelidikan ini iaitu :

- i) Bagaimanakah kefahaman Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah-sekolah menengah di zon Keramat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap *isrā'īliyyāt*?
- ii) Apakah faktor-faktor demografi yang mempengaruhi kadar kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah menengah di zon Keramat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?
- iii) Apakah unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam penafsiran ayat Al-Quran pada silibus buku teks mata pelajaran pendidikan Islam bagi sekolah menengah?
- iv) Sejauh manakah kecenderungan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) merujuk kitab-kitab tafsir dan apakah terdapat unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang diserapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- v) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penerapan *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah?

- vi) Bagaimanakah menangani ketidakfahaman terhadap *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI)?

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i) Mengukur kefahaman tentang *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah-sekolah menengah zon Keramat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ii) Mengenalpasti faktor-faktor demografi yang mempengaruhi kadar kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah-sekolah menengah zon Keramat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- iii) Menyingkap unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam silibus buku teks Pendidikan Islam sekolah menengah.
- iv) Mengenalpasti sejauh manakah kecenderungan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) menggunakan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* daripada kitab-kitab tafsir.

- v) Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerapan unsur-unsur *isrā'iliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran bagi matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah zon Keramat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- vi) Mengenalpasti langkah-langkah dan saranan yang komprehensif dalam menangani masalah ketidakfahaman terhadap *isrā'iliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI).

1.4 Skop Kajian

Bagi memastikan keberkesanan penyelidikan, skop kajian ditentukan dengan memberi tumpuan terhadap perkara-perkara seperti berikut:

- i) *Silibus buku teks* Pendidikan Islam sekolah menengah sama ada mempunyai unsur-unsur *isrā'iliyyāt* dalam penafsiran ayat al-Quran
- ii) *Kitab-kitab tafsir bahasa Melayu* dirujuk penafsiran ayat-ayat al-Quran yang sama seperti yang terdapat dalam silibus buku teks.
- iii) *Guru-guru Pendidikan Islam* sekolah menengah zon Keramat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (mengukur kefahaman & kecenderungan)

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah sangat wajar dan ia mempunyai kepentingannya seperti berikut:

- i) Hasil kajian ini dapat mengukur kefahaman Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap *isrā'īliyyāt*.
- ii) Dapat mengenalpasti faktor-faktor demografi yang mempengaruhi kefahaman tentang *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah menengah.
- iii) Dapat mengeluarkan dan mengklasifikasi unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam silibus mata pelajaran pendidikan Islam sekolah menengah.
- iv) Dapat mengukur kecenderungan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) merujuk kitab-kitab tafsir, seterusnya mengeluarkan dan mengklasifikasi unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir yang kerap dirujuk.
- v) Dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerapan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran.
- vi) Dapat mengemukakan saranan dan langkah-langkah yang perlu diambil sewajarnya oleh pihak berkaitan (yang bertanggungjawab) untuk

menyedarkan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) tentang kepentingan pengetahuan *isrā'īliyyāt* dalam proses pengajarannya di sekolah.

1.6 Ringkasan Kajian Literatur

Kajian literatur dijalankan dengan meneliti kajian-kajian lepas berkaitan *isrā'īliyyāt*, dan didapati tajuk penyelidikan ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana Sarjana mahupun Doktor Falsafah. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa penyelidikan yang lepas berkaitan *isrā'īliyyāt* yang telah dibuat oleh pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah. Namun begitu, kajian khusus terhadap kefahaman di kalangan Guru Pendidikan Islam sekolah menengah di zon Keramat, Kuala Lumpur belum pernah dijalankan oleh mana-mana Sarjana mahupun Doktor Falsafah.

Menerusi kajian perpustakaan yang telah dilaksanakan, berikut merupakan antara kajian *isrā'īliyyāt* yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu iaitu:

- i) Kisah al-Quran: Kajian Terhadap Unsur-unsur *Isrā'īliyyāt* Dalam *Bayān* Jamaah Tabligh di Daerah Thepha, Songkhla, Thailand oleh Ridwan Asea. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2006).

Ridwan Asea memulakan penulisannya dengan mengemukakan pengenalan latar belakang penduduk daerah Thepha, Songkhla, Thailand dari segi pekerjaan dan tahap ilmu agama di kalangan mereka.

Seterusnya dalam bab kedua pula, beliau menyatakan penerimaan penduduk terhadap kehadiran jemaah tabligh di kawasan mereka. Perincian *isrā'iliyyāt* dijelaskan dalam bab ketiga yang merangkumi persejarahan *isrā'iliyyāt*, pembahagiannya, hukum periwayatannya serta beberapa kesan penyelewengan *isrā'iliyyāt* terhadap umat Islam. Terdapat unsur-unsur *isrā'iliyyāt* dalam bayan jemaah tabligh disentuh secara sampelan kerana beliau memilih untuk membincangkan beberapa topik sahaja daripada riwayat *isrā'iliyyāt* tersebut. Walaubagaimanapun, beliau telah membahaskan riwayat-riwayat *isrā'iliyyāt* di dalam empat bahagian utama iaitu:

- a) kisah para Rasul
- b) kisah umat-umat terdahulu
- c) kisah kejadian alam dan kisah *ghaibiyyāt*
- d) tanda-tanda kiamat

Dalam bab kelima, beliau mengemukakan analisa terhadap pemahaman masyarakat daerah Thepha tentang unsur-unsur *isrā'iliyyāt*. Akhirnya beberapa rumusan dan cadangan dikemukakan oleh beliau dalam menangani permasalahan *isrā'iliyyāt* ini. Kesimpulannya, penulisan Ridwan Asea ini lebih memfokuskan kepada unsur-unsur *isrā'iliyyāt* yang terkandung dalam bayan jemaah tabligh di daerah Thepha.

- ii) *Isrā'īlyyāt* Dalam Kisah Para Nabi: Kajian Terhadap Kepercayaan Masyarakat Melayu Patani oleh Hisam Hayimaming. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2006).

Hisam memulakan penulisannya dengan memberikan definisi, sejarah serta pendirian Rasulullah, sahabat dan para *tabi`īn* terhadap *isrā'īlyyāt*. Beliau memperincikan unsur-unsur *isrā'īlyyāt* yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir khusus kepada kisah-kisah para nabi dengan memfokuskan kajian terhadap kepercayaan masyarakat Melayu Patani. Hasil kajian beliau telah mendapati masyarakat Melayu Patani sememangnya kurang memahami tentang *isrā'īlyyāt*. Oleh itu, kesan daripada kurangnya kefahaman di kalangan mereka telah memberikan kesan apabila mereka menerima kehadiran kisah-kisah *isrā'īlyyāt* tersebut sebagai sesuatu yang benar dan boleh dipercayai.

- iii) *Isrā'īlyyāt* Dalam Tafsir Al-Quran: Fokus Terhadap Nabi Musa oleh Khairunnisa Ismail. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2005).

Khairunnisa telah mengemukakan lima bab dalam penulisannya. Bab yang pertama menjelaskan definisi *isrā'īlyyāt*, hubungan *isrā'īlyyāt* dengan Banī Isrā'īl. Manakala dalam bab kedua beliau menghuraikan sejarah penyerapan *isrā'īlyyāt* secara terperinci. Dalam bab ketiga pula *isrā'īlyyāt* dalam penafsiran al-Quran dianalisa dengan menjelaskan

kaedah-kaedah penilaian terhadap *isrā'īliyyāt*. Seterusnya bab keempat beliau membuat analisa secara khusus fokus kepada kisah Nabi Musa. Akhirnya, beliau menulis bab kelima dengan mengemukakan lontaran idea serta beberapa saranan kepada masyarakat.

- iv) *Isrā'īliyyāt* Dalam Kuliah-kuliah Agama: Kajian di Masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh Ibrahim Abdullah. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2005).

Bab pertama penulisannya, Ibrahim Abdullah memuatkan definisi *isrā'īliyyāt*, sejarah kemunculannya serta pendirian Rasulullah, sahabat dan beberapa ahli tafsir terhadap *isrā'īliyyāt* di dalam bab yang pertama. Kemudian dalam bab kedua beliau memfokuskan kepada masjid-masjid di Kuala Lumpur dan kuliah-kuliah yang diadakan di masjid-masjid tersebut. Seterusnya beliau menyatakan sambutan masyarakat terhadap kuliah-kuliah agama yang diadakan di masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam bab yang ketiga beliau menjelaskan tentang guru-guru agama, ciri-ciri serta kepentingan kuliah agama. Perbahasan dilanjutkan lagi dengan membentangkan kajian teks-teks yang digunakan dalam kuliah-kuliah agama di Kuala Lumpur. Setelah membuat kajian terhadap teks agama yang digunakan beliau menghuraikan pula hasil kajian yang dibuat terhadap unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam kuliah-kuliah agama di Kuala Lumpur. Di akhir bab empat ini beliau turut memuatkan kesan *isrā'īliyyāt* tersebut dari

beberapa aspek iaitu akidah, syariah, akhlak dan dakwah. Seterusnya dalam bab kelima, beliau merumuskan serta menyatakan saranan beliau terhadap kajian yang telah dilaksanakan oleh beliau.

- v) Riwayat *Isrā'īliyyāt*: Pengaruhnya Dalam Manuskrip Hadith di Alam Melayu oleh Rosmawati Ali. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2004).

Rosmawati menjelaskan pengenalan *isrā'īliyyāt* yang merangkumi sejarah, faktor, hukum serta penilaian periwayatan *isrā'īliyyāt* menurut ulama hadis di dalam bab pertama. Manakala dalam bab kedua beliau menghuraikan sumber dan bahan riwayat *isrā'īliyyāt* dalam Islam yang merangkumi riwayat sahabat, riwayat *tābi`īn*, *tabi` al-tābi`īn* dan skop riwayat *isrā'īliyyāt* dalam sumber Islam yang merangkumi kisah para Nabi, umat-umat terdahulu, rahsia kejadian alam, *ghaybiyyāt* dan tanda-tanda kiamat. Selanjutnya dalam bab ketiga, beliau mengemukakan sejarah manuskrip hadis di Alam Melayu pada bab ketiga merangkumi latar belakang pengajian Islam, pengertian manuskrip hadis Melayu seterusnya biodata pengarang dan karya mereka. Dalam bab keempat beliau membincangkan kaedah yang digunakan untuk membuat analisis dan sumber utama rujukan dalam membuat analisis. Seterusnya di hujung bab ini beliau mengulas sejauhmana pengaruh akidah, amalan dan pola pemikiran masyarakat Melayu. Penulisan beliau diakhiri dengan penutup yang mendapati metodologi menularnya riwayat

isrā'īliyyāt di Alam Melayu adalah sama dengan negara-negara lain di Asia Barat.

- vi) *Isrā'īliyyāt* Dalam Tafsir: Kisah Musa dan Khidir oleh Wan Rohayu Wan Semanis. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2004).

Wan Rohayu membahagikan penulisannya kepada lima bab yang mana di dalam bab pertama dinyatakan gambaran kasar mengenai kajian beliau. Antara objektif utama kajian beliau adalah untuk mengenalpasti riwayat *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir serta kategorinya. Bab kedua penulisannya, beliau menghuraikan pengenalan kisah al-Quran bertujuan memberi pemahaman tentang kisah dalam al-Quran serta kepentingannya. Manakala dalam bab ketiga pula diikuti dengan pengenalan *isrā'īliyyāt*, pandangan ulama tentang hukum meriwayatkan *isrā'īliyyāt*, sejarah kemasukan *isrā'īliyyāt* ke dalam tafsir seterusnya beliau mengemukakan beberapa contoh kisah-kisah tafsir yang mengandungi unsur *isrā'īliyyāt* dan kesan penyerapannya dalam tafsir. Seterusnya dalam bab keempat, beliau menghuraikan kajian terhadap riwayat-riwayat *isrā'īliyyāt* dalam kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir merujuk kepada beberapa kitab tafsir yang terkenal baru dan lama. Akhirnya, dalam bab kelima beliau merumuskan hasil kajian yang telah dibuat disertakan saranan agar pengetahuan tentang *isrā'īliyyāt* diketengahkan kepada umum bagi membendung pengaruh *isrā'īliyyāt* yang negatif daripada terus menular di kalangan masyarakat Islam.

- vii) *Isrā'īlyyāt* Dalam Tafsir: Kajian Terhadap Kitab *Nūr Al-Iḥsān*, Karya Haji Muhammad Sa'id bin Umar oleh Muhammad Ismi bin Mat Taib. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2003).

Muhammad Ismi menjelaskan pengenalan, latar belakang kajian, skop dan metodologi penulisan dalam bab yang pertama. Di dalam bab yang kedua, beliau menerangkan tentang pengertian *isrā'īlyyāt*, penyerapan *isrā'īlyyāt* ke dalam tafsir, hukum periwayatan *isrā'īlyyāt* dan panduan ahli-ahli tafsir terhadap *isrā'īlyyāt*. Seterusnya dalam bab ketiga, beliau menerangkan tentang kitab *Tafsir Nūr al-Iḥsān* yang merangkumi sumber rujukan kitab, metodologi dan metod penafsiran yang digunakan oleh pengarang. Dalam bab yang keempat pula, beliau mengeluarkan dua puluh (20) kisah-kisah *isrā'īlyyāt* yang terdapat di dalam kitab *Tafsir Nūr al-Iḥsān*, dan pada bab kelima, beliau membuat kesimpulan terhadap penemuan-penemuan *isrā'īlyyāt* yang didapati beserta saranan-saranan bagi tindakan mereka yang berkenaan.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang akan dijalankan adalah merujuk kepada penyelidikan yang bersifat secara kuantitatif dan kualitatif yang merangkumi kaedah seperti berikut:

- i) Metod Pengumpulan Maklumat
- ii) Metod Kajian Lapangan
- iii) Metod Analisis Data

1.7.1 Metod Pengumpulan Maklumat

i) Dokumentasi Melalui Kajian Perpustakaan (*Literature Review*).

Metod dokumentasi ialah metod pengumpulan yang didapati dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji². Dokumen ialah benda-benda yang bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan³.

Sebahagian besar kajian yang dilakukan adalah secara kajian perpustakaan dengan merujuk silibus buku teks pendidikan Islam sekolah menengah. Kitab-kitab tafsir berbahasa Melayu juga akan dirujuk yang berkaitan dengan masalah yang dikaji dengan bersumberkan penafsiran ayat-ayat yang sama seperti dalam silibus buku teks yang berkaitan.

ii) Historisis

Metod historisis adalah metod pengumpulan data-data yang berkaitan sejarah di mana data-data yang tepat, lengkap dan berkaitan dengan nilai sejarah akan dikaji⁴. Dalam menilai data berkaitan sejarah, *asbāb al-nuzūl* sesuatu ayat al-Quran dirujuk berdasarkan masalah yang dikaji untuk mendapatkan kefahaman jelas sesuatu penafsiran ayat sebelum sebarang analisa dibuat.

² Abd Halim Hj. Mat Diah (1987), *Risalah: Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 117.

³ Iman Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 55.

⁴ Abd Halim Hj. Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 52.

1.7.2 Metod Kajian Lapangan

i) Pemilihan Responden

Pemilihan responden adalah merujuk kepada Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah menengah yang melibatkan seramai 128 orang guru daripada 22 buah sekolah di zon Keramat, Kuala Lumpur.

Jumlah 128 orang GPI (zon Keramat) daripada 453 GPI (Jumlah keseluruhan GPI di Kuala Lumpur dengan jumlah sekolah sebanyak 86 buah) adalah sampel yang berperatusan 28.25% daripada keseluruhan GPI Kuala Lumpur akan ditinjau untuk proses soal selidik (pengumpulan data maklumat). Sampel yang melebihi 10% ini boleh menghasilkan keesahan keputusan yang boleh menggambarkan keseluruhan tahap kefahaman *isrā'iliyyāt* oleh GPI di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur setelah proses penganalisan dilakukan.

ii) Soal selidik

Soal selidik melalui soalan-soalan yang dirangka sama ada melalui temubual ataupun soalan bertulis terhadap Guru-guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah zon Keramat, Kuala Lumpur dijalankan untuk mendapatkan gambaran tinjauan sebelum proses analisa dilakukan.

Sesetengah perkara atau unsur-unsur yang diketengahkan dalam kajian perlu disoal selidik melalui wawancara bersama pakar-pakar rujuk dalam bidang al-Quran, hadis, hukum-hakam mahupun sejarah dalam menjustifikasikan pandangan dan ulasan di samping rujukan kajian

perpustakaan untuk mengelakkan sebarang kesilapan interpretasi ilmu yang boleh menjejaskan kesalahfahaman terhadap perkara-perkara usul.

1.7.3 Metod Analisis Data

Lanjutan daripada metod pengumpulan maklumat dan metod kajian lapangan yang dijalankan, maka maklumat dan data-data yang diperolehi akan dianalisa secara kuantitatif dan kualitatif.

i) Metod Komparatif

Unsur-unsur *isrā'iliyyāt* yang dikeluarkan daripada silibus buku teks akan dianalisa dengan menggunakan metod komparatif. Unsur-unsur tersebut akan dirujuk dan dibandingkan dengan penafsiran kitab-kitab tafsir Melayu. Pengklasifikasian unsur *isrā'iliyyāt* akan dilakukan, beserta sumber periwayatannya dengan rujukan dan perbandingan kitab-kitab tafsir.

ii) Metod Induktif

Hipotesis akan diuji, di mana ia diwakili oleh sejumlah sampel iaitu sebahagian guru-guru pendidikan Islam di zon Keramat, Kuala Lumpur untuk menghasilkan keputusan secara umum keseluruhan guru-guru pendidikan Islam di seluruh Kuala Lumpur.

Teknik skala akan digunakan bagi mengukur kefahaman guru-guru pendidikan Islam melalui penyediaan soalan-soalan soal selidik yang

berkaitan dengan *isrā'īliyyāt*. Kemudian, analisa sampel akan dijalankan dengan mengadaptasi aplikasi perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*).

Analisa yang dijalankan termasuk analisa frekuensi, '*chi-square test*' bagi mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara pembolehubah seperti hubungan kefahaman dan faktor demografi responden dengan menggunakan aplikasi perisian SPSS.

Secara ringkasnya analisa akan dijalankan merangkumi analisa pembolehubah secara deskriptif kekerapan (frekuensi) terhadap data-data pembolehubah-pembolehubah yang diperolehi seperti:

- Faktor demografi di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- Penguasaan bahasa Arab di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- Kaedah mengetahui *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- Kadar kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam yang merangkumi kefahaman pengertian *isrā'īliyyāt*, klasifikasi, sumber periwayatan dan hukum periwayatannya.

Di samping itu, berdasarkan data-data pembolehubah yang didapati juga, ujian *chi-square* dijalankan bagi mengenalpasti hubungan signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam seperti pengkhususan ijazah dan inisiatif pembacaan tentang *isrā'īliyyāt* dan seminar-seminar yang pernah dihadiri.
- Mengenalpasti akibat kurangnya kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam akan mempengaruhi penerapan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- Mengenalpasti hubungan *isrā'īliyyāt* yang terdapat di dalam silibus akan mempengaruhi penerapan *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- Mengenalpasti hubungan merujuk kitab-kitab tafsir yang terdapat unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dapat mempengaruhi penerapan *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Analisa yang dijalankan juga akan dibuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi setelah penelitian dilakukan. Kemudian kesimpulan dibuat beserta dengan generalisasi dan dalil⁵.

Sebarang masalah yang timbul akan dikaji dan cadangan penyelesaian akan dibuat berasaskan perbincangan dengan pihak-pihak yang mempunyai kompetensi berkaitan. Seterusnya, penafsiran pandangan dan analisis serta ulasan secara ilmiah akan dilakukan untuk menjelaskan kajian sebelum justifikasi serta kesimpulan dibuat.

⁵ *Ibid.* h.136.

1.8 Struktur Penulisan

Penulisan tesis merangkumi lima (5) bab yang terdiri daripada bab pendahuluan, kerangka teori *isrā'īliyyāt* termasuk fokus *isrā'īliyyāt* dalam silibus buku teks, metodologi kajian lapangan, analisa data dan rumusan termasuk cadangan.

Bab pertama adalah berkisar kepada pengenalan kajian yang merangkumi latarbelakang masalah yang berkait dengan kefahaman *isrā'īliyyāt* dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI). Seterusnya penulisan menghuraikan objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian perpustakaan, metodologi kajian dan struktur penulisan.

Dalam bab kedua, penulisan menghuraikan tentang teori *isrā'īliyyāt* yang merangkumi pengertian tentang *isrā'īliyyāt*, klasifikasi bersandarkan kepada ketepatan syariat (sama ada selari, tidak selari dan *mawqūf*), klasifikasi yang berdasarkan kepada kesahihan (sama ada *sahīh*, *ḍa'īf* dan *mawḍū'*), klasifikasi yang berdasarkan kepada perkara-perkara agama (sama ada berkaitan akidah, syariat dan selainnya). Di samping itu, penulisan akan menghuraikan sumber-sumber dan hukum periwayatan *isrā'īliyyāt*.

Dalam bab ketiga, huraian tentang metodologi yang dijalankan dalam kajian ini iaitu metod yang pertama merujuk kepada metod pengumpulan maklumat yang merangkumi dokumentasi dan historisis bagi menjelaskan unsur-unsur *isrā'īliyyāt*. Kemudian, penulis menghuraikan metod yang kedua yang diaplikasikan iaitu metod kajian lapangan yang dijalankan melalui kaedah soal

selidik dengan berdasarkan pemilihan responden yang merupakan sampel daripada keseluruhan guru-guru pendidikan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Metod yang ketiga ialah metod analisa data diuraikan berdasarkan kepada jawapan-jawapan daripada soalan-soalan soal selidik yang merangkumi penerangan metod komparatif dan metod induktif. Seterusnya dijelaskan metod pengukuran, teknik skala dan aplikasi perisian '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS) yang digunakan bagi mengukur frekuensi dan mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah dengan menggunakan ujian *chi-square*.

Dalam bab keempat, data dan analisa kajian dilakukan berdasarkan kajian lapangan bagi mengetahui sejauh manakah kefahaman *isrā'iliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam. Seterusnya, diuraikan faktor-faktor demografi yang mempengaruhi kefahaman *isrā'iliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam. Unsur-unsur *isrā'iliyyāt* juga dikeluarkan daripada silibus buku teks dan kitab-kitab tafsir yang sering dirujuk oleh guru-guru pendidikan Islam untuk tujuan pengklasifikasian. Kemudian, dijelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penerapan *isrā'iliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran.

Bab kelima menyetengahkan rumusan hasil kajian dan saranan terhadap permasalahan yang dikaji beserta kesimpulan bagi melengkapkan kajian yang dijalankan.

**BAB 2: PENGERTIAN *ISRĀ'ĪLIYYĀT*, KATEGORI, SUMBER DAN
HUKUM PERIWAYATAN *ISRĀ'ĪLIYYĀT***

2.1 Pendahuluan

Allah Ta`ālā telah menyampaikan risalah tauhid melalui wahyunya kepada Rasulullah ﷺ. Penjelasan perkara-perkara *ghaibiyyāt* serta kisah-kisah terdahulu turut diwahyukan kepada baginda sebagai pedoman dan tauladan bagi umat terkemudian. Namun penafsiran ayat-ayat tersebut sebahagiannya telah dihuraikan dengan jelas melalui ayat-ayat Allah Ta`ālā mahupun hadis Rasulullah ﷺ.

Meskipun begitu dalam perihal kisah-kisah yang dinyatakan di dalam al-Quran al-Karīm, Allah Ta`ālā tidak memperincikan penceritaannya secara *tafṣīlī*. Justeru itu kita wajib berpegang dan menyampaikan apa yang telah jelas nyata daripada al-Quran serta tidak menyeleweng daripada intipati yang telah digariskan oleh syarak.

2.2 Pengertian *Isrā'īliyyāt*

2.2.1 Pengertian Dari Sudut Bahasa

Kalimah *isrā'īliyyāt* (اسرائيليات) adalah kata dalam bentuk *jama`* bagi kalimah *isrā'īliyyah* (اسرائيلية) iaitu perkhabaran, periwayatan dan cerita-cerita yang dinisbahkan kepada Isrā'īl iaitu Nabi Ya`qūb bin Ishāq bin Ibrāhīm.⁶

Isrā'īliyyāt daripada segi bahasa juga merujuk kepada apa yang dinisbahkan kepada Banī Isrā'īl atau bangsa Yahudi atau *al-Asbāṭ* iaitu panggilan bagi bangsa Yahudi dan juga kabilah dalam panggilan bagi bahasa Arab. Semuanya merupakan makna yang sama.⁷

Isrā'īliyyāt juga dinisbahkan dengan merujuk kepada Banī Isrā'īl yang bermaksud anak-anak daripada keturunan Nabi Ya'qūb bin Ishāq kerana Isrā'īl itu menunjukkan kepada namanya.⁸ Di samping itu, *isrā'īliyyāt* juga dinisbahkan kepada bahasa Hebrew yang berasal daripada dua perkataan iaitu *isrā* yang membawa erti hamba atau kesucian dan *'īl* ertinya Allah.⁹

⁶ Muḥammad Ḥussayn al-Dhahabī (1986), *al-Isrā'īliyyāt fī al-Tafsīr wa al-Ḥadīth*. t.t.p.: Maktabah Wahbah, h.13. Lihat juga Ramzi Na'na'ah (1970), *al-Isrā'īliyyāt wa Athāruhā fī Kutub al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Qalām. h.71-72.

⁷ Muḥammad 'Izzah Darūzah (1969), *Tarīkh Bani Isrā'īl min Asfārihim*. Beirut: Al-Maktabah al-'Aṣriyyah, h.63; Sabīr Tu'aymah (1979), Dr., *al-Turāth al-Isrā'īliyy fī al-Ahd al-Qadīm wa Mawqīf Al-Qur'ān Minh*. Beirut: Dār al-Jīl, h.28

⁸ Abu Syuhbah Muḥammad bin Muḥammad (1408), *al-Isrā'īliyyāt wa al-Maudhū'āt fī Kutub al-Tafsīr*, c.4. Kaherah: Maktabah al-Sunnah, h.12.

⁹ Shawqī Ibrāhīm 'Alī 'Abd Allāh (1991), Dr., *Muqāranah al-Adyān: Buhūth fī al-Yahūdiyyah wa Tārīkhīhā wa Aqā'idihā wa Aham Firāqihā wa Mawqīf al-Islām Minhā*. Kaherah: Dār al-Tibā'ah al-Muḥammadiyyah, h.11.; Muḥammad Sayyid Tantawī (1997), Dr., *Banū Isrā'īl fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Syrūq, h. 12

Menurut sumber daripada Yahudi, *isrā'īl* ialah nama yang diberikan kepada tuhan-tuhan agung mereka di Kan`ān (Syam). Mereka mendakwa bahawa tuhan-tuhan telah memanggil Ya`qūb dan menamakannya sebagai *Isrā'īl*¹⁰. Dalam kitab Taurat juga menyatakan, *isrā'īl* ialah nama yang diberikan oleh Allah kepada Nabi Ya`qūb dan baginda dikurniakan 12 orang anak lelaki. Oleh itu, semua keturunannya dinisbahkan kepada nama *Isrā'īl* dan dipanggil *isrā'īliyyāh*¹¹.

Manakala, menurut Imam al-Qurṭubī, *isrā'īliyyāt* bermaksud ‘hamba Allah’. Di dalam kitabnya *al-Jāmi` li Aḥkām al-Qur`ān*, menjelaskan bahawa perkataan *isrā'īl* adalah kata *isim a`jamī* dan mempunyai tujuh sebutan iaitu:¹²

| | |
|--------------------------------|---|
| <i>Isrā'īl</i> (إِسْرَائِيلَ) | dengan merujuk seperti dalam Al-Quran |
| <i>Isrā'īl</i> (إِسْرَائِيلِ) | dengan memanjangkan <i>hamzah</i> |
| <i>Isrāyīl</i> (إِسْرَائِيلِ) | tanpa <i>hamzah</i> |
| <i>Israyil</i> (إِسْرَائِيلِ) | tanpa <i>hamzah</i> dan tanpa huruf <i>mād</i> selepas <i>yā`</i> |
| <i>Isrā'il</i> (إِسْرَائِيلِ) | kasrah <i>hamzah</i> tanpa huruf <i>yā`</i> |
| <i>Isrā'al</i> (إِسْرَائِيلِ) | fathah <i>hamzah</i> |
| <i>Isrā'ain</i> (إِسْرَائِيلِ) | huruf <i>lām</i> digantikan dengan huruf <i>nūn</i> |

¹⁰ Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1992), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. j.1, Kaherah: Dār al-Hadīth, h.202.

¹¹ Aḥmad Hijāzi al-Saqa (1978), Dr., *Allāh wa Sifātuh fī al-Yahūdiyyah wa al-Nasrāniyyah wa al-Islām*. Mesir: Dār al-Nahdah al-`Arābiyyah, h. 34.

¹² Abu `Abd Allāh bin Aḥmad al-Qurṭubī (1935), *al-Jami' li Aḥkam al-Qur`ān*, c.1, j.1. Kaherah: Matba'ah Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 331.

Imam al-Qurṭubī juga turut menukilkan kata-kata Ibnu ‘Abbās akan lafaz *isrā’īl* yang berasal daripada dua perkataan bahasa Ibrani iaitu *Isrā* (اسرى) bererti hamba dan *’īl* (ائيل) bererti Allah.¹³

2.2.2 Pengertian Dari Sudut Istilah

Kalimah *isrā’īliyyāt* (اسرائيليات) dari sudut istilah adalah merujuk kepada kisah-kisah atau cerita-cerita yang diriwayatkan daripada sumber Banī Isrā’īl atau kaum Yahudi.¹⁴ Demikian juga menurut al-Alūsī di mana beliau cenderung untuk meletakkan *isrā’īliyyāt* dalam pengertian yang lebih terbatas tanpa mengaitkannya dengan unsur-unsur asing sebaliknya beliau hanya mengkhususkan sumbernya kepada golongan Yahudi.¹⁵

Dari perspektif ahli sejarah pula, Ibn Hisyām merujuk perkataan *isrā’īliyyāt* kepada semua pegangan yang tidak berdasarkan kepada akidah Islam melalui pegangan Yahudi dan Nasrani yang menular ke dalam sumber Islam sejak kurun pertama Hijrah¹⁶.

¹³ Muḥammad Farīd Wajdī (1923), *Dā’irah Ma’ārif al-Qarni al-‘Isyrīn*. j.1. Beirut: Da’irah Ma’ārif al-Qarn al-‘Isyrīn. h.280.

¹⁴ Muḥammad Hussayn al-Dhahabī (1986), *op.cit*, h. 13.

¹⁵ Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Ḥusainī al-Alūsī (1994), *Rūh al-Ma’āni fī al-Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa al-Sab’u al-Mathānī*, j.1. Beirut: Dār al-Fikr. h.3-4.

¹⁶ Abu Muḥammad ‘Abd al-Mālik bin Hisyām bin Ayyūb al-Himyāriyy (1994), *al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dār Iḥya’ al-Turāth al-‘Arabī, j.1:h.23-25, j2: h.127-128.

Walaupun bagaimanapun, para ulama tafsir dan hadis telah menggunakan istilah *isrā'iliyyāt* dengan pengertian yang lebih luas daripada hanya bersumberkan kepada Banī Isrā'īl atau Yahudi semata-mata. Malah, *isrā'iliyyāt* juga merangkumi segala kisah-kisah lama yang dimasukkan ke dalam tafsir dan hadis yang bersumberkan daripada bangsa Yahudi dan Nasrani atau selain daripada keduanya ke dalam sumber-sumber tafsir dan hadis daripada musuh-musuh Islam.¹⁷

Menurut Dr Ṣālah al-Khālidī, *isrā'iliyyāt* merangkumi semua berita-berita dan ilmu pengetahuan yang bersumberkan daripada bangsa Yahudi, segala riwayat, cerita, hadis-hadis palsu daripada bangsa Yahudi dan Nasrani dan segala kekeliruan daripada golongan penentang Islam dari masa ke semasa sepanjang sejarah Islam.¹⁸

Di samping itu, setiap perkhabaran dan pengetahuan lama yang diambil dari bangsa Yahudi tentang asal usul penciptaan makhluk, peristiwa-peristiwa umat yang terdahulu, hadis-hadis palsu yang sengaja disandarkan kepada Rasulullah ﷺ, cerita-cerita khurafat, kisah Hārūt dan Mārūt, pendustaan, kebatilan, syubhat dan sebagainya merupakan *isrā'iliyyāt* walaupun ia bersumberkan dari bangsa-bangsa lain.¹⁹

¹⁷ Ramzi Na'na 'ah (1970), *op.cit*, h. 73.; Abu Muḥammad 'Abd Allāh bin Muslim bin Qutaybah (t.t), *al-Ma'ārif*, c.2. Mesir: Dār al-Ma'ārif, h.11.; 'Abd Allāh 'Ali Ja'far Mus'aid Muslim (1984), *Athār al-Tatāwur al-Fikr fī al-Tafsīr fī al-'Aṣr al-'Abbāsiy*. Beirut: Mua'assasah al-Risālah, h. 120.

¹⁸ Salah 'Abd al-Fattāh al-Khālidī (1997), *Isrā'iliyyāt Mu'āṣarah*. Amman: Dār Ammar, h. 9

¹⁹ *Ibid.* h.11-12.

2.3 Klasifikasi *Isrā'īliyyāt*

Isrā'īliyyāt boleh diklasifikasikan kepada tiga bentuk kategori seperti berikut:

- i) *Isrā'īliyyāt* yang berdasarkan kepada ketepatan syariat (sama ada selari dengan syariat, bertentangan dan *mawqūf*).
- ii) *Isrā'īliyyāt* yang berdasarkan kesahihan (*ṣahīh*, *ḍa'īf* dan *mawḍū'*).
- iii) *Isrā'īliyyāt* dalam perkara-perkara agama (sama ada dalam perkara akidah, syariah dan selain keduanya).

2.3.1 Klasifikasi Pertama: *Isrā'īliyyāt* Yang Berdasarkan Kepada Ketepatan Syariat

Para ulama seperti Abū Shuhbah dan al-Dhahabī pada umumnya mengklasifikasikan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* kepada tiga bahagian iaitu *isrā'īliyyāt* yang selari dengan syariat, *isrā'īliyyāt* yang bercanggah dengan syariat dan *isrā'īliyyāt* yang *maskūt `anhu* (didiamkan iaitu tiada dalam syariat yang menguatkan dan menerangkannya).²⁰

2.3.1(a) *Isrā'īliyyāt* Yang Selari Dengan Syariat

Apabila merujuk kepada kitab-kitab tafsir sama ada daripada kitab-kitab *turāth* mahupun kitab-kitab tafsir kontemporari pasti akan terdapat banyak unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang selari dengan Islam serta tidak kurang juga yang

²⁰ Abū Shuhbah Muḥammad bin Muḥammad (1408), *op.cit.* h. 134-137. Lihat juga Muḥammad Hussayn al-Dhahabī (1986), *op.cit.*, h. 60-65.

bercanggahan. Di dalam *Tafsir al-Tabarī* dan *Tafsir Ibnu Kathīr* telah dijelaskan beberapa kisah yang merupakan *isrā'iliyyāt* namun selari dengan syariat. Contohnya di dalam kisah sifat Nabi Muhammad²¹ ﷺ di dalam

firman Allah Ta'ālā:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي
التَّورَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَهُمْ لَهُمُ
الطَّيِّبَاتِ وَنُحِرِمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ
عَلَيْهِمْ ۚ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ
أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

Surah al-A'rāf (6): 157

Maksudnya: "Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah Muhammad ﷺ Nabi yang *ummī*, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadaNya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta

²¹ Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1994), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. j.2, Riyadh: Dār as-Salām, h. 335

mengikuti *nūr* (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.²²

Terdapat huraian sifat-sifat Rasulullah ﷺ yang diriwayatkan oleh Ahli Kitab seperti yang terdapat dalam kitab suci mereka yang menerangkan sifat Nabi Muhammad yang tidak kasar, tidak keras dan pemurah²³ di mana ia seiring dan selari dengan syariat.

2.3.1(b) *Isrā'iliyyāt* Yang Bertentangan Dengan Syariat

Contoh *isrā'iliyyāt* yang bertentangan dengan syariat adalah sepertimana yang disampaikan oleh Ibnu Jarīr berkaitan kisah Nabi Sulaymān ketika menjelaskan firman Allah Ta'ālā di dalam al-Quran :

وَلَقَدْ فَتَنَّا سُلَيْمَانَ عَلَى كُرْسِيِّهِ جَسَدًا ثُمَّ أَنَابَ ﴿٣٤﴾

Surah Saad (38): 34

Maksudnya: “Dan Demi sesungguhnya! Kami telah menguji Nabi Sulaiman (dengan satu kejadian), dan Kami letakkan di atas takhta kebesarannya satu jasad (yang tidak cukup sifatnya) kemudian ia kembali (merayu kepada Kami)”.²⁴

Dalam mentafsirkan ayat di atas Ibn Jarīr telah mendatangkan *isrā'iliyyāt* daripada Bashīr, daripada Yazīd, daripada Sa'īd, daripada Qatādah yang

²² Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 383.

²³ Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī (1988), *Jami' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, j.6, Beirut: Dār al-Fikr, h.83.

²⁴ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 1208.

mengatakan bahwa Nabi Sulaymān diperintahkan untuk mendirikan Bait al-Maqdīs. Dikatakan juga di dasar laut terdapat syaitan yang bernama Saḥar Marīdhah di mana Nabi Sulaymān mencarinya. Kemudian Nabi Sulaymān menemui mata air yang memancar-mancar, dan sebahagiannya adalah arak (*al-khamar*). Menurut kisah tersebut, Nabi Sulaymān telah meminum arak tersebut sehingga tidak sadar.²⁵

Dalam kitab *Tafsir al-`Azīm*, Ibnu Kathīr menerangkan dalam tafsirnya daripada Bashīr daripada Yazīd daripada Sa`id dan daripada Qatādah dengan menggambarkan perbuatan yang tidak layak dilakukan oleh Nabi Sulaymān *'alaih al-salām* seperti meminum arak.²⁶

Oleh itu, kisah *isrā'iliyyāt* yang diriwayatkan tersebut adalah tidak layak dilakukan oleh Nabi Sulaymān yang merupakan pendustaan dan bertentangan dengan syariat Islam.

Antara contoh lain *isrā'iliyyāt* yang bertentangan dengan syariat turut ditafsirkan oleh Al-Tabarī di dalam al-Quran:

ن وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾

Surah al-Qalam (68): 1

Maksudnya: “Nūn. Demi pena dan apa yang mereka tulis.”²⁷

Di dalam mentafsirkan ayat ini, Ibn Jarīr telah mengutarakan beberapa riwayat daripada Ibnu `Abbās. Antaranya ialah makhluk pertama yang diciptakan Allah

²⁵ Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī (1988), *op.cit.*, j.23, h. 101.

²⁶ Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j. 4. h. 401.

²⁷ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 1546.

ialah pena lalu ia berjalan mengikut kejadiannya. Selepas itu, Allah Ta`ālā telah mengangkat wap-wap air lalu membentuk langit. Seterusnya Dia menjadikan ikan paus lalu menghamparkan bumi di atasnya. Ikan paus tersebut terumbang-ambing maka bumi pun bergoncang, lalu Allah mengukuhkan bumi dengan bukit-bukau.²⁸

Sanad-sanad *isrā'iliyyāt* di atas tidak dibahaskan oleh Ibn Jarīr di mana ini berbeza dengan Ibnu Kathīr yang menjelaskan setelah perbandingan beberapa riwayat yang dibuat, ternyata riwayat di atas merupakan antara riwayat yang *digharībkan* oleh Imam Muslim.²⁹

2.3.1(c) *Isrā'iliyyāt* Yang Mawqūf

Isrā'iliyyāt dari jenis ini tidak terdapat nas yang memperkuat ataupun menolaknya sepertimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Kathīr dalam mentafsirkan firman Allah iaitu:

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

Surah al-Baqarah (2): 35

Maksudnya: “Dan Kami berfirman: "Wahai Ādam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu

²⁸ Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī (1988), *op.cit.*, j.26, h. 14-16.

²⁹ Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j. 4. h. 36.

hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim".³⁰

Merujuk kepada ayat di atas tidak dijelaskan tentang pokok tersebut sama ada pokok khuldi, anggur, kurma dan sebagainya. Terdapat periwayatan *isrā'iliyyāt* yang mengatakan pokok tersebut ialah pokok gandum, padi, kurma atau anggur.³¹

Ibnu Jarīr juga mengemukakan periwayatan daripada Wahhāb bin Munabbih bahawa Nabi Ādam dan Hawā dilarang untuk mendekati pokok larangan, namun telah digoda oleh iblis yang masuk menyelinap ke syurga melalui tubuh ular.³²

Selain itu, terdapat juga Kisah Nabi Musa dan *Mā'idah* (hidangan) yang dikemukakan oleh Ibnu Jarīr dalam al-Quran :

إِذْ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ يَٰعِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ هَلْ يَسْتَطِيعُ رَبُّكَ أَنْ يُنَزِّلَ عَلَيْنَا مَائِدَةً مِنَ السَّمَاءِ ۗ قَالَ اتَّقُوا اللَّهَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٢﴾ قَالُوا نُرِيدُ أَنْ نَأْكُلَ مِنْهَا وَتَطَهِّرَ قُلُوبُنَا وَنَعْلَمَ أَنْ قَدْ صَدَقْتَنَا وَنَكُونَ عَلَيْهَا مِنَ الشَّاهِدِينَ ﴿١١٣﴾ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا أَنْزِلْ عَلَيْنَا مَائِدَةً مِنَ السَّمَاءِ تَكُونُ لَنَا عِيدًا لِأَوَّلِنَا وَآخِرِنَا وَآيَةً مِنْكَ ۗ وَارزُقْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١٤﴾

Surah al-Mā'idah (5): 112-114

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika orang-orang Hawāriyyūn berkata: "Wahai `Isā Ibn Maryam! Dapatkah kiranya Tuhanmu

³⁰ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 18.

³¹ Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī (1988), *op.cit.*, j.1, h. 520-521.

³² *Ibid*, j.1, h. 235.

berkenan menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?" Nabi `Isā menjawab: "Bertaqwalah kamu kepada Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman". Mereka berkata: "Kami hanya ingin hendak makan dari hidangan itu (untuk mengambil berkat), dan supaya tenang tenteram hati kami, dan juga supaya kami ketahui dengan yakin, bahawa sesungguhnya engkau telah berkata benar kepada kami, dan supaya menjadilah kami orang-orang yang menyaksikannya sendiri". `Isā Ibni Maryam (pun berdoalah kepada Allah dengan) berkata: Ya Allah, Tuhan kami! Turunkanlah kiranya kepada kami satu hidangan dari langit, untuk menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi kami yang ada hari ini dan bagi orang-orang kami yang datang kemudian, dan sebagai satu tanda (mukjizat) daripadaMu (yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaanMu); dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik Pemberi rezeki".³³

Untuk mentafsirkan ayat di atas, Ibnu Jarīr telah mengemukakan riwayat *isrā'īliyyāt* yang menjelaskan jenis makanan yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Mūsā. Riwayat yang dinukilkan daripada Ibnu `Abbās mengatakan bahawa makanan tersebut berupa ikan dan roti. Riwayat lainnya juga yang berasal daripada Ibnu `Abbās mengatakan bahawa yang dimaksudkan adalah semua jenis makanan kecuali roti dan daging. Walaubagaimanapun, terdapat riwayat daripada Ka`ab al-Akhbar mengatakan bahawa yang dimaksudkan adalah segala jenis makanan kecuali daging. Wahhāb bin Munabbih dalam

³³ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 283-284.

riwayat lain pula mengatakan bahawa ia adalah buah-buahan syurgalah yang diturunkan oleh Allah Ta`ālā kepada baginda.³⁴

Setelah mengemukakan riwayat-riwayat berikut, beliau mengulas bahawa pendapat yang benar tentang *mā'idah* (hidangan) adalah makanan yang boleh dimakan. Boleh jadi makanan itu berupa roti dan ikan ataupun buah-buahan daripada syurga. Tidak ada manfaat untuk mengetahuinya bahkan tiada mudarat pula jika kita tidak mengetahuinya.³⁵

Sesungguhnya kisah-kisah *isrā'iliyyāt* tersebut adalah *isrā'iliyyāt* yang diklasifikasikan sebagai yang *mawqūf* yang tidak memberikan sebarang manfaat untuk mengetahuinya, malah ia perlu ditinggalkan sebagai langkah yang selamat bagi masyarakat awam.

2.3.2 Klasifikasi Kedua: *Isrā'iliyyāt* Yang *Ṣaḥīḥ*, *Da'īf* dan *Mawḍū'*

Menurut al-Dhahabī di dalam kitabnya *al-isrā'iliyyāt fi al-tafsīr wa al-hadīth* telah membahagikan *isrā'iliyyāt* kepada bahagian yang lebih terperinci. Walau bagaimanapun pembahagian tersebut merupakan pecahan daripada tiga bahagian umum iaitu *ṣaḥīḥ* dan bertepatan dengan nas, bercanggah dengan nas yang *qaṭ'i* dan *isrā'iliyyāt* yang didiamkan (*maskut `anhu*).³⁶ Dalam hal ini beliau juga telah mengklasifikasikan *isrā'iliyyāt* berdasarkan kesahihan sanadnya.

³⁴ Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī (1988), *op.cit.*, j.5, h. 131-134.

³⁵ *Ibid*, j.5, h.134.

³⁶ Mohd. Nazri bin Ahmad (2004), *Israiliyyat: Pengaruh dalam Kitab Tafsir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. h. 70.

2.3.2(a) *Isrā'iliyyāt* Yang *Ṣaḥīḥ*

Antara contoh *isrā'iliyyāt* yang *ṣaḥīḥ* dapat dilihat di dalam *Tafsir Ibnu Kathīr* ketika beliau menjelaskan tafsiran ayat:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي

التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ ﴿١٥٧﴾

Surah al-A`rāf (6): 157

Maksudnya: “Iaitu orang-orang yang mengikuti Rasul, Nabi yang ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil”.³⁷

Untuk menghuraikan ayat tersebut, Ibnu Kathīr di dalam tafsirannya yang telah menukilkan riwayat yang dibawa daripada Ibnu Jarīr. Telah berkata Ibnu Jarīr, telah diceritakan kepada kami oleh Muthannā, `Uthmān bin `Umar telah menceritakan kepada kami oleh Fulayh daripada Ḥilāl bin `Alī daripada `Atha' bin Yasar telah berkata ia: “Aku telah bertemu dengan `Abdullāh bin `Umar lantas aku katakan kepadanya : Ceritakanlah kepadaku tentang sifat Rasulullah yang terkandung dalam Taurat”. Dia menjawab: “Baiklah. Demi Allah! Sesungguhnya baginda disifatkan di dalam Taurat sama seperti sifatnya di dalam al-Quran: (iaitu), “Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami mengutus engkau untuk menjadi saksi pembawa berita gembira dan pemberi peringatan dan pemelihara bagi golongan *ummī*. Engkau adalah hambaKu dan RasulKu. Namamu al-Mutawakkil, tidak kasar dan tidak biadab. Dan Allah Ta`ālā tidak akan mematikannya sehinggalah dia menegakkan agama yang bengkok dengan mengatakan: Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan

³⁷ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 383.

dengannya Allah Ta`ālā membuka hati-hati yang tertutup, telinga-telinga yang pekak dan mata-mata yang buta.”³⁸

Ketika mana Ibnu Kathīr meriwayatkan kisah ini beliau telah mengaitkan riwayat ini dengan katanya: Sesungguhnya al-Bukhārī telah meriwayatkan di dalam *Ṣaḥīḥ*nya daripada Muḥammad bin Sinān daripada Fulayh daripada Ḥilāl bin `Ali, ia menceritakan sanadnya seperti yang telah disebutkan dan menambah setelah ucapannya: “Bahawa Nabi Muhammad itu tidak kasar dan keras” iaitu ucapannya: “Dan bagi sahabat-sahabatnya di pasar-pasar, baginda tidak pernah membalas keburukan dengan keburukan akan tetapi memaafkan dan mengampunkan mereka”.³⁹ Maka dengan adanya riwayat *isrā’īliyyāt* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* tersebut cukup membuktikan kesahihan kualiti sanadnya.

Rasulullah ﷺ bersabda:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً وَحَدِّثُوا عَن بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.⁴⁰

Maksudnya: “Sampaikanlah daripadaku walau sepotong ayat dan ceritakanlah tentang Banī Isrā’īl dan ia tidak menjadi kesalahan. Sesiapa yang melakukan pendustaan terhadap aku maka bersedialah tempat tinggalnya dalam api neraka.”

³⁸ Abu al-Fidā’ Ismā’īl bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j.2, h. 337.

³⁹ *Ibid.*, j. 2. h. 337.

⁴⁰ *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dalam *Fatḥ al-Bārī*. Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *Fatḥ al-Bārī*, “*Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā*”, *Bab Mā Dhukira `an Banī Isrā’īl*”, no.hadith 3461 . j.2, Amman: Bait al-Afkār al-Dauliyyah , h.1592.

Berdasarkan hadis yang dinyatakan tadi Al-Ḥafīẓ Ibnu Ḥajar al-ʿAsqalānī menjelaskan: “Tidak menjadi kesalahan kepada kamu untuk menyebut tentang Bani Isrāʾīl kerana sebelum itu baginda ﷺ telah melarang kamu daripada mengambil berita daripada mereka dan melihat kitab-kitab mereka, kemudian berlaku keluasan dalam perkara ini.”⁴¹

Larangan tersebut dilakukan sebelum terdapatnya hukum-hukum Islam dan kaedah-kaedah agama yang sistematik kerana ditakuti berlakunya fitnah dalam agama. Selepas itu, maka dibenarkan untuk menceritakan dan menerima berita daripada mereka kerana dengan mendengar berita-berita yang berlaku di zaman mereka akan mendatangkan pengiktibaran dan pengajaran.

2.3.2(b) *Isrāʾīliyyāt* yang *Ḍaʿīf*

Kedhaifan sesuatu *isrāʾīliyyāt* itu bergantung kepada kedhaifan sanadnya. *Ṣaḥīḥ* atau *Ḍaʿīf* sesuatu sanad itu dapat dinilai oleh mereka yang menguasai bidang *takhrīj al-ḥadīth* yakni suatu ilmu yang cukup teliti dalam membahaskan kualiti dan martabat sesuatu hadis.

Antara *isrāʾīliyyāt* yang *Ḍaʿīf* yang terdapat di dalam penafsiran al-Quran dijelaskan dalam ayat:

ق وَالْقُرْآنِ الْمَجِيدِ ﴿١﴾

Surah Qāf (50): 1

⁴¹ *Ibid*, j.2. h. 1593.

Maksudnya: “Qāf. Demi al-Quran yang melimpah-limpah kemuliaan dan kebajikannya (bahawa sesungguhnya Muhammad adalah Rasul yang diutus memberi peringatan dan amaran)”.⁴²

Dalam *Tafsir al-Qur’ān al-‘Azīm*, Ibnu Kathīr di mana beliau telah menaqalkan riwayat yang disampaikan oleh Ibnu Ḥatim daripada ayahnya, daripada Muḥammad bin Isma‘īl, daripada Layth bin Abī Sālim, daripada Mujahid daripada Ibnu ‘Abbās, yang menyebutkan sebagai berikut: “Maha Suci dan Maha Agung Allah yang menciptakan di balik bumi ini sebuah lautan yang melingkupinya, kemudian Allah menciptakan di balik lautan itu sebuah gunung yang dinamakan Qāf iaitu langit dunia yang tertegak di atasnya, kemudian Allah Ta‘ālā menciptakan di balik gunung itu bumi yang jumlahnya tujuh lapis, kemudian, di bawahnya lagi Allah menciptakan sebuah gunung yang bernama Qāf sehinggalah jumlah semuanya tujuh lapis bumi, tujuh gunung dan tujuh lapis langit.” Menurut Ibnu Kathīr juga sanad yang diriwayatkan adalah *inqiṭa‘* (terputus) dan bertentangan dengan riwayat lain yang juga diriwayatkan oleh Ibnu ‘Abbās.⁴³

Terdapat juga *isrā’iliyyāt da‘īf* yang disampaikan oleh at-Ṭabrānī dari Aḥmad bin Yahyā bin Khalid bin Hayyān al-Rāzī daripada Ishāq bin Ibrāhīm dari ‘Abdullāh bin ‘Amr bin ‘Aṣ yang berbunyi:

إِذَا طَلَعَتِ الشَّمْسُ فِي مَغْرِبِهَا خَرَّ إِبْلِيسُ سَاجِدًا يُنَادِي وَجِجْهَرُ : إِلَهِي مَرَّيْ أَنْ
أَسْجُدَ لِمَنْ شِئْتُ، قَالَ : فَيَجْتَمِعُ إِلَيْهِ زَبَانِيَّةٌ فَيَقُولُونَ كُلُّهُمْ مَا هَذَا التَّضَرُّعُ؟
فَيَقُولُ : إِنَّمَا سَأَلْتُ رَبِّي أَنْ يَنْظُرَنِي إِلَى الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ وَهَذَا الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ.

⁴² Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 1391.

⁴³ Abu al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j. 4. h. 283.

Maksudnya : Apabila terbit matahari dari tempat terbenamnya, Iblis merebahkan diri sambil bersujud dan berkata: “Wahai Tuhanku, perintahkan aku untuk bersujud kepada siapa sahaja yang Engkau kehendaki.” Lalu Malaikat Zabbāniyyah berkata: “Apa maksud perkataanmu itu?” Iblis menjawab: “Aku mohon agar Allah memberikan kesempatan kepadaku (untuk bertaubat). Dan sekaranglah waktu yang telah dijanjikanNya kepadaku.”⁴⁴

Menurut Ibnu Kathīr, sanadnya adalah *ḍaʿīf* di mana ia adalah *isrāʿīliyyāt* ini sangat asing (*mungkar jiddan*), dan kemungkinan berasal daripada dua kumpulan yang ditemukan oleh `Abdullāh bin `Amr bin al-`Asr ketika Perang Yarmuk.⁴⁵

2.3.2(c) *Isrāʿīliyyāt* Yang *Mawḍūʿ*

Isrāʿīliyyāt yang *mawḍūʿ* merupakan kisah yang direka-reka dan bertentangan dengan agama. Sesetengah kitab tafsir mengandungi hadis-hadis *mawḍūʿ* tentang fadhilat surah dan ayat-ayat al-Quran. Contohnya seperti penafsiran merujuk kepada ayat:

قَالُوا يٰذَا الْقَرْنَيْنِ اِنَّ يٰجُوجَ وَمَآجُوجَ مُفْسِدُوْنَ فِى الْاَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ
خُرْجًا عَلٰى اَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾

Surah al-Kahfi (18): 94

⁴⁴ *Ibid*, j. 2. h.261.

⁴⁵ *Ibid*, j. 2. h.261-262

Maksudnya: “Mereka berkata: "Wahai Zulqarnayn, Sesungguhnya kaum Ya’jūj dan Ma’jūj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?"⁴⁶

Dalam menjelaskan ayat ini, Ibnu Jarīr telah mengemukakan periwayatan *isrā’īliyyāt* daripada Ibnu Ḥumayd, daripada Salamah, daripada Muḥammad bin Ishāq, daripada seseorang yang tidak diragukan (*man lā yuttaham*), daripada Wahhab bin Munabbih bahawa Ya’jūj dan Ma’jūj memiliki kuku, gigi, dan geraham seperti binatang buas. Ketika sedang makan suaranya seperti lembu sapi, badannya pula dipenuhi bulu. Di antaranya adalah lelaki yang tidak akan mati sebelum keluar seribu anak daripada tulang rusuknya, dan wanitanya tidak akan mati sebelum lahir seribu anak daripada rahimnya.⁴⁷

Menurut Abu Shuhbah, sanadnya adalah *mawḍū`* dan merupakan kekeliruan daripada salah seorang perawinya disebabkan tipu daya orang-orang Yahudi.⁴⁸

Banyak juga hadis *mawḍū`* yang direka berkenaan fadhilat surah dalam al-Quran. Pencipta hadis ini bertujuan menggalakkan orang ramai membaca al-Quran dan mereka mendakwa bahawa mereka menyerahkan usaha mereka itu kepada Allah Ta`ālā untuk memberi ganjaran. Namun kita perlu jelas bahawa

⁴⁶ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 741.

⁴⁷ Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī (1988), *op.cit.*, j.9, h. 19.

⁴⁸ Abu Syuhbah Muḥammad bin Muḥammad (1408), *op.cit.*, h. 246.

tujuan, niat serta perbuatan sedemikian termasuk dalam ancaman⁴⁹ sebagaimana yang termaktub dalam sabda Nabi ﷺ :

وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.⁵⁰

Maksudnya: Sesiapa yang melakukan pendustaan terhadap para nabi maka bersedialah di mana tempat tinggalnya di dalam neraka.

Antara hadis *mawḍū'* tersebut ialah hadis yang diriwayatkan selain daripada `Ubay bin Ka`ab seperti hadis yang disebut oleh Zamakhsharī dan Bayḍawī berkenaan fadhilat surah al-Fātiḥah. Mereka berdua berkata: “Diriwayatkan daripada Ḥuzaifah bin Yaman bahawa Nabi ﷺ telah bersabda :

Sesungguhnya satu kaum itu pasti akan dikenakan azab oleh Allah Ta`ālā, lalu salah seorang kanak-kanak daripada kalangan kanak-kanak mereka membaca ayat di dalam *al-Kitāb* (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) maka Allah Ta`ālā mengangkat

azab daripada mereka selama 70 tahun. Walīy al-Dīn al-`Irāqī berkata: “Di dalam sanadnya ada al-Juwaybarī dan Ma`mūn al-Harawī iaitu dua orang pendusta. Hadis ini adalah antara rekaan salah seorang daripada mereka berdua.”⁵¹

⁴⁹ Abu Syuhbah, Muhammad b. Muhammad (2006), *op.cit.*, h.435.

⁵⁰ *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dalam *Fatḥ al-Bārī*. Aḥmad bin `Ali bin Ḥajar al-`Asqalānī (t.t), *op.cit.*, *Fatḥ al-Bārī*, “*Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā*”, no.hadīth 3461. j.2, h.1592.

⁵¹ Abu Syuhbah Muḥammad bin Muḥammad (2006), *op.cit.*, h. 439.

2.3.3 *Isrā'iliyyāt* Yang Berdasarkan Kepada Perkara-perkara Dalam Agama

Selain sudut pandangan sanad dan berketepatan dengan syariat, al-Dhahabī juga turut membahagikan *isrā'iliyyāt* dengan berdasarkan kepada jenis-jenis perkara dalam agama iaitu yang menyentuh sama ada hal-hal berkaitan akidah Islamiah, syariat dan selain keduanya.

2.3.3(a) *Isrā'iliyyāt* Yang Berkaitan Dengan Perkara Akidah

Terdapat *isrā'iliyyāt* yang berkaitan dengan perkara-perkara akidah seperti dalam penafsiran ayat:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالسَّمَاوَاتُ
مَطْوِيَّاتٌ بِيَمِينِهِ ۗ سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٧﴾

Surah al-Zumar (39): 67

Maksudnya: “Dan mereka (yang musyrik) tidak menghormati Allah Dengan penghormatan yang sewajibnya diberikan kepadaNya, sedang bumi seluruhnya - pada hari kiamat - dalam genggamannya, dan langit tergulung dengan kekuasaanNya. Maha sucilah ia dan tertinggi keadaannya dari apa yang mereka sekutukan”⁵²

Untuk menghuraikan ayat di atas Ibnu Kathīr telah mengemukakan *isrā'iliyyāt* daripada Ādam daripada Shaybān daripada Manṣūr daripada Ibrāhīm daripada

ʿUbaydah daripada ʿAbdullāh bin Masʿūd ﴿عَنْهُ﴾ :

⁵² Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 1237.

جَاءَ حَبْرٌ مِنَ الْأَحْبَارِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : يَا مُحَمَّدُ إِنَّا نَجِدُ أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَجْعَلُ السَّمَوَاتِ عَلَى أَصْبَعٍ, وَالْمَاءَ وَالشُّرَى عَلَى أَصْبَعٍ, وَسَائِرَ الْخَلْقِ عَلَى أَصْبَعٍ, فَيَقُولُ : أَنَا الْمَلِكُ, فَضَحَكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى بَدَتْ نَوَاجِدُهُ تَصْدِيقًا لِقَوْلِ الْحَبْرِ.⁵³

Maksudnya : Telah datang seorang dari kalangan pendeta Yahudi kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: “Wahai Muhammad!

Sesungguhnya kami mendapat keterangan bahawa Allah menciptakan langit-langit di atas sebatang jari, dan bumi-bumi di atas jari yang lain, pokok-pokok di atas jari yang lain, dan air serta binatang di atas jari yang lain, dan sekalian makhluk di atas jari yang lain. Lalu Ia berfirman:

“Sesungguhnya Kami adalah Raja.” Maka, Rasulullah ﷺ ketawa hingga menampakkan gigi gerahamnya sebagai membenarkan cerita pendeta tersebut. Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda [seperti ayat dalam surah al-Zumar ayat 67 tersebut]:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالسَّمَوَاتُ مَطْوِيَّاتٌ بِيَمِينِهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ

Surah al-Zumar (39): 67

Maksudnya: “Dan mereka (yang musyrik) tidak menghormati Allah Dengan penghormatan yang sewajibnya diberikan kepadaNya, sedang bumi seluruhnya - pada hari kiamat - dalam genggamannya, dan langit tergulung dengan kekuasaanNya. Maha

⁵³ Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j.4, h.80

sucilah ia dan tertinggi keadaannya dari apa yang mereka sekutukan”⁵⁴

Isrā’iliyyāt tersebut berkaitan dengan perkara akidah iaitu kekuasaan Allah Ta`ālā yang menjadikan bumi, langit dan sekalian makhluknya. Walaubagaimanapun, periwayatan tersebut adalah bertentangan dengan akidah kerana sesungguhnya Allah Ta`ālā tidak menyerupai segala makhluknya sama sekali seperti firman Allah Ta`ālā:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Surah al-Syura (42): 11

Maksudnya: “Tidak menyerupai Dia (Allah) seperti segala sesuatu, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat”⁵⁵

Penjelasan ayat tersebut perlu bertepatan dengan ayat al-Quran yang lain yang jelas menyatakan Allah berkuasa menciptakan langit, bumi dan sekalian makhluknya, manakala sifat jari adalah sifat yang tidak layak bagi Allah dengan bersandarkan ayat tersebut.

Al-Imam Ibnu Hajar al-`Asqalānī di dalam *Fath al-Bārī* telah menjelaskan sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Khāṭibī dalam menta’wilkan kalimah *al-iṣba`* bahawa riwayat yang mengatakan bahawa Rasulullah telah tertawa sehingga menampakkan gigi geraham baginda seolah-olah membenarkan ucapan Yahudi tadi adalah ditolak. Menurut al-Khāṭibī lagi sikap Nabi itu bukanlah bermaksud sepertimana yang difahami oleh periwayat di atas,

⁵⁴ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 1237.

⁵⁵ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 1284.

sebaliknya baginda terkejut dan mengingkari ucapan Yahudi itu yang mentashbihkan Allah dengan sesuatu. Selanjutnya beliau menyatakan ucapan Yahudi tersebut hanyalah rekaannya yang biasa menyerupakan Allah dengan makhlukNya.⁵⁶

Sesungguhnya Allah Ta`ālā tidak menyerupai segala makhlukNya yang perlu dijelaskan agar akidah terpelihara daripada mentashbihkan Allah Ta`ālā. Maka *isrā'iliyyāt* tersebut adalah perkara yang melibatkan akidah tetapi bertentangan dengan akidah yang perlu diketahui.

2.3.3(b) *Isrā'iliyyāt* Yang Berkaitan Dengan Perkara Syariah (Masalah Hukum).

Antara contoh *isrā'iliyyāt* yang berkaitan dengan perkara syariah atau hukum adalah merujuk kepada penafsiran ayat:

فِيمَا نَقَضُوا مِيثَقَهُمْ لَعْنَهُمْ وَعَجَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَسِيَةً ۖ كَفَرُوا ۖ فَكُنَّا لُكَمًا مِّنَ السَّمَاءِ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْعَذَابُ أَلِيمٌ
مَّوْضِعِهِ ۚ وَنُوسُوا حَظًّا مِّمَّا ذُكِّرُوا بِهِ ۚ وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَى خَائِنَةٍ مِّنْهُمْ إِلَّا
قَلِيلًا مِّنْهُمْ ۚ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَأَصْفَحْ ۚ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ ۝۱۳

Surah al-Mā'idah (5): 13

Maksudnya: “Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami laknatkan mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras membatu (tidak mahu menerima kebenaran). Mereka sentiasa mengubah kalimah-kalimah (yang ada di dalam Kitab Taurat dengan memutarnya) dari tempat-tempatnya (dan

⁵⁶ Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *op.cit.*, *Fatḥ al-Bārī*, “*Kitāb al-Tafsīr, Bāb Qawlihi Ta’āla wa ma qadaru Allāh haqqa qadrihi*”, no.hadith 4811. j.2, h.2104.

maksudnya) yang sebenar, dan mereka melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan mereka mereka dengannya. Dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa dapat melihat perbuatan khianat yang mereka lakukan, kecuali sedikit dari mereka (yang tidak berlaku khianat). oleh itu, maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan, kerana sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya.⁵⁷

Ibnu Kathīr menjelaskan ayat tersebut dengan memasukkan periwayatan yang berasal daripada Mālik, daripada Nāfi`, daripada `Abdullāh bin `Umar bahawa seorang Yahudi telah datang kepada Rasulullah bersama seorang lelaki dan seorang perempuan daripada kalangan mereka yang telah melakukan zina. Maka berkata Rasulullah ﷺ “Bagaimanakah kamu lakukan terhadap penzina di kalangan kamu?” Jawab mereka: “Kami cucurkan kedua-duanya dengan air panas dan kami sebat.” Bertanya Rasulullah ﷺ lagi: “Tidak adakah hukuman rejam dalam Kitab Taurat?”. Mereka menjawab: “Kami tidak mendapatinya”.⁵⁸

Lalu `Abdullāh bin Salām berkata kepada mereka: “Kamu berdusta, bawa ke mari kitab Taurat dan bacalah jika kamu orang yang benar”. Guru mereka yang mengajar Kitab Taurat itu meletakkan tangannya ke atas ‘ayat rejam’ . Beliau hanya membaca ayat sebelumnya dan selepasnya sahaja. Lalu `Abdullāh bin

⁵⁷ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 248.

⁵⁸ Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *Fatḥ al-Bāri*, “Kitāb al-Tafsīr, Bāb Qul fa`tu bi al-Tawrah fatūhā in kuntum šādiqīn”, no.hadith 4556 . j.2, Amman: Bait al-Afkār al-Dauliyyah , h.1961.; Abu al-Fidā’ Ismā`il bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j.2, h. 47.

Salām berkata sambil mengalihkan tangan guru yang menutupi ayat rejam tersebut: “Apakah ini?”. Apabila mereka melihat begitu mereka berkata : “Ini ayat rejam”.

Lalu Rasulullah ﷺ memerintahkan supaya kedua-duanya direjam berhampiran dengan tempat jenazah. `Abdullāh bin `Umar berkata: “Aku lihat lelaki itu mencondongkan badannya ke arah perempuan itu untuk memeliharanya daripada lontaran batu”.⁵⁹

2.3.3(c) *Isrā’iliyyāt* Yang Berkaitan Dengan Selain Daripada Akidah Dan Syariah.

Bagi menerangkan contoh *isrā’iliyyāt* dalam bahagian ini, Imam Ibnu Kathīr telah mengemukakan dalam tafsirannya ayat:

وَأَصْنَعُ الْفُلَّكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُغْرَقُونَ ﴿٣٧﴾

Surah Hūd (11): 37

Maksudnya: “Dan buatlah bahtera itu dengan pengawasan dan petunjuk wahyu Kami, dan janganlah kamu bicarakan dengan Aku tentang orang-orang yang zalim itu, sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan”.⁶⁰

Ketika menghuraikan ayat tersebut Ibnu Kathīr mencatatkan seperti berikut:

Muḥammad bin Ishāq telah menerangkan bahawa di dalam Kitab Taurat, Allah telah menyuruh Nabi Nūh untuk membuat kapal dari kayu jati. Kapal itu

⁵⁹ *Ibid.*; Al-Bukhari, Muhammad bin Isma‘il (t.t), *Sahih Al-Bukhari*, “Kitab al-Tafsir: Bāb Qul fa`tū bi al-Tawrah fatlūhā in kuntum ṣādiqīn”, j.3. Beirut: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah. h. 182.

⁶⁰ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 514.

panjangnya lapan puluh hasta dan lebarnya lima puluh hasta. Dalam dan luarnya hendaklah disapukan dengan minyak dan menjadikan bentuk hadapan kapal meruncing bagi membolehkannya membelah air.⁶¹

Kisah *isrā'īliyyāt* tentang Nabi Nūḥ dan perahunya juga terdapat dalam *Tafsir al-Ṭabarī* yang diriwayatkan kisah *isrā'īliyyāt* daripada Qasim, daripada Hussayn, daripada Hajjāj, daripada Mufaddil Faḍalah, daripada `Alī bin Jayd bin Zad`an, daripada Yūsuf bin Mahran, daripada Ibnu `Abbās.⁶²

Penafsiran ayat tersebut yang menggunakan periwayatan *isrā'īliyyāt* adalah tidak berkaitan perkara akidah mahupun syariah (hukum), maka diklasifikasikan sebagai *isrā'īliyyāt* yang berkaitan dengan selain akidah dan syariah.

2.4 Cara Penyebaran *Isrā'īliyyāt* dan Sumber-sumbernya

Penyebaran *isrā'īliyyāt* telah berlaku sejak zaman sahabat lagi melalui kisah-kisah dan penceritaan yang bersumberkan kepada tokoh-tokoh seperti Tamīm al-Dārī, `Abdullāh bin Salam, Ka`ab al-Akhbar, Wahhab bin Munabbih dan Ibnu Jurayj.

⁶¹ Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j.2, h. 584.

⁶² Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī (1988), *op.cit.*, j.12, h. 21- 27.

2.4.1 Cara Penyebaran *Isrā'īliyyāt* Ke Dalam Tafsir Al-Quran

Menurut al-Dhahabī, memasukkan *isrā'īliyyāt* ke dalam tafsir telah pun bermula sejak zaman sahabat lagi, di mana terdapat beberapa sahabat yang terlibat seperti Ibnu `Abbās, Abū Hurayrah, Ibnu Mas`ud dan `Umar bin As. Walaubagaimanapun, memasukkan *isrā'īliyyāt* pada ketika itu tidak berlebihan di mana para sahabat amat berhati-hati dalam menerima *isrā'īliyyāt*.⁶³

Kemasukan *isrā'īliyyāt* ke dalam tafsir dan hadis adalah didahului dengan kemasukan *thaqafah* bangsa Isrā'īl (peradaban bangsa Isrā'īl) ke dalam *thaqafah `Arabiyyah* di zaman *Jahiliyyah*.⁶⁴

Terdapat di kalangan bangsa Arab *Jahiliyyah*, satu kumpulan daripada golongan ahli kitab yang kebanyakannya berasal daripada bangsa Yahudi telah dihalau ke Jazīrah (semenanjung) Arab pada suatu ketika dahulu dan terdapat juga orang-orang yang berpindah secara besar-besaran pada tahun 70-an selepas kelahiran al-Masih `Isā ﴿ﷺ﴾ kerana melarikan diri daripada azab yang dikenakan oleh Titus al-Rūmī.⁶⁵

Kemudian ajaran Islam hadir mewarnai kehidupan masyarakat Arab *Jahiliyyah*. Seruan Islam adalah merupakan seruan yang julung kali lahir dan tersebar di kalangan penduduk Semenanjung Arab. Ibu negeri Islam adalah Madinah yang mana dari sinilah lahirnya majlis-majlis ilmu Rasulullah dalam mendidik para sahabatnya. Madinah dan sekitarnya terdapat beberapa golongan Yahudi turut

⁶³ Muḥammad Hussayn al-Dhahabī (1986), *op.cit*, h. 58.

⁶⁴ Muḥammad Hussayn al-Dhahabī (1996), *al-Israiliyyat fī al-Tafsir wa al-Hadith*, Ahmad Fadilah Sarnap (terj), Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa. h. 22.

⁶⁵ *Ibid.*

mendiami Madinah iaitu Bani Qaynuqa', Bani Qurayzah, Bani al-Naḍir, Bani Khaybar, Taima' dan Fada'.⁶⁶

Berdasarkan kepada asimilasi dan kejiwaan tersebut, maka tercetuslah pertukaran ilmu pengetahuan di antara orang-orang Yahudi dan umat Islam. Rasulullah ﷺ pula bertemu dengan orang-orang Yahudi untuk menyampaikan dakwah Islam kepada mereka. Orang-orang Yahudi juga sering menemui baginda untuk menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan mereka atau bertujuan untuk menguji kebenarannya.⁶⁷

Golongan *zindiq* pula banyak membawa cerita *khurafat* dan dongengan yang tercatat di dalam kitab mereka. Mereka telah memasukkannya ke dalam riwayat Islam dan telah menggunakannya untuk mentafsirkan beberapa ayat al-Quran, dengan menisbalkannya secara dusta kepada Rasulullah atau kepada sahabat atau *tabi'in*. Orang yang tidak mengetahui hakikat sebenar telah datang dengan membuat tohmahan terhadap Islam disebabkan oleh riwayat batil ini seperti hadis `Iwaj bin `Iwaq dan yang seumpamanya.⁶⁸

Walaupun bagaimanapun, pada zaman Rasulullah ﷺ, unsur-unsur *isrā'iliyyāt* tidak dapat mencemari bidang penafsiran memandangkan baginda amat mengambil serius akan hal ini serta melarang para sahabat daripada menaalkan riwayat *isrā'iliyyāt* ke dalam tafsir. Pendirian Rasulullah berkenaan

⁶⁶ *Ibid.* h. 24.

⁶⁷ `Abd al-Rahmān bin Abi Bakar al-Suyūfī (t.t), *al-Khaṣa'is al-Kubrā*, Muḥammad Khalil Haras, (tahqiq), j.1. Mesir: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah. h. 473 - 481. Lihat juga Ramzi Na'na'ah (1970), *op.cit.*, h. 109.

⁶⁸ Abu Syuhbah Muḥammad bin Muḥammad (1408), *op.cit.* h. 87.

isrā'iliyyāt ini dapat dilihat berdasarkan hadis yang dikeluarkan oleh Imam Aḥmad bin Hanbal daripada hadis Jabīr bin `Abdullāh bahawasanya Sayyidinā `Umar al-Khaṭṭab telah menemui Rasulullah ﷺ dengan membawa sebuah kitab yang disusun oleh ahli kitab dan dibacakannya, maka baginda kelihatan marah dan bersabda :

أَمْتَهُوْكَوْنَ فِيْهَا يَا ابْنَ الْخَطَّابِ؟ وَالَّذِيْ نَفْسِيْ بِيَدِهِ لَقَدْ جِئْتُكُمْ بِهَا بَيِّضَاءَ نَفِيَّةً

لَأَتَسْأَلُوهُمْ عَنِ شَيْءٍ فَيُخْبِرُكُمْ بِحَقٍّ فَتُكْذَبُوا بِهِ أَوْ بِبَاطِلٍ فَتُصَدِّقُوا بِهِ وَالَّذِي

نَفْسِيْ بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ مُوسَى صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ حَيًّا مَا وَسِعَهُ إِلَّا أَنْ يَتَّبِعُنِي.⁶⁹

Maksudnya: “Tidakkah engkau syak wasangka atau ragu padanya (kitab yang dibacakannya itu) wahai Ibnu Khaṭṭab? Demi diriku di tanganNya sesungguhnya telah didatangkan kepada kamu sesuatu yang putih bersih (syariat al-Quran), janganlah kamu bertanyakan kepada mereka (ahli kitab) dari sesuatu, maka diceritakan kepada kamu sesuatu yang benar (kemungkinan) kamu akan dustakan atau (diceritakan) sesuatu yang dusta (kemungkinan) kamu benarkan pula, demi diriku di tanganNya jikalau Mūsā ﷺ masih hidup tentu ia tidak keberatan untuk mengikuti aku”

Namun apabila bermulanya zaman sahabat maka lahirlah titik permulaan penyingkapan sumber yang menyerap secara halus dalam kehidupan manusia khususnya dari sudut ilmiah. Zaman Sayyidinā Abū Bakar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan `Umar

⁶⁹ Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, (t.t) *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, no. hadith 14736. j.4. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī. h. 376.

﴿صَلَّى عَلَيْهِ﴾ masih lagi dianggap bersih daripada unsur-unsur penyerapan *isrā'īliyyāt* tetapi menjelang zaman Sayyidinā `Uthmān bin `Affān dan Sayyidinā `Alī ﴿صَلَّى عَلَيْهِ﴾ telah bermulalah secara terbuka sumber-sumber kemasukan ini ke dalam segenap lapangan ilmu pengetahuan Islam. Bidang penafsiran merupakan sasaran utama mereka dan telah mendatangkan kesan dalam memasukkan unsur *isrā'īliyyāt*.⁷⁰

2.4.2 Sumber Periwiyatan *Isrā'īliyyāt*

Sumber penyebaran *isrā'īliyyāt* yang utama adalah berasal daripada tokoh-tokoh ahli kitab yang berbangsa Yahudi dan kemudiannya memeluk Islam, sama ada daripada kalangan sahabat mahupun *tabi'in*. Mereka telah dikenali sebagai sumber primer *isrā'īliyyāt*. Menurut para ulama antara tokoh-tokoh tersebut adalah:

i) Tamīm al-Dārī.

Beliau ialah Tamīm bin `Aws al-Dārī. Sesetengah pendapat mengatakan nama beliau ialah Khārijah bin Sūd dan ada yang menyatakan namanya ialah Sawād bin Juzaymah bin Ḍira' bin `Adiy bin al-Dar bin Hanī bin Habīb bin Namarah bin Lakham. Beliau beragama Nasrāni dan memeluk Islam bersama saudaranya Nu`aym pada tahun 9H. Qatādah menyatakan bahawa beliau adalah pendeta Ahli Kitab. Beliau meninggal dunia di

⁷⁰ Rozali Adam (1985), *Al-Quran di antara Tafsir dan Israiliyyat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 103.

Syam dan dikebumikan di Bayt Jibrīn, sebuah daerah di antara Bayt al-Maqdis dan Ghazzah di Palestin pada 40H.⁷¹

Beliau telah memeluk Islam pada 9 Hijrah. Beliau telah meriwayatkan hadis daripada Rasulullah ﷺ. Antara perawi hadis yang turut meriwayatkan hadis daripadanya ialah Ibnu `Amru, Ibnu `Abbās, Abū Hurayrah, Anas bin Mālik, `Abdullāh bin Wahhāb dan lain ramai lagi.⁷²

ii) `Abdullāh bin Salam.

Beliau adalah Ahli Kitab Muslim yang meriwayatkan hadith secara langsung daripada Rasulullah. Hadith riwayat beliau telah diriwayatkan oleh sebahagian besar sahabat dan tabi'in seperti Abū Hurayrah, kedua anaknya Yūsuf dan Muḥammad, `Awf bin Mālik, Abū Burdah bin Abū Mūsā, `Ata' bin Yasar dan lain-lain lagi.⁷³

Nama beliau ialah Abū Yūsuf `Abdullāh bin Salām bin Ḥarith al-Isra'iliyy al-Ansārī. Beliau berketurunan anak lelaki Nabi Yūsuf bin Ya`qūb. Ketika kedatangan Nabi ke Madinah, beliau memeluk Islam dan diberi nama `Abdullāh. Beliau pernah terlibat dalam perang Badar dan meninggal dunia di Madinah ketika pemerintahan Mu`āwiyah pada 43H.⁷⁴

⁷¹ Ibn al-Athīr (1970), *Uṣd al-Ghabah fī Ma'rifah al-Ṣaḥābah*, j3. h.264-265

⁷² Aḥmad bin `Ali bin Ḥajar al-`Asqalānī (1908), *Al-`Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*. Mesir: Matba'ah al-Sa'ādah. h.191.

⁷³ Al-Dhahabi (1976), *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j.1 Mesir: Dār al-Maktub al-Ḥadīthah. h.183; Ibn Hisham (1994), *Sirah al-Nabawiyah*. j.2, T.P: T.T.P. h130-131

⁷⁴ *Ibid.*

Mengenai ilmu beliau telah diakui oleh Imam al-Bukhārī sendiri iaitu `Abdullāh bin Salām merupakan seorang yang paling berilmu di kalangan bangsa Yahudi serta anak kepada orang yang paling alim di kalangan mereka.⁷⁵

iii) Ka`ab al-Akhbar

Beliau adalah Ka`ab bin Manī al-Humairī dan digelar sebagai Abū Ishāq. Gelaran sebagai Ka`ab al-Ahbar diberi memandangkan kepada ilmunya yang mendalam. Beliau berasal dari bangsa Yahudi di Yaman dan masuk Islam pada zaman pemerintahan `Umar bin Al-Khaṭṭab. Banyak cerita-cerita *isrā`iliyyāt* dinisbahkan kepadanya. Riwayat-riwayat beliau diterima oleh Mu`āwiyah, Abū Hurayrah, Ibnu `Abbās, Mālik bin Abī Amir al-Aṣbānī, `Aṭa' bin Abī Rabbah dan lain-lain. Menurut Abū Rayyah, beliau adalah seorang yang menunjukkan keislamannya dengan tujuan menipu, hatinya menyembunyikan sifat-sifat keyahudiannya. Dengan kecerdikannya beliau telah berusaha mempengaruhi Abū Hurayrah agar tertarik kepadanya sehingga beliau dengan mudah menceritakan perkara-perkara yang khurafat. Kethiqahannya telah menjadi perdebatan para ulama. Aḥmad Amīn umpamanya meragui kethiqahan beliau bahkan keagamaannya. Namun Abū Muslim Al-Hajjāj telah mencantumkan riwayat yang berasal daripadanya.⁷⁶

⁷⁵ Al-Tirmizi (t.t.), *Kitab al-Manaqib `an Rasullullah*, “Bab Manaqib `Abd Allah bin Salam”, no hadith 3740.

⁷⁶ Ibn Hibban, Abu Hatim Muhammad Ibn Ahmad al-Busti (1979), *Kitab al-Thiqat*, j.5. Beirut: Dar al-Fikr. h.333-334.; Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j1. h. 187-189.

iv) Wahhab bin Munabbih

Nama penuhnya ialah Abū `Abdullāh Ibnu Munabbih Ibnu Sij Ibnu Kināj al-Yamānī. Ia memeluk Islam pada zaman Rasulullah ﷺ.

Beliau dikatakan merupakan salah seorang yang alim dari Yaman Beliau telah meriwayatkan daripada Ibnu `Umar, Ibnu `Abbas, Jabīr dan selainnya. Menurut al-Dhahabī beliau adalah orang yang boleh dipercayai jujur serta banyak menukilkan *isrā`iliyyāt*. Menurut Ibnu Hajar beliau adalah *tabi`īn* yang miskin yang mendapat kepercayaan dari jumhur ulama. Abū Zuhrah dan Nasā`ī berkata bahawa Wahhab adalah orang yang *thiqah* (amat dipercayai).⁷⁷ Beliau telah wafat pada tahun 114 Hijrah. Begitu banyak riwayat beliau yang dinyatakan di dalam tafsir hatta yang berasal daripada ahli kitab.⁷⁸

v) Ibnu Jurayj

Beliau merupakan *tabi`īn*. Ibnu Jurayj menerima riwayat-riwayat daripada kalangan sahabat dan generasi sesudahnya seperti Ibnu `Abbās, Ammar bin Aşr, Muḥammad bin Sa`id al-Kalbī, Muqātil bin Sulaymān. Mereka dikenali sebagai sumber sekunder *isrā`iliyyāt*.⁷⁹

⁷⁷ *Ibid.*, h.487-488; `Abd al-Aziz al-Duri (1961) Dr., *Tarikh Sadr al-Islam*, c.2. Beirut: al-Matba`ah al-Kathulikiyyah. h.103.; Ibn `Abd Allah al-Rumi Yaqut (t.t.), *Mu`jam al-Udaba`*, j.19. Mesir: Matbu`ah Dar al-Ma`mun. h. 260.

⁷⁸ Abu Syuhbah Muḥammad bin Muḥammad (1408), *op.cit.*, h. 72.

⁷⁹ Abu al-Fidā' Ismā`īl bin Kathīr (1994), *op.cit.*, j.1. h. 195

Beliau adalah seangkatan dengan Mālik bin Anas. Aḥmad bin Hanbal menyatakan bahawa beliau adalah seorang yang sangat mengambil berat tentang ilmu.⁸⁰

Secara ringkasnya faktor yang mendorong kemasukan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* ke dalam penafsiran al-Quran dapat dirumuskan kepada tiga perkara iaitu:

- i) *Tabi'in* menurut para ulama *mufasssirīn* tidak dianggap keseluruhannya memiliki sikap yang tegas dan adil tidak sebagaimana para sahabat. Oleh yang demikian, ada di kalangan yang begitu mudah menaqalkan riwayat-riwayat dari ahli kitab. Mereka dengan mudah menukikan riwayat *isrā'īliyyāt* yang sejak zaman Nabi tidak mempunyai bukti kebenarannya.⁸¹
- ii) Semakin bertambahnya golongan ahli kitab yang memeluk Islam. Memandangkan kesungguhan mereka menganut Islam maka menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan Yahudi lantas mereka berkomplot untuk memeluk Islam atas dasar *zura* (menipu daya semata-mata). Tegasnya mereka ini adalah tokoh yang telah memeluk Islam secara munafik.⁸²
- iii) Seterusnya antara faktor lain adalah berpunca daripada sedikitnya penglibatan umat Islam sendiri dalam masalah pengkajian kitab. Masyarakat awam hanya menerima maklumat yang mereka terima tanpa dapat menilai kebenarannya dan kesahihannya sama ada ia

⁸⁰ Ibn al-Imad Abu al-Falah `Abd al-Hayy al-Hanbali (1931), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, j.1. Kaherah: Maktabah al-Qudsi. h.226.

⁸¹ Rozali Adam (1985), *op.cit.*, h. 148.

⁸² *Ibid.*

bersumberkan ahli kitab mahupun orientalis yang muncul di zaman *muta'akhkirin*.⁸³

Secara ringkasnya dapatlah dirumuskan di sini bahawa antara faktor yang mendorong penyisipan unsur-unsur *isrā'īlyyāt* ke dalam penafsiran al-Quran adalah berpunca daripada keghairahan orang-orang Arab *Jāhiliyyah* merujuk dan bertanya tentang penciptaan alam dan makhluk kepada ahli-ahli Kitab. Perkara ini berlanjutan sehinggalah kedatangan *al-Dīn al-Islām*.

Selain itu, kemasukan ahli-ahli Kitab ke dalam agama Islam secara berpura-pura juga turut menjadi faktor kepada penyerapan unsur-unsur *isrā'īlyyāt* di dalam bidang penafsiran.

2.5 Pandangan Ulama dan Hukum Periwaiatan *Isrā'īlyyāt*

Terdapat banyak pandangan ulama dalam menyatakan hukum periwaiatan *isrā'īlyyāt* di mana terdapat sebahagiannya mengeluarkan dalil yang mengharuskan dan terdapat sebahagiannya yang menegahnya. Namun, ia memerlukan kepada penjelasan yang terperinci yang sangat berkait kepada klasifikasi *isrā'īlyyāt* itu sendiri.

⁸³ *Ibid.*

2.5.1 Pandangan Ulama Terhadap *Isrā'iliyyāt*

Para ulama berbeza pendapat tentang kedudukan *isrā'iliyyāt* sama ada ia harus diriwayatkan ataupun tidak. Maka, timbulnya perbezaan pendapat di kalangan ulama pada sehingga ke hari ini tentang hukum periwayatannya, namun ia perlu dijelaskan agar jalan yang paling selamat dipegang khususnya dalam perkara yang melibatkan akidah umat Islam sejagat.

Menurut Ibnu Hajar al-`Asqalānī, hanya *isrā'iliyyāt* yang selari dan berketepatan dengan syariat sahaja yang boleh diriwayatkan, manakala *isrā'iliyyāt* yang bertentangan dengan syariat maka perlu ditolak. Walaubagaimanapun, *isrā'iliyyāt* yang *mawqūf* tidak perlu dibenarkan ataupun ditolak, tetapi boleh diriwayatkan namun ia tidak banyak memberikan faedah.⁸⁴

Manakala menurut Muḥammad bin Muḥammad Abū Shuhbah, *isrā'iliyyāt* yang menggunakan hadis-hadis yang *mawḍū`* adalah tidak boleh sama sekali dalam apa jua keadaan kecuali dijelaskan statusnya ia adalah *mawḍū`* atau dusta.⁸⁵

Menurut Muḥammad Ḥussayn al-Dhahabī, para *mufasssir* perlu mengambil berat serta amat teliti tentang periwayatan *isrā'iliyyāt* di dalam penafsiran al-Quran agar dapat memelihara roh al-Quran daripada pencemaran tersebut. Selain itu, beliau berpandangan bahawa dalam keadaan apa sekalipun para *mufasssir* tidak

⁸⁴ Aḥmad bin `Ali bin Ḥajar al-`Asqalānī (1959), *Fath al-Bari*, j.11. Matba'ah al-Khairiyyah. h. 101

⁸⁵ Abu Syuhbah Muḥammad bin Muḥammad (1408), *op.cit.* h. 11.

boleh mengambil riwayat *isrā'iliyyāt* sekiranya telah dijelaskan oleh Rasulullah

ﷺ. ⁸⁶

2.5.2 Hukum Pengambilan Periwiyatan *Isrā'iliyyāt* Dalam Penafsiran Al-Quran

Terdapat dua hukum yang telah dibahasakan oleh para ulama dalam pengambilan periwiyatan *isrā'iliyyāt* dalam menafsirkan al Quran, iaitu:

- i) Pengambilan riwayat *isrā'iliyyāt* yang harus dalam menafsirkan al-Quran
- ii) Pengambilan riwayat *isrā'iliyyāt* yang ditegah dalam menafsirkan al-Quran

2.5.2(a) Dalil Yang Mengharuskan Pengambilan Riwayat *Isrā'iliyyāt*

Di antara dalil yang membenarkan serta mengharuskan pengambilan riwayat *isrā'iliyyāt* dalam penafsiran. Allah Ta`ālā dengan jelas telah berfirman:

فَإِنْ كُنْتُمْ فِي شَكٍّ مِّمَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ فَسْأَلِ الَّذِينَ يَقْرَأُونَ الْكِتَابَ مِنْ
قَبْلِكَ لَقَدْ جَاءَكَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٩٤﴾

Surah Yūnus (10): 94

Maksudnya: “Oleh itu, sekiranya engkau (wahai Muḥammad) merasa ragu-ragu tentang apa yang Kami turunkan kepadamu, maka

⁸⁶ Muḥammad Hussayn al-Dhahabī (1986), *op.cit.*, h. 165.

tanyakanlah kepada ahli kitab sebelum kamu. Sesungguhnya telah datang kepadamu kebenaran dari Tuhanmu, maka jangan sekali-kali engkau menjadi dari golongan yang ragu-ragu”.⁸⁷

Oleh itu, adalah diharuskan untuk bertanya kepada ahli kitab dengan berdasarkan kepada ayat di atas di mana ia menunjukkan kepada keharusan (*‘ibāḥah*).

Antara hadis yang menjelaskan hukum pengharusan ini adalah sepertimana yang *Kitab Fath al-Bārī* syarah kepada *Kitāb Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً وَحَدِّثُوا عَنِ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا

فَلْيَسَّبُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.⁸⁸

Maksudnya : “Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat dan ceritakanlah tentang Bani Isrā’īl tidak menjadi kesalahan. Dan barangsiapa mendustakan terhadap diriku secara sengaja maka hendaklah ia bersiap sedia tempatnya ke neraka”

2.5.2(b) Dalil Yang Menegah Pengambilan Riwayat *Isrā’īliyyāt*

Di dalam al-Quran telah termaktub bahawa orang Yahudi serta Nasrāni merupakan golongan yang menyeleweng, mengubah dan menyembunyikan

⁸⁷ Sheikh Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, h. 497.

⁸⁸ *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dalam *Fath al-Bārī*. Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalānī (t.t), *Fath al-Bārī*, “*Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā*”, *Bab Mā Dhukira ‘an Banī Isrā’īl*”, no.hadith 3461 . j.2, Amman: Bait al-Afkār al-Dauliyyah , h.1592..

sebahagian besar daripada isi kandungan kitab suci mereka yang telah diwahyukan kepada Nabi Musa عليه السلام dan Nabi Isa عليه السلام.

Lantaran sikap mereka itulah maka umat Islam telah hilang kepercayaan terhadap apa yang mereka sampaikan. Allah telah berfirman di dalam al-Quran yang memperihalkan penyelewengan yang dilakukan oleh golongan ini. Mereka cuma memperlihatkan apa yang mereka suka sahaja dan menyembunyikan kebanyakan daripada isi kandungan kitab Taurat.⁸⁹

Para ulama tafsir telah mengeluarkan beberapa dalil yang menegah pengambilan riwayat *isrā'iliyyāt*. Antaranya sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam kitab *Ṣaḥīḥ*nya: “Bahawa Muḥammad bin Bashīr telah menceritakan kepada kami daripada `Uthmān bin `Umar daripada `Alī bin Mubārah dari Yaḥyā bin Abū Kathīr daripada Abū Salamah daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه berkata: Sesungguhnya Ahli Kitab itu membaca Kitab Taurat dengan bahasa Ibrani dan menafsirkannya untuk umat Islam dengan bahasa Arab. Kemudian Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda :

لَا تُصَدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابِ وَلَا تُكَدِّبُوهُمْ وَقُولُوا آمِنًا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا...

Maksudnya : “Janganlah kamu sekalian membenarkan Ahli Kitab mahupun mendustakannya dan katakanlah oleh kamu sekalian:

⁸⁹ Mohd. Nazri Ahmad (2004). *op.cit.*, h. 84 - 86.

Kami semua beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan kepada kami⁹⁰

Dalil kedua yang turut menegah pengambilan *isrā'iliyyāt* ini adalah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad bin Ḥanbal, Ibnu Abū Shaybah dan Imam Bazar dari hadis Jabīr bin `Abdullāh :

أَنَّ عُمَرَ ابْنَ الْخَطَّابِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكِتَابٍ أَصَابَهُ مِنْ بَعْضِ أَهْلِ
الْكِتَابِ فَقَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَغَضِبَ فَقَالَ: أَمِنَهُو كُونَ فِيهَا يَا ابْنَ
الْخَطَّابِ؟ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ جِئْتُكُمْ بِهَا بَيِّضَاءَ نَقِيَّةٍ لَا تَسْأَلُوهُمْ عَنْ شَيْءٍ
فَيُخْبِرُهُمْ بِحَقِّ فَتَكْذِبُوا بِهِ أَوْ بِيَاطِلٍ فَتَصْدُقُوا بِهِ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ مُوسَى
عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ حَيًّا مَا وَسِعَهُ إِلَّا أَنْ يَتَّبِعَنِي.....⁹¹

Maksudnya: “Bahawasanya `Umar bin al-Khaṭṭab telah datang kepada Nabi ﷺ dengan membawa surat yang ditulis oleh Ahli Kitab lalu ia membacakannya dan nabi merasa marah lalu baginda berkata: Apakah engkau bimbang dan ragu tentang surat tersebut wahai Ibnu Khaṭṭab? Demi Allah yang mana diriku berada dalam kekuasaanNya, aku telah mendatangkan surat itu kepada kamu sekalian dalam keadaan putih bersih. Janganlah kamu sekalian bertanya kepada mereka tentang sesuatu, lalu mereka

⁹⁰ Aḥmad bin `Ali bin Ḥajar al-`Asqalānī (t.t), *Faṭḥ al-Bārī*, “Kitāb al-Tafsīr, Bab Qūlū āmannā bi Allah wa mā unzila ilaynā”, no.hadīth 4485 . j.2, Amman: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah , h.1938.; Muhammad bin Muhammad Al-Bukhārī (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Tafsīr, no hadith 4125. j.4. Beirut: Dār al-Fikr. h. 270.

⁹¹ Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, (t.t) *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, no. hadith 14736. j.4. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī. h. 376.

menceritakannya kepada kamu sekalian dengan sebenar-benarnya akan tetapi kamu mendustakannya atau mereka membawa berita yang palsu akan tetapi kamu membenarkannya. Demi Zat, di mana diriku berada dalam kekuasaannya, seandainya Nabi Mūsā masih hidup tidaklah beliau memberi kebebasan melainkan menyuruh mengikuti jejakku.”

Setelah mengemukakan dalil-dalil penegahan di atas maka dapatlah difahami di sini bahawa kebolehpercayaan terhadap sebarang perkhabaran yang dibawa oleh golongan Ahli Kitab tidak dapat dipercayai sepenuhnya.

2.5.3 Jalan Terbaik Dalam Menghadapi *Isrā’iliyyāt*

Oleh itu, dalam penggunaan *isrā’iliyyāt* dalam penafsiran terdapat dalil yang mengharuskan dan terdapat juga yang melarangnya. Menurut al-Dhahabī *isrā’iliyyāt* boleh digunakan dengan perlu dijelaskan status kualitasnya, tetapi lebih baik meninggalkannya.⁹²

Walaupun terdapat dalil yang mengharuskannya ia perlu dilihat dari skop keselarian dengan syariat yang memenuhi syarat-syarat berikut⁹³:

- i) *Isrā’iliyyāt* tersebut tidak boleh digunakan untuk menjelaskan penafsiran al-Quran apabila telah terdapat keterangan yang telah dijelaskan oleh Rasulullah secara umumnya.

⁹² Muḥammad Hussayn al-Dhahabī (1976) *at-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, Mesir: Dār al-Maktub al-Ḥadīthah. h. 182-183

⁹³ Muḥammad Munīr Al-Dimasyqī (t.t) *Irsyād ar-Raghīb fi Kasyfān Ayy al-Qur’ān al-Mubīn*, Damaskus: Idārah at-Ṭibā’ah al-Muniriyyah. h. 35

- ii) *Isrā'īliyyāt* hanya boleh digunakan dengan bertujuan sebagai pelengkap (*'ishtishhād*) atas kebenaran al-Quran semata-mata.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa hanya *isrā'īliyyāt* yang selari dengan syariat sahaja yang diharuskan untuk digunakan dengan syarat status *isrā'īliyyāt* itu hendaklah dijelaskan dalam pengambilan periwayatan *isrā'īliyyāt*. Di samping itu ianya perlu memenuhi dua (2) syarat yang telah dijelaskan iaitu hanya sebagai pelengkap dan ianya tidak boleh digunakan jika terdapat keterangan yang telah jelas daripada Rasulullah ﷺ.

BAB 3: METODOLOGI DAN HURAIAN FOKUS KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Metodologi yang dijalankan merangkumi beberapa bentuk yang merangkumi metod pengumpulan maklumat, metod kajian lapangan dan metod analisis data. Ketiga-tiga metod tersebut signifikan dalam melakukan analisa terhadap tiga (3) skop kajian iaitu silibus buku teks, kitab-kitab tafsir Melayu dan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI).

3.2. Metod Pengumpulan Maklumat

Metod dokumentasi ialah metod pengumpulan yang didapati dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji⁹⁴. Manakala dokumen ialah benda-benda yang bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan⁹⁵.

Kajian yang dijalankan memerlukan pengumpulan maklumat khususnya dalam menjelaskan kerangka teori dengan membuat rujukan kepada kitab-kitab melalui kaedah kajian perpustakaan (*literature review*). Di samping itu, kaedah historis juga dijalankan bagi menjelaskan sesuatu perkara yang berkaitan sejarah dan sebab penurunan ayat al-Quran yang berkaitan.

⁹⁴ Abd Halim Hj. Mat Diah (1987), *Risalah: Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 117.

⁹⁵ Iman Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta, Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, h. 55.

3.2.1 Dokumentasi Melalui Kajian Perpustakaan (*Literature Review*)

Pengumpulan maklumat yang dijalankan lebih menumpukan untuk mengeluarkan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang terdapat di dalam buku teks berdasarkan penafsiran ayat-ayat al-Quran. Di samping itu, ayat-ayat kefahaman yang merujuk kepada penafsiran ayat-ayat al-Quran dalam silibus buku teks akan dibandingkan dengan penafsiran ayat-ayat al-Quran pada kitab-kitab tafsir bahasa Melayu. *Isrā'īliyyāt* yang terdapat pada penafsiran ayat dalam kitab-kitab tafsir bahasa Melayu juga akan dikeluarkan untuk proses pengkajian.

3.2.2 Silibus Buku Teks Pendidikan Islam Sekolah Menengah

Buku teks Pendidikan Islam adalah merupakan silibus yang perlu diajar oleh guru-guru pendidikan Islam kepada para pelajar. Terdapat lima (5) buah buku teks yang dirujuk seperti berikut:

- i) Pendidikan Islam Tingkatan Satu
- ii) Pendidikan Islam Tingkatan Dua
- iii) Pendidikan Islam Tingkatan Tiga
- iv) Pendidikan Islam Tingkatan Empat
- v) Pendidikan Islam Tingkatan Lima

Berdasarkan kepada buku-buku teks sekolah menengah, silibus dibahagikan kepada beberapa kategori tajuk iaitu:

- i) Bahagian *Tilāwah al-Qur'ān*

- ii) Bahagian *Hadīth*
- iii) Bahagian *`Aqīdah*
- iv) Bahagian *`Ibādah*
- v) Bahagian *Sīrah*
- vi) Bahagian *Akhlāq Islāmiyyah*

Dalam bahagian *tilāwah al-qur'ān* terdapat silibus yang dinamakan 'ayat kefahaman' yang berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Ayat-ayat kefahaman tersebut ditafsirkan dan ia perlu diajar kepada para pelajar. Sesetengah penafsiran ayat al-Quran memaparkan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang dijadikan silibus, sama ada disedari atau tidak disedari oleh guru-guru pendidikan Islam itu sendiri.

Oleh itu, kajian ini menggunakan metod dokumentasi dengan meneliti dan mengenalpasti penafsiran ayat-ayat al-Quran dalam silibus buku teks pendidikan Islam. Seterusnya dikeluarkan sebarang unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang dikenalpasti untuk dijalankan proses pengklasifikasian sama ada klasifikasi yang berketepatan syariat, klasifikasi dari sudut kesahihannya dan klasifikasi dari sudut perkara-perkara agama (akidah, syariat, dan selainnya).

Berikut adalah senarai ayat-ayat al-Quran yang dijadikan ayat kefahaman kepada para pelajar seperti yang terdapat dalam silibus buku teks pendidikan Islam tingkatan satu seperti yang terdapat dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Senarai Ayat Kefahaman Daripada al-Quran (Tingkatan 1)

| <i>No</i> | <i>Tajuk (Tingkatan Satu)</i> | <i>Al-Quran (Surah: Ayat)</i> | <i>Muka Surat</i> |
|-----------|--|-----------------------------------|-----------------------|
| 1 | Al-Quran Menjana Kecemerlangan Hidup | Al-Baqarah: 1-5 | 3-7 |
| 2 | Mencontohi Kepatuhan Malaikat | Al-Baqarah: 34-37 | 11-15 |
| 3 | Berbudaya dan Bertaqwa Cara Hidup Mukmin | Al-Baqarah: 83 | 19-23 |
| 4 | Sabar Menghadapi Ujian Allah Ta`ālā | Al-Baqarah: 155-156 | 26-29 |
| 5 | Makanan Yang Halal dan Haram Menurut Islam | Al-Baqarah: 168 | 32-37 |
| 6 | Kepentingan Doa Dalam Hidup Mukmin | Al-Baqarah: 201 | 40-43 |
| 7 | Arak dan Judi Memusnahkan Kehidupan | Al-Baqarah: 219 | 47-50 |
| 8 | Keagungan dan Kekuasaan Allah Ta`ālā | Al-Baqarah: 255 | 53-57 |
| 9 | Berpegang Teguh Dengan Agama Islam | Al-Baqarah: 256 | 60-65 |
| 10 | Sifat-sifat Allah Ta`ālā | Al-Baqarah: 286-284 | 68-73 |
| 11 | Adab Menjaga Fitrah Lelaki dan Perempuan: Kisah Nabi Lūt | Hūd: 82 | 244-245 |
| 12 | Dalil Kewujudan Allah Ta`ālā: Kejadian Alam | Al-Zumar: 62 | 115-117 |
| 13 | Riwayat Hidup Rasulullah | Al-`Alaq: 1-5 | 207-208 |

Sumber: Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu (2004)

Senarai ayat-ayat kefahaman dalam al-Quran yang terdapat dalam silibus buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua adalah seperti Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Senarai Ayat Kefahaman Daripada al-Quran (Tingkatan 2)

| <i>No</i> | <i>Tajuk (Tingkatan 2)</i> | <i>Al-Quran (Surah: Ayat)</i> | <i>Muka Surat</i> |
|-----------|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------|
| 1 | Hidayah Sumber Kebahagiaan | Āli-`Imrān: 8 | 3-7 |
| 2 | Ilmu Penyuluh Kehidupan | Āli-`Imrān: 18 | 11-15 |
| 3 | Menginsafi Kekuasaan Allah | Āli-`Imrān: 26 | 19-24 |
| 4 | Menghargai Sunnatullah | Āli-`Imrān: 27 | 28-32 |
| 5 | Perpaduan Asas Kesejahteraan | Āli-`Imrān: 103 | 35-40 |
| 6 | Dakwah Tanggungjawab Bersama | Āli-`Imrān: 110 | 44-51 |
| 7 | Segera Bertaubat dan Beristighfar | Āli-`Imrān: 133-136 | 56-62 |
| 8 | Mencontohi Dakwah Rasulullah | Āli-`Imrān: 159 | 65-68 |

Sumber: Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua (2003)

Berikut adalah senarai ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam silibus buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Tiga seperti Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Senarai Ayat Kefahaman Daripada al-Quran (Tingkatan 3)

| <i>No</i> | <i>Tajuk (Tingkatan 3)</i> | <i>Al-Quran (Surah: Ayat)</i> | <i>Muka Surat</i> |
|-----------|--|-----------------------------------|-----------------------|
| 1 | Memohon Keampunan dan Rahmat Allah | Al-A`rāf: 23 | 10-13 |
| 2 | Meyakini Hari Kebangkitan | Al-A`rāf: 57 | 17-22 |
| 3 | Memanfaatkan Anugerah Allah Ta`ālā | Al-A`rāf: 179 | 25-30 |
| 4 | Mengingati Allah Ta`ālā Menenangkan Hati | Al-A`rāf: 205-206 | 33-37 |
| 5 | Menunaikan Kewajipan Solat Jumaat | Al-Jumu`ah: 11 | 40-42 |

Sumber: Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Tiga (2005)

Senarai ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam silibus buku teks pendidikan Islam tingkatan empat yang dijadikan ayat kefahaman adalah seperti Jadual 3.4.

Jadual 3.4: Senarai Ayat Kefahaman Daripada al-Quran (Tingkatan 4)

| <i>No</i> | <i>Tajuk (Tingkatan 4)</i> | <i>Al-Quran (Surah: Ayat)</i> | <i>Muka Surat</i> |
|-----------|-------------------------------|-----------------------------------|-----------------------|
| 1 | Manusia Perlu Bersyukur | Al-An`ām: 6 | 5-8 |
| 2 | Rasul Penyampai Wahyu | Al-An`ām: 50 | 14-18 |
| 3 | Larangan Mempersendakan Agama | Al-An`ām: 70 | 22-25 |
| 4 | Hidayah Milik Allah | Al-An`ām: 120 | 27-31 |

Sumber: Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Empat (2005)

Jadual 3.4 (sambungan): Senarai Ayat Kefahaman Daripada al-Quran (Tingkatan 4)

| No | Tajuk (Tingkatan 4) | Al-Quran (Surah: Ayat) | Muka Surat |
|----|--------------------------|---------------------------|---------------|
| 5 | Aqidah Teras Kehidupan | Al-An`ām: 161-165 | 34-37 |
| 6 | Ciri-ciri Mukmin Berjaya | Al-Mu`minūn: 1-11 | 43-47 |
| 7 | Nasihat Luqmān al-Hakim | Luqmān: 12-19 | 53-58 |

Sumber: Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Empat (2005)

Senarai ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam silibus buku teks Pendidikan Islam Tingkatan lima yang dijadikan ayat kefahaman adalah seperti Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Senarai Ayat Kefahaman Daripada al-Quran (Tingkatan 5)

| No | Tajuk (Tingkatan 5) | Al-Quran (Surah: Ayat) | Muka Surat |
|----|---|---------------------------|---------------|
| 1 | Layanan Baik Terhadap Orang Bukan Islam | Al-Tawbah: 6 | 5-8 |
| 2 | Nabi Muhammad Utusan Allah | Al-Tawbah: 128-129 | 14-17 |
| 3 | Batas-batas Pergaulan | Al-Nur: 30-31 | 24-27 |
| 4 | Hidayah Allah | Al-Nūr: 35 | 32-36 |
| 5 | Peribadi Mukmin | Al-Sajdah: 15-16 | 43-46 |
| 6 | Kemuliaan al-Quran | Al-Ḥashr: 21-24 | 51-54 |

Sumber: Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Lima (2005)

3.2.2(a) *Isrā'īliyyāt* Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Sekolah Menengah

Tafsiran ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam silibus dikaji dan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dikeluarkan seperti berikut:

| No | Tajuk | Al-Quran (Surah: Ayat) | Tingkatan | Muka Surat |
|----|---|------------------------------|-----------|---------------|
| 1 | Kisah Nabi Ādam, Hawā dan Pohon Larangan | Al-Baqarah: 35 | 1 | 12 |
| 2 | Kisah Kaum Bani Isrā'īl dan Hidangan dari langit | Āli-'Imrān: 26 | 2 | 20 |
| 3 | Kehinaan Bani Isrā'īl sehingga Mereka Sesat Di Padang Pasir Selama 40 Tahun | Āli-'Imrān: 26 | 2 | 20 |
| 4 | Nabi Ādam, Hawā dan Iblis | Al-A'rāf: 23 | 3 | 10 |

3.2.2(b) *Isrā'īliyyāt* Dalam Buku Teks dan Ulasan Berdasarkan Rujukan Kitab-kitab Tafsir Bahasa Melayu

Kitab-kitab tafsir bahasa Melayu signifikan dijadikan rujukan kerana ia menggunakan bahasa Melayu yang mudah difahami khususnya kepada para guru dan pelajar. Malah kitab-kitab tafsir Melayu juga sering terdapat di perpustakaan sekolah untuk dijadikan rujukan bersama. Oleh itu, *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam buku teks yang telah dikeluarkan akan dirujuk kepada beberapa kitab tafsir bahasa Melayu seperti berikut:

- i) Kitab *Tafsīr Ibn al-Kathīr* terjemahan bahasa Melayu (Imām Ibnu Kathīr)

- ii) Kitab *Tafsīr al-Azhār* (Dr. Syaikh `Abdul Mālik bin `Abdul Karim Amrullah (HAMKA))
- iii) Kitab *Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān* terjemahan bahasa Melayu (Sayyid Qutub)

3.3 Metod Kajian Lapangan

Kajian Lapangan dijalankan menfokuskan kepada skop kajian terhadap guru-guru pendidikan Islam. Oleh itu, guru-guru pendidikan Islam adalah merupakan responden dalam kajian lapangan dan seterusnya metod soal selidik dijalankan untuk memperolehi maklumat tentang faktor demografik, kefahaman *isrā'iliyyāt*, kecenderungan merujuk kitab tafsir dan *isrā'iliyyāt* dalam pengajaran di sekolah menengah.

3.3.1 Pemilihan Responden

Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) merupakan responden dalam kajian lapangan yang melibatkan seramai 128 orang dari seluruh sekolah-sekolah menengah di zon Keramat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Responden seramai seratus dua puluh lapan (128) orang ini adalah merupakan sampel yang dipilih bagi mewakili populasi keseluruhan guru-guru pendidikan Islam di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu seramai empat ratus lima puluh tiga (453) orang.

Jumlah 128 orang GPI (sampel) adalah mewakili 28.25% daripada 453 orang GPI (populasi) di seluruh sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh itu, sampel yang melebihi 10% ini akan menghasilkan keesahan keputusan kajian yang akan menggambarkan keseluruhan tahap kefahaman *isrā'iliyyāt* di kalangan GPI di Kuala Lumpur.

3.3.1(a) Latarbelakang Guru-guru Pendidikan Islam

Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) ialah guru-guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam. Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah menengah adalah guru-guru yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda bidang-bidang tertentu dalam pengajian Islam seperti berikut:

- i) Usuluddin
- ii) Syariah Islamiah
- iii) Bahasa Arab
- iv) Pengajian Islam
- v) Lain-lain (yang lebih mengkhususkan sesuatu bidang tetapi mempunyai kaitan dengan pengajian Islam seperti kewangan Islam, al-Quran dan al-Sunnah, dakwah dan kepimpinan dan sebagainya)

Kebanyakan guru-guru pendidikan Islam terdiri daripada guru-guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam, namun bagi sesetengah sekolah menengah di mana terdapat bidang pengkhususan bidang agama akan mengajar matapelajaran seperti berikut:

- i) Pengajian Syariah Islamiah
- ii) Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah
- iii) Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi
- iv) Tasawwur Islam

Walaupun bagaimanapun, kajian ini hanya mengambil kira guru-guru yang mengajar matapelajaran pendidikan Islam sahaja kerana tidak semua sekolah menengah yang menawarkan kesemua matapelajaran tersebut berbanding matapelajaran pendidikan Islam yang dipelajari oleh kesemua sekolah menengah.

Seramai empat ratus lima puluh tiga (453) orang Guru Pendidikan Islam (GPI) yang mengajar di seluruh sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di mana seratus dua puluh lapan (128) orang GPI mengajar di sekolah-sekolah menengah di zon Keramat.

3.3.1(b) Latarbelakang Sekolah-sekolah Menengah di Zon Keramat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terbahagi kepada empat (4) zon iaitu:

- i) Zon Keramat
- ii) Zon Bangsar
- iii) Zon Pudu
- iv) Zon Sentul

Keseluruhan sekolah-sekolah menengah di Kuala Lumpur ialah sebanyak lapan puluh enam (86) buah, di mana dua puluh dua (22) buah sekolah berada dalam zon Keramat. Sekolah-sekolah menengah di zon Keramat yang ditinjau adalah seperti berikut:

- i) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Puteri Wilayah
- ii) SMK Padang Tembak
- iii) SMK Zon R1 Wangsa Maju
- iv) SMK Seksyen 2 Wangsa Maju
- v) SMK Seksyen 5 Wangsa Maju
- vi) SMK Wangsa Melawati
- vii) SMK Taman Melati
- viii) SMK Taman Seri Rampai
- ix) SMK Taman Setiawangsa
- x) SMK Desa Tun Husseini Onn
- xi) SMK Puteri Titiwangsa
- xii) SMK Seri Titiwangsa
- xiii) SMK Puteri Ampang
- xiv) SMK Seri Ampang
- xv) SMK Tinggi Setapak
- xvi) SMK Setapak Indah
- xvii) SMK St. John
- xviii) SMK Danau Kota
- xix) SMK Convent Bukit Nanas
- xx) SMK (P) Air Panas
- xxi) SM Vokasional (ERT)

3.3.2 Soal Selidik Yang Dijalankan

Kajian lapangan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada soalan-soalan yang dirangka dalam soal selidik kepada kesemua responden yang merangkumi soal selidik faktor demografik, kefahaman *isrā'īliyyāt*, *isrā'īliyyāt* dalam penafsiran al-Quran dan *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran.

3.3.2(a) Faktor Demografik

Dalam kajian ini, faktor demografik merangkumi umur, jantina, status perkahwinan, tahap tertinggi kelulusan pendidikan, pengkhususan pendidikan ijazah pertama, tempat kelulusan pendidikan, tahun pengalaman bekerja dan tingkatan pelajar yang pernah diajar.

Selain daripada itu, responden juga dikemukakan persoalan tentang tahap penguasaan bahasa Arab yang merangkumi penguasaan pembacaan, penulisan, pendengaran dan percakapan.

Di samping itu juga, beberapa soalan umum yang berkaitan kajian diajukan seperti berikut:

- i) Adakah responden pernah mempelajari *isrā'īliyyāt* semasa pengajian di ijazah pertama?

- ii) Adakah responden benar-benar memahami *isrā'īliyyāt*?
- iii) Adakah responden merujuk kepada kitab-kitab tafsir sebelum atau semasa proses pengajaran?
- iv) Adakah responden pernah membincangkan tentang unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam pembelajaran dan pengajaran?

Soalan umum tersebut bertujuan untuk mendapatkan hubungan korelasi dengan soalan terperinci yang diajukan seterusnya bagi mendapatkan keesahan maklumat daripada responden. Sekiranya responden mengakui kefahaman yang jelas tentang *isrā'īliyyāt* tetapi terdapat bertentangan dengan jawapan yang diajukan secara terperinci, maka keesahan maklumat boleh diulas secara kualitatif. Sebagai contoh, berkemungkinan kefahaman responden hanya melibatkan takrifan istilah semata-mata tetapi masih belum benar-benar memahami dalam sumber dan hukum periwayatan *isrā'īliyyāt*.

3.3.2(b) Kefahaman *Isrā'īliyyāt*

Bahagian kedua soalan-soalan yang diajukan dalam soal selidik adalah berkaitan kefahaman *isrā'īliyyāt* secara terperinci yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- i) Kefahaman takrifan *isrā'īliyyāt*.
- ii) Kefahaman tentang klasifikasi *isrā'īliyyāt*.
- iii) Kefahaman tentang sumber periwayatan *isrā'īliyyāt*.
- iv) Kefahaman tentang hukum periwayatan *isrā'īliyyāt*.
- v) Kefahaman dan sikap terbaik dalam menghadapi *isrā'īliyyāt*.

Soalan-soalan dalam soal selidik yang merangkumi perkara-perkara di atas diajukan secara terperinci bertujuan untuk mengukur sejauh manakah kefahaman responden untuk mendapatkan analisa secara kualitatif yang berkesan.

3.3.2(c) *Isrā'īlyyāt* Dalam Penafsiran Al-Quran

Bahagian ketiga soalan dalam soal selidik adalah merujuk kepada penafsiran ayat-ayat al-Quran yang terkandung di dalamnya unsur-unsur *isrā'īlyyāt*. Responden perlu mengenalpasti sama ada tafsiran yang dikemukakan adalah *isrā'īlyyāt* ataupun bukan *isrā'īlyyāt*. Ia merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i) Mengetahui *isrā'īlyyāt* dalam penafsiran al-Quran berdasarkan kisah Nabi Ādam, Hawā dan Iblis di Syurga
- ii) Mengetahui *isrā'īlyyāt* dalam penafsiran al-Quran berdasarkan kisah Nabi Mūsā, Banī Isrā'īl dan Sapi
- iii) Mengetahui tentang *isrā'īlyyāt* yang terdapat dalam silibus berdasarkan kisah Nabi Ādam, Hawā dan Iblis di Syurga
- iv) Mengetahui tentang *isrā'īlyyāt* yang tiada dalam silibus berdasarkan kisah Nabi Ādam, Hawā dan Iblis di Syurga
- v) Mengetahui tentang *isrā'īlyyāt* yang tiada dalam silibus berdasarkan kisah Nabi Mūsā, Banī Isrā'īl dan Sapi
- vi) Mengetahui *isrā'īlyyāt* yang tiada dalam silibus berdasarkan kisah *Tābūt* dan *Sakīnah*

- vii) Mengetahui bahawa tafsiran tersebut bukan *isrā'liyyāt* seperti yang terdapat dalam silibus berdasarkan tentang perihal *ṭaghūt*
- viii) Mengetahui bahawa tafsiran tersebut bukan *isrā'liyyāt* seperti yang terdapat dalam silibus berdasarkan tentang kisah *Tābūt* dan *Sakīnah*
- ix) Mengajar *isrā'liyyāt* seperti yang terdapat dalam silibus berdasarkan kisah Nabi Ādam, Hawā dan Iblis
- x) Mengajar *isrā'liyyāt* seperti yang terdapat dalam silibus berdasarkan kisah Nabi Mūsā, hidangan burung puyuh dan madu.
- xi) Mengajar *isrā'liyyāt* yang tiada dalam silibus berdasarkan kisah Nabi Mūsā, Banī Isrā'īl dan Sapi
- xii) Mengajar *isrā'liyyāt* yang tiada dalam silibus berdasarkan kisah *Tābūt* dan *Sakīnah*.

3.3.2(d) *Isrā'liyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan oleh responden (Guru-guru Pendidikan Islam) kepada para pelajar di sekolah. Di antaranya terdapat Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang hanya mengikut silibus buku teks dan terdapat juga GPI yang cenderung untuk menceritakan kisah-kisah tertentu bagi tujuan untuk menarik minat para pelajar. Oleh itu, kemungkinan terdapat unsur-unsur *isrā'liyyāt* dalam kisah-kisah tersebut yang dijadikan alat bantuan mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian lapangan melalui soal-selidik ini meninjau kecenderungan responden dalam menceritakan kisah-kisah dan unsur-unsur *isrā'liyyāt* dalam pengajaran

mereka. Pernyataan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dan kisah-kisah yang berkaitan diajukan kepada responden dengan skala kadar 'Likert' digunakan sebagai metod pengukuran dan penganalisaan.

3.4 Metod Analisis Data

Maklumat dan data-data yang diperolehi daripada metod pengumpulan maklumat dan metod kajian lapangan akan dianalisa dengan menggunakan metod komparatif dan metod induktif. *Isrā'īliyyāt* yang telah dikeluarkan daripada buku teks seterusnya diklasifikasikan dan dibuat perbandingan di antaranya melalui metod komparatif. *Isrā'īliyyāt* tersebut juga dibandingkan dengan tafsiran yang sahih.

Data-data daripada kajian lapangan juga dianalisa yang mencakupi kefahaman responden yang merupakan sampel kepada populasi keseluruhan guru-guru pendidikan Islam seluruh Kuala Lumpur. Aspek kefahaman *isrā'īliyyāt*, kecenderungan merujuk kitab tafsir Melayu, kecenderungan penerapan *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran, faktor demografik dianalisa secara deskriptif dan hubungkait, seterusnya kesimpulan umum dibuat berdasarkan pemerhatian tersebut yang telah dikhususkan.

3.4.1 Metod Komparatif

Metod komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan menjalankan perbandingan antara beberapa data yang diperolehi, di mana kesemua data dan pendapat ahli yang berautoriti dikumpulkan dan dilakukan perbandingan seterusnya kesimpulan dibuat beserta generalisasi dan dalil⁹⁶.

Justeru, metod komparatif diaplikasikan dengan kaedah perbandingan skop kajian di antara *isrā'īliyyāt* dalam buku teks dan *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam sebahagian kitab-kitab tafsir yang telah dikeluarkan. Pengklasifikasian *isrā'īliyyāt* juga dibuat bagi kedua-dua skop kajian tersebut seterusnya perbandingan tafsiran yang bersandarkan periwayatan *isrā'īliyyāt* dengan tafsiran yang sahih dilakukan.

3.4.1(a) Perbandingan *Isrā'īliyyāt* Dalam Buku Teks Dengan Kitab-kitab Tafsir Bahasa Melayu

Berdasarkan *isrā'īliyyāt* yang telah dikeluarkan daripada silibus buku teks pendidikan Islam, kemudian ianya dibandingkan dengan tafsiran yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir seperti berikut:

- i) Kitab *Tafsīr Ibn al-Kathīr* terjemahan bahasa Melayu (Imam Ibnu Kathir)
- ii) Kitab *Tafsīr al-Azhār* (Dr. Syaikh Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (HAMKA))

⁹⁶ Abd Halim Hj Mat Diah (1987), *opcit.*, h.136

- iii) Kitab *Tafsīr Fī Zīlāl al-Qur'ān* terjemahan bahasa Melayu (Sayyid Qutub)

Perbandingan dilakukan untuk mengkaji persamaan penafsiran dan penambahan penafsiran yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir tersebut.

3.4.1(b) Pengklasifikasian *Isrā'īliyyāt*

Berdasarkan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang telah dikeluarkan daripada silibus buku teks dan kitab-kitab tafsir bahasa Melayu, pengklasifikasian *isrā'īliyyāt* dilakukan seperti berikut:

- i) Klasifikasi *isrā'īliyyāt* yang berdasarkan ketepatan syariat:
- *Isrā'īliyyāt* yang selari dengan syariat
 - *Isrā'īliyyāt* yang tidak selari dengan syariat
 - *Isrā'īliyyāt* yang *mawqūf*
- ii) Klasifikasi *isrā'īliyyāt* yang berdasarkan kesahihan sanad
- *Isrā'īliyyāt* yang *sahīḥ*
 - *Isrā'īliyyāt* yang *ḍa'īf*
 - *Isrā'īliyyāt* yang *mawḍū'*
- iii) Klasifikasi *isrā'īliyyāt* yang berdasarkan perkara-perkara agama:
- *Isrā'īliyyāt* yang berkaitan dengan akidah
 - *Isrā'īliyyāt* yang berkaitan dengan syariat (perkara hukum)
 - *Isrā'īliyyāt* yang berkaitan dengan selain akidah dan syariat.

3.4.2 Metod Induktif

Metod induktif adalah satu kaedah analisa data yang dilakukan untuk mengeluarkan kesimpulan secara umum melalui pemerhatian yang dilakukan secara khusus⁹⁷. Merujuk kepada skop kajian yang dijalankan, pemerhatian secara khusus dibuat dengan mengukur kefahaman Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) khususnya di sekolah menengah zon Keramat untuk mengeluarkan kesimpulan secara umum bagi mewakili keseluruhan guru-guru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.4.2(a) GPI Zon Keramat Sebagai Sampel Kepada Populasi Keseluruhan GPI di Kuala Lumpur

Data-data daripada hasil kajian lapangan yang merujuk kepada guru-guru pendidikan Islam yang mengajar di sekolah-sekolah menengah zon Keramat secara khususnya dianalisa dari sudut demografi, kefahaman *isrā'īliyyāt* dan kesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada pemerhatian sampel yang khusus ini, seterusnya dilakukan pemerhatian dan kesimpulan secara umum bagi mewakili keseluruhan guru-guru pendidikan Islam di Kuala Lumpur.

⁹⁷ *Ibid.* h.52.

3.4.2(b) Kesimpulan Umum Yang Dibuat Berdasarkan Pemerhatian Yang Khusus

Kesimpulan umum yang dibuat bagi mewakili keseluruhan guru-guru pendidikan Islam di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berdasarkan pemerhatian secara khusus guru-guru pendidikan Islam di zon Keramat mencakupi perkara-perkara seperti berikut:

- i) Faktor demografi keseluruhan guru-guru Pendidikan Islam
- ii) Penguasaan bahasa Arab di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- iii) Pengetahuan *isrā'īliyyāt* secara umum guru-guru pendidikan Islam
- iv) Kadar kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- v) Faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- vi) Kesan kurangnya kefahaman *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah

3.4.3 Metod Pengukuran, Teknik Skala dan Aplikasi Perisian SPSS

Metod pengukuran hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian lapangan dianalisa dengan menggunakan aplikasi statistik melalui perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Untuk melakukan analisa tersebut, soalan yang dikemukakan dalam soal selidik kajian lapangan adalah berdasarkan kepada kerangka teori dengan aplikasi teknik skala dimana ianya boleh diukur. Maka jawapan yang akan dikemukakan oleh responden tertakluk kepada jenis kadar skala yang ditentukan di mana ia merangkumi skala *dichotomous*, skala *likert* dan skala kategori.

Di samping itu, pembolehubah-pembolehubah perlu ditentukan sama ada sama ada pembolehubah yang tidak bergantung atau pembolehubah yang tidak bergantung untuk mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara dua pembolehubah.

3.4.3(a) Pembolehubah dan Pemilihan Jenis Pembolehubah

Pengukuran kepada hasil dapatan adalah melalui kaedah soal-selidik di mana pembolehubah ditentukan sama ada pembolehubah itu adalah pembolehubah yang tidak bergantung (*independent variables*) atau pembolehubah yang bergantung (*dependent variables*).

i) Pembolehubah Yang Tidak Bergantung (*Independent Variables*)

Pembolehubah yang tidak bergantung ialah pembolehubah yang mempengaruhi pembolehubah yang bergantung sama ada secara positif atau negatif.

ii) Pembolehubah Yang Bergantung (*Dependent Variables*)

Pembolehubah yang bergantung ialah pembolehubah yang primer dalam kajian di mana ia bergantung dan dipengaruhi oleh kepada pembolehubah yang tidak bergantung. Ia bermakna terdapat hubungkait di antara keduanya sama ada hubungkait secara positif ataupun negatif.

3.4.3(b) Teknik Skala

Teknik skala ialah bentuk skala yang digunakan untuk mengukur elemen-elemen pembolehubah. Teknik skala terbahagi kepada dua (2) iaitu skala penilaian (*rating scales*) dan skala peringkat (*ranking scales*). Contoh-contoh teknik skala penilaian ialah skala *dichotomous*, skala *likert*, skala kategori, skala numerikal dan skala pembezaan semantik. Manakala contoh-contoh teknik skala peringkat ialah perbandingan berpasangan (*paired comparison*), pilihan dipaksa (*force choice*) dan skala perbandingan (*comparative scale*).

Walaupun bagaimanapun, hanya tiga jenis teknik skala yang digunakan dalam kajian ini untuk mengukur elemen-elemen dalam pembolehubah iaitu dengan menggunakan skala *dichotomous*, skala kategori dan skala *likert*.

i) Skala *Dichotomous*

Skala *dichotomous* ialah teknik skala penilaian yang digunakan untuk mengenalpasti pemilihan sama ada ya ataupun tidak terhadap pernyataan-pernyataan pembolehubah yang dikemukakan. Setiap persoalan yang dikemukakan dalam soal selidik perlu dipilih oleh setiap responden berdasarkan skala *dichotomous* yang disediakan seperti berikut:

- Ya
- Tidak

ii) Skala Kategori

Skala kategori ialah teknik skala penilaian yang digunakan untuk mengenalpasti elemen-elemen pembolehubah yang dipilih oleh responden berdasarkan kenyataan-kenyataan yang dikemukakan. Setiap responden akan memilih hanya satu kategori bagi setiap pernyataan yang dikemukakan. Contohnya, pengkhususan pendidikan peringkat ijazah pertama:

- Usuluddin
- Syariah Islamiah
- Bahasa Arab
- Pengajian Islam

iii) Skala Kadar *Likert*

Skala *likert* ialah teknik skala penilaian yang digunakan untuk mengenalpasti dan mengukur kadar persetujuan terhadap pernyataan-pernyataan pembolehubah yang dikemukakan. Setiap persoalan yang dikemukakan dalam soal selidik perlu dipilih oleh setiap responden satu jawapan berdasarkan skala *likert* yang disediakan seperti berikut:

- Setuju
- Tidak Pasti
- Tidak Setuju

3.4.3(c) Analisa Secara Statistik Melalui Aplikasi Perisian SPSS

Berdasarkan data-data hasil dapatan yang diperolehi daripada soal-selidik kajian lapangan, kesemuanya dianalisa secara statistik dengan menggunakan aplikasi perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS 16.0). Data-data tersebut dianalisa secara deskriptif berdasarkan:

- i) Kekерapan (Frekuensi)
- ii) Hubungan signifikan di antara pembolehubah melalui ujian *Chi-Square*

Penganalisan yang dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Analisa Pembolehubah Secara Deskriptif Kekерapan (Frekuensi)

Berdasarkan data-data pembolehubah-pembolehubah yang diperolehi, kesemuanya akan dianalisa secara deskriptif kekерapan (frekuensi) yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- Faktor demografi di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- Penguasaan bahasa Arab di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- Kaedah mengetahui *isrā'iliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- Kadar kefahaman *isrā'iliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam yang merangkumi kefahaman pengertian *isrā'iliyyāt*, klasifikasi, sumber periwayatan dan hukum periwayatannya.

ii) Menganalisa dan Mengenalpasti Hubungan Signifikan Di antara Pembolehubah-pembolehubah.

Berdasarkan data-data pembolehubah yang didapati ujian *chi-square* dijalankan bagi mengenalpasti hubungan signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam seperti pengkhususan ijazah dan inisiatif pembacaan tentang *isrā'īliyyāt* dan seminar-seminar yang pernah dihadiri.
- Mengenalpasti akibat kurangnya kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam akan mempengaruhi penerapan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- Mengenalpasti hubungan *isrā'īliyyāt* yang terdapat di dalam silibus akan mempengaruhi penerapan *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- Mengenalpasti hubungan merujuk kitab-kitab tafsir yang terdapat unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dapat mempengaruhi penerapan *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

BAB 4: DATA DAN ANALISIS

4.1 Pendahuluan

Berdasarkan kepada kajian lapangan yang dijalankan, data-data daripada hasil dapatan kajian lapangan tersebut di analisa bagi memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan. Seramai 128 responden di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) telah disoal-selidik yang merangkumi dua puluh dua (22) buah sekolah di zon Keramat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilihan responden yang berjumlah 128 orang tersebut adalah merupakan sampel bagi mewakili 28.25% daripada keseluruhan populasi Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Keseluruhan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seramai 453 orang.

Penganalisan data-data tersebut merangkumi pengukuran secara deskriptif frekuensi iaitu kekerapan terhadap faktor demografi GPI, kadar penguasaan bahasa Arab, kadar kefahaman *isrā'īliyyāt*, kadar kecenderungan penerapan *isrā'īliyyāt* dan kekerapan merujuk kitab-kitab tafsir di kalangan mereka. Di samping itu, berdasarkan ujian *chi-square* yang dijalankan analisa yang dijalankan dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman *isrā'īliyyāt* dan faktor-faktor yang dipengaruhi penerapan *isrā'īliyyāt* dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4.2 Pengetahuan *Isrā'īlyyāt* dan Faktor Demografik Guru-guru Pendidikan Islam

Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) merupakan tenaga pengajar yang terlibat secara formal dalam penerapan kefahaman pendidikan agama Islam kepada para pelajar di sekolah. Dalam konteks pendidikan Islam di sekolah menengah, mereka seharusnya mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang jelas tentang *isrā'īlyyāt* khususnya terhadap perkara-perkara yang melibatkan pemahaman penafsiran ayat-ayat al-Quran yang merupakan silibus bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kepincangan kefahaman *isrā'īlyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam akan mengakibatkan kepincangan kefahaman di kalangan para pelajar sekolah. Dalam mengkaji kefahaman *isrā'īlyyāt* di kalangan mereka, faktor demografi adalah merupakan di antara faktor yang mempengaruhi kadar kefahaman *isrā'īlyyāt* secara umum. Di samping itu, faktor demografi juga memberikan kesan kepada penerapan unsur-unsur *isrā'īlyyāt* pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

4.2.1 Faktor Demografik di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI)

Analisa dijalankan terhadap faktor demografi bagi guru-guru pendidikan Islam yang merangkumi jantina, umur, status, tahap kelulusan tertinggi pendidikan dan tahun pengalaman bekerja sebagai pengajar di sekolah menengah.

Selain daripada itu, pengkhususan kelulusan ijazah pertama seperti usuluddin, syariah, bahasa Arab, pengajian Islam dan lain-lain adalah merupakan faktor demografi yang dianalisa di mana ia sangat mempengaruhi kepada kefahaman *isrā'iliyyāt*. Begitu juga dengan tempat kelulusan pengajian ijazah pertama di mana ia juga merupakan faktor demografi yang dianalisa kerana ia sangat mempengaruhi penguasaan dalam bahasa Arab dan kecenderungan dalam merujuk kitab-kitab tafsir bahasa Arab bagi tujuan rujukan tambahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Jadual 4.1: Faktor Demografi Bagi Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Skala</i> | <i>Bil Responden</i> | <i>Peratusan (%)</i> |
|-----------|--------------------------------------|----------------|----------------------|----------------------|
| 1 | Jantina | Lelaki | 19 | 14.8 |
| | | Perempuan | 109 | 85.2 |
| 2 | Umur | 20 - 29 tahun | 20 | 15.6 |
| | | 30 - 39 tahun | 62 | 48.4 |
| | | 40 - 49 tahun | 41 | 32.0 |
| | | 50 - 59 tahun | 5 | 3.9 |
| 3 | Status | Bujang | 7 | 5.5 |
| | | Berkahwin | 118 | 92.2 |
| | | Janda | 3 | 2.3 |
| 4 | Tahap Tertinggi Kelulusan Pendidikan | Ijazah Pertama | 122 | 95.3 |
| | | Ijazah Sarjana | 6 | 4.7 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)


Jadual 4.1 (Sambungan): Faktor Demografi Bagi Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Skala</i> | <i>Bil Responden</i> | <i>Peratusan (%)</i> |
|-----------|--|--------------------|----------------------|----------------------|
| 5 | Pengkhususan Pendidikan Ijazah Pertama | Usuluddin | 30 | 23.4 |
| | | Syariah Islamiyyah | 27 | 21.1 |
| | | Bahasa Arab | 30 | 23.4 |
| | | Pengajian Islam | 20 | 15.6 |
| | | Lain-lain | 21 | 16.4 |
| 6 | Tempat Kelulusan Ijazah Pertama | Dalam Negara | 110 | 85.9 |
| | | Luar Negara | 18 | 14.1 |
| 7 | Tahun Pengalaman Bekerja (GPI) | < 5 tahun | 18 | 14.1 |
| | | 5 - 10 tahun | 53 | 41.4 |
| | | 11 - 15 tahun | 22 | 17.2 |
| | | 16 - 20 tahun | 29 | 22.7 |
| | | 21 - 25 tahun | 6 | 4.7 |
| 8 | Pernah Mengajar Tingkatan 1 | Ya | 107 | 83.6 |
| | | Tidak | 21 | 16.4 |
| 9 | Pernah Mengajar Tingkatan 2 | Ya | 111 | 86.7 |
| | | Tidak | 17 | 13.3 |
| 10 | Pernah Mengajar Tingkatan 3 | Ya | 105 | 82.0 |
| | | Tidak | 23 | 18.0 |
| 11 | Pernah Mengajar Tingkatan 4 | Ya | 113 | 88.3 |
| | | Tidak | 15 | 11.7 |
| 12 | Pernah Mengajar Tingkatan 5 | Ya | 95 | 74.2 |
| | | Tidak | 33 | 25.8 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Berdasarkan kepada Jadual 4.1: Faktor Demografi Bagi GPI, kebanyakan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) adalah perempuan iaitu 85.2% manakala 14.8% adalah lelaki. Tabulasi usia kebanyakan GPI adalah berumur di antara 30 hingga 39 tahun iaitu 48.44%, 32.0% yang berumur di antara 40 hingga 49 tahun, 15.6% yang berumur di antara 20 hingga 29 tahun, manakala yang paling sedikit di antara mereka yang berumur di antara 50 hingga 59 tahun iaitu 3.91%. Dari segi status perkahwinan pula sebanyak 92.2% adalah berkahwin, 5.5% adalah bujang dan 2.3% adalah janda/duda.

Rajah 4.1: Graf Bar Faktor Demografi (Umur) Di Kalangan GPI




Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Kesemua guru-guru pendidikan Islam sekarang-kurangannya memperoleh ijazah sarjana muda iaitu 95.3% manakala 4.7% memperoleh ijazah tinggi sarjana.

Dari sudut pengkhususan ijazah sarjana muda pula didapati 23.4% adalah berkelulusan dalam bidang Usuluddin, 21.1% adalah dalam bidang Syariah, 23.4% dalam bidang Bahasa Arab, 15.6% dalam bidang Pengajian Islam manakala lain-lain sebanyak 16.4%. Pengkhususan lain-lain adalah merangkumi ijazah dalam kewangan Islam, dakwah dan kepimpinan, pengajian al-Quran dan sebagainya.


Rajah 4.2: Graf Bar Pengkhususan Ijazah Pertama Di Kalangan GPI



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)


Kebanyakan GPI adalah graduan yang berkelulusan dari dalam negara iaitu sebanyak 85.94% berbanding GPI yang berkelulusan luar negara iaitu 14.06%. Kelulusan graduan GPI dari luar negara, secara umumnya sangat mempengaruhi penguasaan bahasa Arab mereka.

Rajah 4.3: Graf Bar Tempat Kelulusan Ijazah Pertama Di Kalangan GPI



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Rajah 4.4: Graf Bar Tahun Pengalaman Bekerja Di Kalangan GPI



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Berdasarkan kepada tahun pengalaman bekerja di kalangan GPI, sebanyak 14.06% berpengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun, 41.41% mempunyai pengalaman di antara 5 sehingga 10 tahun, 17.19% mempunyai pengalaman mengajar di antara 11 hingga 15 tahun, 22.66% mempunyai pengalaman di antara 16 hingga 20 tahun manakala 4.69% mempunyai pengalaman di antara 21 hingga 25 tahun.

4.2.2 Penguasaan Bahasa Arab di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI)

Penguasaan bahasa Arab adalah sangat penting bagi Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) khususnya apabila melakukan rujukan sumber primer bagi sesuatu penafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran di samping penafsiran yang sedia ada terdapat dalam silibus buku teks. Keupayaan penguasaan bahasa Arab adalah merupakan faktor kecenderungan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) untuk merujuk kitab-kitab tafsir bahasa Arab.


Merujuk kepada Jadual 4.2: Penguasaan Bahasa Arab Di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam, sebanyak 5.68% mempunyai penguasaan yang sangat baik, 32.80% mempunyai penguasaan yang baik di mana kebanyakannya adalah sederhana iaitu 50.60%. Sebanyak 9.20% lemah dan 1.78% sangat lemah dalam penguasaan bahasa Arab.

Jadual 4.2: Penguasaan Bahasa Arab Di Kalangan GPI

| No | Perkara | Peratusan (%) | | | | |
|----|--------------------------------------|---------------|--------------|--------------|-------------|--------------|
| | | Sangat Baik | Baik | Pertengahan | Lemah | Sangat Lemah |
| 1 | Penguasaan Bahasa Arab (Pembacaan) | 14.1 | 41.4 | 39.1 | 3.9 | 1.6 |
| 2 | Penguasaan Bahasa Arab (Penulisan) | 3.9 | 30.5 | 53.9 | 10.2 | 1.6 |
| 3 | Penguasaan Bahasa Arab (Pendengaran) | 3.1 | 39.8 | 46.1 | 9.4 | 1.6 |
| 4 | Penguasaan Bahasa Arab (Percakapan) | 1.6 | 19.5 | 63.3 | 13.3 | 2.3 |
| | Jumlah Peratusan (%) | 5.68 | 32.80 | 50.60 | 9.20 | 1.78 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Rajah 4.5: Graf Bar Penguasaan Bahasa Arab (Pembacaan) Di Kalangan GPI



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Berdasarkan kepada kategori penguasaan bahasa Arab di kalangan guru-guru pendidikan Islam, kebanyakan mereka lebih menguasai dalam kategori pembacaan berbanding penguasaan lain seperti penulisan, pendengaran dan percakapan. Sebanyak 14.1% di kalangan mereka dapat menguasai dengan sangat baik dalam pembacaan, 41.4% dapat menguasai dengan baik, 39.1% adalah sederhana dalam penguasaan pembacaan, 3.9% lemah manakala 1.6% adalah sangat lemah.

Dari sudut penguasaan penulisan bahasa Arab, sebanyak 3.9% guru-guru pendidikan Islam dapat menguasainya dengan sangat baik dan 30.5% menguasai dengan baik. Sebanyak 53.9% adalah sederhana dalam penguasaan penulisan, 10.2% adalah lemah, manakala 1.6% adalah sangat lemah.

Dari sudut penguasaan pendengaran bahasa Arab pula, sebanyak 3.1% guru-guru pendidikan Islam dapat menguasai dengan sangat baik dan 39.8% menguasainya dengan baik. Manakala sebanyak 46.1% menguasai dengan sederhana, 9.4% adalah lemah dan 1.6% adalah sangat lemah.

Dari sudut penguasaan percakapan bahasa Arab, didapati hanya 1.6% yang dapat menguasai dengan sangat baik dan 19.5% menguasainya dengan baik. Manakala sebanyak 63.3% menguasai secara sederhana, 13.3% adalah lemah dan 2.3% adalah sangat lemah.

4.2.3 Pengetahuan *Isrā'īliyyāt* di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI)

Pengetahuan dan kefahaman tentang *isrā'īliyyāt* dapat dipelajari ketika guru-guru tersebut mengikuti pengajian ijazah pertama berdasarkan kepada pengkhususan ijazah masing-masing. Terdapat juga kefahaman tentang *isrā'īliyyāt* dipelajari melalui inisiatif pembacaan oleh Guru-guru Pendidikan Islam (GPI), sebahagian kecil mengetahuinya ketika di sekolah menengah dan selebihnya dengan menghadiri seminar-seminar atau kursus-kursus jangka pendek.

Dalam mendapatkan pengetahuan tentang *isrā'īliyyāt*, terdapat beberapa kaedah dan cara yang dipelajari tentang *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru Pendidikan Islam seperti dalam Jadual 4.3: Kaedah Mengetahui Tentang *Isrā'īliyyāt* di Kalangan GPI. Sebanyak 50.0% daripada kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang mempelajari tentang *isrā'īliyyāt* semasa ijazah sarjana muda, manakala 26.6% tidak pasti dan 23.4% tidak pernah mempelajarinya.

Di samping itu, 43.0% Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) mengetahui *isrā'īliyyāt* melalui pembacaan, manakala peratusan yang sedikit yang mempelajari ketika di sekolah menengah iaitu 25.8% dan mengikuti kursus/seminar tentang *isrā'īliyyāt* hanya sebanyak 10.2%.


Ini menunjukkan kebanyakan guru-guru pendidikan Islam mempelajari pengetahuan *isrā'īliyyāt* secara formal iaitu ketika menuntut dalam pengajian ijazah pertama, walaupun terdapat sebahagian kecil yang mengetahuinya berdasarkan kepada inisiatif pembacaan masing-masing.

Jadual 4.3: Kaedah Mengetahui Tentang *Isrā'īliyyāt* di Kalangan GPI

| No | Perkara | Peratusan (%) | | |
|----|--|---------------|-------------|--------------|
| | | Setuju | Tidak Pasti | Tidak Setuju |
| 1 | Mempelajari <i>Isrā'īliyyāt</i> Semasa Ijazah Sarjana Muda | 50.0 | 26.6 | 23.4 |
| 2 | Mengetahui <i>Isrā'īliyyāt</i> Melalui Pembacaan | 43.0 | 25.8 | 31.2 |
| 3 | Mempelajari <i>Isrā'īliyyāt</i> Di Sekolah Menengah | 25.8 | 32.0 | 42.2 |
| 4 | Mengetahui <i>Isrā'īliyyāt</i> Melalui Kursus/Seminar | 10.2 | 20.3 | 69.5 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Rajah 4.6: Graf Bar Pernah Mempelajari *Isrā'īliyyāt* Ketika Ijazah Pertama Di Kalangan GPI



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

4.3 Kefahaman Umum Tentang *Isrā'īliyyāt* Di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI)

Kefahaman *isrā'īliyyāt* sangat penting di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) kerana ia memberikan kesan kepada kecenderungan untuk menerapkan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran kepada para pelajar di sekolah.

Melalui tinjauan umum soal selidik, berdasarkan Jadual 4.4, sebanyak 35.9% sangat memahami tentang *isrā'īliyyāt*, manakala selebihnya adalah tidak pasti iaitu 42.2% dan tidak memahami tentang *isrā'īliyyāt* sebanyak 21.9%. Peratusan tersebut menunjukkan bahawa sebenar-benarnya sebanyak 64.1% di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) tidak dapat menguasai kefahaman tentang *isrā'īliyyāt*. Walaubagaimanapun, peratusan ini adalah berdasarkan kepada pertanyaan yang dikemukakan secara umum kepada mereka

Jadual 4.4: Pengetahuan *Isrā'īliyyāt* Melalui Tinjauan Umum Di Kalangan GPI

| No | Perkara | Peratusan (%) | | |
|----|---|---------------|-------------|--------------|
| | | Setuju | Tidak Pasti | Tidak Setuju |
| 1 | Sangat Memahami Tentang <i>Isrā'īliyyāt</i> | 35.9 | 42.2 | 21.9 |
| 2 | Mengetahui Tentang Perkara Berkaitan <i>Isrā'īliyyāt</i> Klasik | 18.0 | 32.0 | 50.0 |
| 3 | Mengetahui Tentang Perkara Berkaitan <i>Isrā'īliyyāt</i> Moden | 15.6 | 42.2 | 42.2 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Berdasarkan kepada persoalan secara umum ke atas guru-guru pendidikan Islam tentang pengetahuan terhadap *isrā'īliyyāt* klasik hanya 18% yang mengetahui di kalangan mereka, manakala 32.0% tidak pasti dan 50.0% benar-benar tidak mengetahuinya. Ini menunjukkan 82.0% di kalangan guru-guru pendidikan Islam tidak mengetahui tentang *isrā'īliyyāt* klasik.

Dari sudut pengetahuan tentang *isrā'īliyyāt* moden, hanya 15.6% guru-guru pendidikan Islam yang mengetahuinya, selebihnya iaitu 84.4% tidak mengetahuinya di mana ia yang merangkumi 42.2% yang tidak pasti dan 42.2% benar-benar tidak mengetahuinya.

4.3.1 Kadar Kefahaman *Isrā'īliyyāt* di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam

Soal-selidik secara terperinci dijalankan bagi mengukur kadar kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) bagi mendapatkan data-data yang lebih terperinci di mana soal-selidik yang dijalankan merangkumi kefahaman terhadap perkara-perkara berikut:

- i) Kefahaman pengertian *isrā'īliyyāt*,
- ii) Klasifikasi *isrā'īliyyāt*,
- iii) Sumber periwayatan dan
- iv) Hukum periwayatan.

Jadual 4.5: Kefahaman *Isrā'iliyyāt* Di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Peratusan (%)</i> | | |
|-----------|--|----------------------|--------------------|--------------------|
| | | <i>Faham</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Faham</i> |
| 1 | Pengertian <i>Isrā'iliyyāt</i> | 47.2 | 37.6 | 15.2 |
| 2 | Klasifikasi <i>Isrā'iliyyāt</i> | 37.5 | 56.1 | 6.5 |
| 3 | Sumber Periwiyatan <i>Isrā'iliyyāt</i> | 20.6 | 78.9 | 0.5 |
| 4 | Hukum Periwiyatan <i>Isrā'iliyyāt</i> | 25.9 | 47.6 | 26.5 |
| | <i>Jumlah Peratusan (%)</i> | 32.80 | 55.04 | 12.16 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Berdasarkan kepada Jadual 4.5: Kefahaman *Isrā'iliyyāt* Di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam, secara keseluruhannya didapati hanya 32.80% di kalangan mereka memahami tentang *isrā'iliyyāt*, 55.04% adalah tidak pasti, manakala selebihnya 12.16% adalah tidak memahami tentang *isrā'iliyyāt*. Ini bermakna sebanyak 67.2% di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) tidak dapat menguasai dan tidak memahami tentang *isrā'iliyyāt* di mana hanya 32.8% yang benar-benar memahami tentang *isrā'iliyyāt*. Peratusan ini hampir menyamai peratusan tinjauan umum yang dilakukan sebelumnya.

Dari sudut kefahaman *isrā'iliyyāt* yang berdasarkan kepada pengertian takrifan *isrā'iliyyāt*, sebanyak 47.2% di kalangan guru-guru pendidikan Islam yang memahami tentangnya. Manakala selebihnya iaitu 52.8% tidak mengetahuinya (di mana 37.6% adalah tidak pasti dan 15.2% tidak faham).

Dari sudut kefahaman klasifikasi *isrā'īliyyāt*, sebanyak 37.5% di kalangan guru-guru pendidikan Islam memahaminya tentangnya. Manakala 62.6% adalah tidak mengetahuinya (di mana 56.1% tidak pasti dan 6.5% tidak faham).

Berdasarkan kepada kefahaman sumber periwayatan *isrā'īliyyāt*, didapati sebanyak 20.6% di kalangan guru pendidikan Islam memahaminya tentangnya. Manakala 79.4.6% adalah tidak mengetahuinya (di mana 78.9% tidak pasti dan 0.5% tidak faham).

Dari sudut kefahaman hukum periwayatan *isrā'īliyyāt*, didapati sebanyak 25.9% di kalangan guru pendidikan Islam memahaminya tentangnya. Manakala 74.1% adalah tidak mengetahuinya (di mana 47.6% tidak pasti dan 26.5% tidak faham).

Merujuk kepada Jadual 4.6: Mengetahui dan Mengenalpasti *Isrā'īliyyāt* Dalam Penafsiran Al-Quran, sebanyak 33.95% guru-guru pendidikan Islam yang dapat mengenalpasti *isrā'īliyyāt* dalam penafsiran al-Quran, manakala selebihnya 48.45% tidak pasti dan 17.60% tidak mengetahuinya.

Di samping itu, didapati 50.0% dari kalangan guru-guru Pendidikan Islam yang mengetahui bahawa terdapat unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam silibus, manakala selebihnya tidak pasti iaitu 31.25% dan 18.75% adalah tidak mengetahui tentangnya.

Sebilangan kecil guru-guru pendidikan Islam dapat mengetahui bahawa terdapat unsur *isrā'īliyyāt* yang tiada dalam silibus iaitu sebanyak 16.48%, manakala 56.40% tidak pasti dan 27.13% tidak mengetahuinya.

Jadual 4.6: Mengetahui dan Mengenalpasti *Isrā'īliyyāt* Dalam Penafsiran Al-Quran Di Kalangan GPI

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Peratusan (%)</i> | | |
|-----------|---|----------------------|--------------------|-------------------|
| | | <i>Tahu</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Tahu</i> |
| 1 | Mengenalpasti <i>Isrā'īliyyāt</i> Dalam Penafsiran Al-Quran | 33.95 | 48.45 | 17.60 |
| 2 | Mengetahui <i>Isrā'īliyyāt</i> Yang Terdapat Dalam Silibus | 50.00 | 31.25 | 18.75 |
| 3 | Mengetahui <i>Isrā'īliyyāt</i> Yang Tiada Dalam Silibus | 16.48 | 56.40 | 27.13 |
| 4 | Mengetahui Bukan <i>Isrā'īliyyāt</i> Terdapat Dalam Silibus | 85.90 | 10.20 | 3.90 |
| 5 | Mengetahui Bukan <i>Isrā'īliyyāt</i> Yang Tiada Dalam Silibus | 37.27 | 49.47 | 13.30 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

4.3.2 Faktor Yang Mempengaruhi Kefahaman *Isrā'īliyyāt* di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI)

Terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi kadar kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) seperti berikut:

- i) Pengkhususan ijazah di kalangan guru-guru pendidikan Islam
- ii) Pernah mempelajari *isrā'īliyyāt* ketika pengajian ijazah sarjana muda
- iii) Pernah mempelajari *isrā'īliyyāt* ketika di sekolah menengah
- iv) Pembacaan sendiri tentang *isrā'īliyyāt*
- v) Menghadiri seminar tentang *isrā'īliyyāt*
- vi) Penerapan pengetahuan *isrā'īliyyāt* dalam silibus buku teks

Pengkhususan kelulusan ijazah seperti usuluddin, syariah, bahasa Arab, pengajian Islam dan lain-lain adalah di antara faktor yang mempengaruhi kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam. Ini kerana sebahagian daripada pengkhususan ijazah tersebut tidak diterapkan silibus secara komprehensif tentang *isrā'īliyyāt* untuk dipelajari.

Berdasarkan kepada Jadual 4.7: Kefahaman *Isrā'īliyyāt* Berdasarkan Kepada Pengkhususan Ijazah, didapati bahawa kebanyakan guru-guru pendidikan Islam (GPI) yang berkelulusan Usuluddin pernah mempelajari *isrā'īliyyāt* iaitu sebanyak 75.0% berbanding kelulusan Syariah iaitu 61.5%, Bahasa Arab sebanyak 40.0%, Pengajian Islam sebanyak 33.3%, manakala kelulusan selainnya sebanyak 33.3%.

Di samping itu, didapati bahawa Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin sangat memahami tentang *isrā'īliyyāt* iaitu 53.3% berbanding Syariah iaitu 33.3%, yang berkelulusan Bahasa Arab sebanyak 36.7%, Pendidikan Islam sebanyak 20.0%, manakala selainnya sebanyak 28.6%.

Jadual 4.7: Hubungkait Kefahaman *Isrā'īliyyāt* Berdasarkan Pengkhususan Ijazah

| <i>Pengkhususan Ijazah Pertama</i> | | | <i>Sangat memahami tentang isrā'īliyyāt</i> | | | <i>Jumlah</i> |
|------------------------------------|--|--------------|---|--------------------|---------------------|---------------|
| | | | <i>Setuju</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Setuju</i> | |
| <i>Usuluddin</i> | Mempelajari <i>isrā'īliyyāt</i> di peringkat Ijazah Sarjana Muda | Setuju | 75.0% | 20.0% | 5.0% | 100.0% |
| | | Tidak Pasti | 20.0% | 20.0% | 60.0% | 100.0% |
| | | Tidak Setuju | 0.0% | 60.0% | 40.0% | 100.0% |
| | <i>Jumlah</i> | | <i>53.3%</i> | <i>26.7%</i> | <i>20.0%</i> | <i>100.0%</i> |
| <i>Syariah Islamiyyah</i> | Mempelajari <i>isrā'īliyyāt</i> di peringkat Ijazah Sarjana Muda | Setuju | 61.5% | 23.1% | 15.4% | 100.0% |
| | | Tidak Pasti | 10.0% | 70.0% | 20.0% | 100.0% |
| | | Tidak Setuju | 0.0% | 50.0% | 50.0% | 100.0% |
| | <i>Jumlah</i> | | <i>33.3%</i> | <i>44.4%</i> | <i>22.2%</i> | <i>100.0%</i> |
| <i>Bahasa Arab</i> | Mempelajari <i>isrā'īliyyāt</i> di peringkat Ijazah Sarjana Muda | Setuju | 40.0% | 50.0% | 10.0% | 100.0% |
| | | Tidak Pasti | 20.0% | 60.0% | 20.0% | 100.0% |
| | | Tidak Setuju | 50.0% | 20.0% | 30.0% | 100.0% |
| | <i>Jumlah</i> | | <i>36.7%</i> | <i>43.3%</i> | <i>20.0%</i> | <i>100.0%</i> |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)


Jadual 4.7 (Sambungan) : Hubungkait Kefahaman *Isrā'iliyyāt* Berdasarkan Pengkhususan Ijazah

| <i>Pengkhususan Ijazah Pertama</i> | | | <i>Sangat memahami tentang isrā'iliyyāt</i> | | | <i>Jumlah</i> |
|------------------------------------|--|--------------|---|--------------------|---------------------|---------------|
| | | | <i>Setuju</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Setuju</i> | |
| <i>Pengajian Islam</i> | Mempelajari <i>isrā'iliyyāt</i> di peringkat Ijazah Sarjana Muda | Setuju | 33.3% | 44.4% | 22.2% | 100.0% |
| | | Tidak Pasti | 0.0% | 100.0% | 0.0% | 100.0% |
| | | Tidak Setuju | 16.7% | 16.7% | 66.7% | 100.0% |
| | <i>Jumlah</i> | | <i>20.0%</i> | <i>50.0%</i> | <i>30.0%</i> | <i>100.0%</i> |
| <i>Lain-lain</i> | Mempelajari <i>isrā'iliyyāt</i> di peringkat Ijazah Sarjana Muda | Setuju | 33.3% | 58.3% | 8.3% | 100.0% |
| | | Tidak Pasti | 50.0% | 50.0% | 0.0% | 100.0% |
| | | Tidak Setuju | 0.0% | 40.0% | 60.0% | 100.0% |
| | <i>Jumlah</i> | | <i>28.6%</i> | <i>52.4%</i> | <i>19.0%</i> | <i>100.0%</i> |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Oleh itu, dengan berdasarkan kepada Jadual 4.7 di atas juga sebanyak 66.6% GPI berkelulusan ijazah syariah yang tidak memahami dan tidak pasti tentang *isrā'iliyyāt*. Sebanyak 63.3% adalah daripada kelulusan bahasa Arab, sebanyak 80.0% adalah daripada berkelulusan pengajian Islam, dan sebanyak 71.4% daripada lain-lain kelulusan.

Rajah 4.7: Graf Bar Bilangan GPI Di Sekolah Menengah Zon Keramat Kuala Lumpur Yang Pernah Mempelajari *Isrā'iliyyāt* Ketika Ijazah Pertama Mengikut Pengkhususan Ijazah



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Terdapat juga sesetengah guru-guru pendidikan Islam yang pernah mempelajari tentang *isrā'iliyyāt* ketika di sekolah menengah iaitu sebanyak iaitu 25.8% seperti yang tertera dalam Jadual 4.3.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga kefahaman *isrā'iliyyāt* dipengaruhi oleh inisiatif pembacaan mereka sendiri. Ini berikutan sebanyak 43.0% guru-guru pendidikan Islam yang mengambil inisiatif pembacaan sendiri, manakala 25.8% tidak pasti dan 31.2% adalah tidak membacanya seperti mana yang telah dipaparkan dalam Jadual 4.3: Kaedah Mengetahui Tentang *Isrā'iliyyāt* Di Kalangan GPI.

Merujuk kepada Jadual 4.8: Hubungkait Mengetahui *Isrā'īliyyāt* Melalui Pembacaan Dengan Kefahaman *Isrā'īliyyāt*, didapati bahawa 40% guru-guru yang mengetahui melalui pembacaan memahami tentang *isrā'īliyyāt*, manakala selebihnya iaitu 34.5% tidak pasti dan 25.5% tidak memahaminya. Walaubagaimanapun, sebanyak 72.7% di kalangan mereka tidak mempunyai kepastian sama ada dapat memahami *isrā'īliyyāt* melalui pembacaan ataupun tidak.

Jadual 4.8: Hubungkait Mengetahui *Isrā'īliyyāt* Melalui Pembacaan Dengan Kefahaman *Isrā'īliyyāt*

| <i>Crosstabulation mengetahui isrā'īliyyāt melalui pembacaan dengan sangat memahami isrā'īliyyāt</i> | | <i>Sangat memahami tentang isrā'īliyyāt</i> | | | <i>Jumlah</i> |
|--|---------------------|---|--------------------|---------------------|---------------|
| | | <i>Setuju</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Setuju</i> | |
| <i>Mengetahui isrā'īliyyāt melalui pembacaan</i> | <i>Setuju</i> | 40.0% | 34.5% | 25.5% | 100.0% |
| | <i>Tidak Pasti</i> | 6.1% | 72.7% | 21.2% | 100.0% |
| | <i>Tidak Setuju</i> | 55.0% | 27.5% | 17.5% | 100.0% |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Di samping itu, kefahaman *isrā'īliyyāt* juga dipengaruhi oleh faktor kehadiran mengikuti seminar tentang *isrā'īliyyāt* di mana sebanyak 10.2% (Rujuk Jadual 4.3) di kalangan guru-guru pendidikan Islam yang pernah menghadiri *isrā'īliyyāt* melalui kursus-kursus dan seminar. Manakala penerapan kefahaman *isrā'īliyyāt* dalam silibus buku teks juga adalah faktor yang dapat

mempengaruhi kefahaman *isrā'liyyāt* di mana 50.0% (Rujuk Jadual 4.13) di kalangan mereka bersetuju.

4.4 *Isrā'liyyāt* Yang Terdapat Dalam Silibus Buku Teks, Klasifikasi *Isrā'liyyāt* dan Perbandingan Berdasarkan Rujukan Kitab-kitab Tafsir Terjemahan dan Bahasa Melayu

Berdasarkan silibus buku teks pendidikan Islam sekolah menengah, terdapat unsur-unsur *isrā'liyyāt* yang dikenalpasti iaitu dalam huraian penafsiran yang merujuk kepada ayat-ayat al-Quran seperti berikut:

- Huraian Ayat 35: Surah al-Baqarah yang menceritakan tentang kisah Nabi Ādam, Hawā dan pohon larangan (Silibus Tingkatan 1)
- Huraian Ayat 26: Surah Āli `Imrān yang menceritakan tentang kisah Bani Isrā'īl dan hidangan serta kisah kehinaan Banī Isrā'īl yang disesatkan di padang pasir selama 40 tahun (Silibus Tingkatan 2)
- Huraian Ayat 23: Surah al-A`rāf yang menceritakan tentang kisah Nabi Ādam, Hawā dan Iblis (Silibus Tingkatan 3)

Berdasarkan kepada kajian lapangan yang dijalankan, terdapat sebahagian guru-guru pendidikan Islam yang merujuk kitab-kitab tafsir sebagai penambahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan guru-guru pendidikan Islam lebih cenderung untuk merujuk kitab-kitab tafsir terjemahan bahasa Melayu atau Indonesia iaitu sebanyak 64.1% di kalangan mereka (Rujuk Jadual 4.12: Kecenderungan Merujuk Kitab-kitab Tafsir Terjemahan Bahasa Melayu/Indonesia).

Berdasarkan kepada Jadual 4.13, *Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm* atau lebih dikenali sebagai *Tafsir Ibnu Kathīr* karangan Imam Ibnu Kathīr adalah merupakan tafsir yang paling kerap dirujuk. Malah kitab tafsir tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia. Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 13.3% guru-guru pendidikan Islam yang kerap merujuk kitab tersebut, manakala 46.1% kadang-kadang merujuknya bagi tujuan untuk proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah.

Selain itu, kitab *Tafsir fī Zilāl al-Qur'ān* karangan Sayyid Qutub juga sering dirujuk iaitu sebanyak 10.2% yang kerap merujuk kitab tersebut manakala 35.9% kadang-kadang membuat rujukan untuk tujuan pengajaran. Kitab *Tafsir al-Azhar* karangan HAMKA juga kerap di rujuk iaitu sebanyak 8.6% di kalangan guru-guru pendidikan Islam dan 39.8% kadang-kadang merujuk kitab tersebut.

Sebahagian daripada penafsiran daripada kitab-kitab tafsir tersebut terdapat unsur-unsur *isrā'iliyyāt* berdasarkan kepada penafsiran ayat-ayat al-Quran yang dirujuk seperti ayat kefahaman dalam silibus buku teks pendidikan Islam sekolah menengah. Seseengah penafsiran yang dikenalpasti menyamai dengan apa yang telah dihuraikan dalam silibus buku teks.

Terdapat unsur-unsur *isrā'iliyyāt* yang dikeluarkan daripada silibus buku-buku teks sekolah menengah seterusnya diklasifikasi dan dibandingkan dengan berdasarkan kepada kitab-kitab tafsir yang sering dirujuk oleh kebanyakan guru-guru pendidikan Islam untuk mengenalpasti kedudukannya seperti yang tertera dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9: Klasifikasi *Isrā'iliyyāt* Dalam Silibus Buku Teks dan Kitab-kitab Tafsir Yang Sering Dirujuk

| No | Huraian Ayat | Unsur-unsur <i>Isrā'iliyyāt</i> | Klasifikasi <i>Isrā'iliyyāt</i> |
|-----|--|--|--|
| 1 | Ayat 35: Surah al-Baqarah [Kisah Nabi Ādam, Hawā dan Pohon Larangan] | | |
| (a) | Buku Teks: Tingkatan 1 | Pokok khuldi | <i>Isrā'iliyyāt</i> yang <i>mawqūf</i> dan tidak berkaitan sama ada perkara akidah dan syariat |
| (b) | <i>Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm</i> | Pokok anggur, gandum, kurma, beras | <i>Isrā'iliyyāt</i> yang <i>mawqūf</i> dan tidak berkaitan sama ada perkara akidah dan syariat |
| 2 | Ayat 26: Surah Āli `Imrān [Kisah Kaum Bani Isrā'īl dan Hidangan serta Kehinaan Bani Isrā'īl Yang Disesatkan Di Padang Pasir Selama 40 Tahun] | | |
| (a) | Buku Teks: Tingkatan 2 | Hidangan langit, burung puyuh dan madu | <i>Isrā'iliyyāt</i> yang <i>mawqūf</i> dan tidak berkaitan sama ada perkara akidah dan syariat |
| (b) | <i>Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm</i> | Hidangan ikan besar, roti, daging, buah-buahan | <i>Isrā'iliyyāt</i> yang <i>mawqūf</i> dan tidak berkaitan sama ada perkara akidah dan syariat |
| 3 | Ayat 23: Surah al-A`rāf [Nabi Ādam, Hawā dan Iblis] | | |
| (a) | Buku Teks: Tingkatan 3 | Penipuan Iblis bahawa memakan pohon larangan akan bertukar kepada malaikat dan kekal di syurga | <i>Isrā'iliyyāt</i> yang <i>mawqūf</i> dan berkaitan dengan perkara akidah |
| (b) | <i>Tafsir al-Azhar</i> | Syurga adalah salah satu taman di dunia ini | <i>Isrā'iliyyāt</i> yang bertentangan syariat dan melibatkan perkara akidah |

Sumber: Razali bin Syarif dan Rakan-rakan (2004), *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.12; Muhammad Nazmi bin Desa dan Rakan-rakan (2003), *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.20; Rijaluddin bin Yahya dan Rakan-rakan (2005), *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.10; Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1985), *op.cit.*, j.2, h.160-161; Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (1970) Dr., *Tafsir al-Azhar*, j.2., Jakarta: P.T. Pembimbing Masa. h.174-175.

Berdasarkan kepada Jadual 4.9, huraian daripada tiga (3) ayat al-Quran yang terdapat dalam buku teks pendidikan Islam sekolah menengah memuatkan unsur-unsur *isrā'iliyyāt* dan diklasifikasikan sebagai *isrā'iliyyāt* yang *mawqūf*. Manakala berdasarkan kepada kitab-kitab yang sering dirujuk seperti *Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm* dan *Tafsir al-Azhar* terdapat juga unsur-unsur *isrā'iliyyāt* yang dimuatkan dengan berdasarkan huraian ayat al-Quran seperti yang tertera dalam buku teks.

Terdapat *isrā'iliyyāt* yang bertentangan dengan syariat dan melibatkan akidah seperti yang tertera dalam *Tafsir al-Azhar* yang menaqqalkan daripada *tafsir al-Ta'wīlāt* bahawa syurga yang dimaksudkan adalah merujuk kepada salah satu taman yang ada di dunia ini di mana Nabi Ādam dan isterinya mengecapi nikmat Ilahi. Walhal syurga yang dimaksudkan adalah jelas yang tidak memerlukan penakwilan seperti salah satu taman daripada taman-taman di dunia ini (bumi).

4.4.1 Kisah Nabi Ādam, Hawā dan Pohon Larangan Dengan Merujuk Ayat 35: Surah Al-Baqarah (Silibus Tingkatan 1)

Firman Allah Ta'ālā:

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا
هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

Surah al-Baqarah (2): 35

Maksudnya: “Dan Kami berfirman: "Wahai Ādam! Tinggallah engkau dan isterimu di dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim".⁹⁸

Dalam buku teks pendidikan Islam tingkatan satu sekolah menengah, Allah memberi kemuliaan kepada Adam (ﷺ) dengan membenarkan tinggal di dalam syurga bersama isterinya, Hawā. Mereka boleh menikmati apa sahaja makanan di syurga tetapi di larang menghampiri dan memakan buah daripada sebatang pokok (khuldi). Allah telah mengingatkan Ādam dan Hawā tentang akibat melanggar larangan tersebut.⁹⁹

Menurut HAMKA dalam *Tafsir al-Azhar* karangannya, beliau tidak hendak menjalinkan buah pohon apakah yang dilarang mereka memakan itu. Ada orang yang mengatakan ‘buah khuldi’ atau buah kekal. Penafsiran ini nescaya salah, sebab yang memakannya *shajaratul khuldi*, pohon kekal, siapa yang memakannya tidak mati-mati bukanlah Tuhan, tetapi syaitan sendiri seketika merayu Ādam.¹⁰⁰

HAMKA juga seterusnya menafsirkan bahawa masuklah syaitan ke tempat mereka, lalu merayu dan memperdayakan mereka supaya mereka makan juga

⁹⁸ Sheikh Abdullah Basmaeih (1995), *op.cit.*, h.18

⁹⁹ Razali bin Syarif dan Rakan-rakan (2004), *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 12.

¹⁰⁰ Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (1970) Dr., *Tafsir al-Azhar*, j.1., Jakarta: P.T. Pembimbing Masa. h. 158.

buah pohon terlarang itu, sampai syaitan mengatakan bahawa itulah pohon kekal, siapa yang memakan tidak akan mati-mati. Sampai kerana pandainya syaitan merayu keduanya tergelincir, termakan jua akhirnya buah pohon terlarang itu.¹⁰¹

Demikian juga Ibnu Kathīr dalam membincangkan tafsiran ayat di atas, menaqqalkan daripada Ibnu `Abbās dan Ibnu Mas`ūd bahawa pohon larangan yang dimaksudkan di dalam ayat tersebut adalah pohon anggur. Kemudian beliau juga menukilkan bahawa orang Yahudi mendakwa pohon tersebut sebagai pohon gandum.¹⁰²

Selain itu, Ibnu Kathīr menjelaskan Ibnu `Abbās juga menyebut pohon itu sebagai “*assunbulah*” (tiap biji yang bertangkai seperti padi, gandum ataupun jagung). Di samping Ibnu `Abbās dan Ibnu Mas`ūd, pandangan Şufyān al-Thawrī turut dimuatkan dalam tafsirannya yang mengatakan bahawa pohon yang dimaksudkan merupakan pohon kurma. Mujahid pula mentafsirkan pohon larangan sebagai buah tin. Akhirnya pendapat Ibnu Jarīr diutarakan yang menyimpulkan bahawa jenis pohon tersebut sebagai suatu pohon yang dilarang oleh Allah kepada Nabi Ādam dan Hawā.¹⁰³

Berbeza pula dengan Sayyid Quṭub apabila beliau mentafsirkan ayat 35 surah al-Baqarah di atas tanpa memperkatakan nama atau jenis pohon larangan tersebut sebaliknya beliau hanya menjelaskan bahawa Nabi Ādam dan Hawā

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ Ibnu Kathir (1985), *Terjemah Singkat Tafsir Ibnu Kathir*. H.Salim Bahreisy (terj.), Surabaya : Penerbit pt bina ilmu, j.2, h.86.

diberi kebebasan untuk menikmati semua jenis makanan yang disediakan di syurga ketika itu kecuali buah dari satu pokok sahaja.¹⁰⁴

Sayyid Quṭub melanjutkan perbincangan beliau berkaitan hal ini dengan mengatakan bahawa pokok larangan tersebut melambangkan larangan-larangan yang pasti diadakan di dalam kehidupan mereka (Nabi Ādam dan Hawā) di bumi nanti kerana tanpa larangan kemahuan seseorang tidak akan tumbuh dan manusia yang mempunyai kemahuan itu tidak dapat dibezakan daripada makhluk haiwan yang tidak mempunyai kemahuan dan tanpa larangan-larangan juga kegigihan seseorang di dalam mematuhi janji dan syarat tidak dapat diuji. Oleh itu menurut beliau, kemahuan merupakan persimpangan jalan, dan orang-orang yang menikmati hidup mereka tanpa dikawal oleh iradat adalah dari alam haiwan walaupun mereka berupa manusia.¹⁰⁵

Berdasarkan kepada pengklasifikasian *isrā'īliyyāt*, penafsiran terhadap pohon larangan dalam ayat tersebut, penamaan pohon larangan seperti pohon khuldi, pohon anggur, gandum, kurma, beras dan sebagainya adalah merupakan *isrā'īliyyāt* yang diklasifikasikan sebagai *isrā'īliyyāt* yang tidak berkaitan dengan perkara akidah mahupun perkara syariat.

Di samping itu, *isrā'īliyyāt* yang muncul dalam penafsiran ayat tersebut diklasifikasikan sebagai *isrā'īliyyāt* yang *mawqūf* sepertimana yang dinyatakan

¹⁰⁴ Sayyid Qutub Ibrahim Husain al-Sharibi (2000), *Tafsir fi zilalil quran di bawah bayangan al-Quran*, j.1., Kelantan : Pustaka Aman Press Sdn.Bhd., h.113.

¹⁰⁵ *Ibid.*

oleh al-Ṭabarī kerana pengetahuan tentang nama pohon tersebut tidaklah mendatangkan apa-apa manfaat.¹⁰⁶

Berdasarkan kepada kajian lapangan yang dijalankan sebanyak 60% guru-guru pendidikan Islam yang mengajarkan tentang kisah Nabi Ādam dan Iblis di syurga di mana 80% yang mengakui bahawa pohon larangan tersebut adalah pohon khuldi seperti mana yang terdapat dalam silibus buku teks pendidikan Islam tingkatan satu.

4.4.2 Kisah Kaum Bani Isrā’īl dan Hidangan serta Kehinaan Bani Isrā’īl Yang Disatkan Di Padang Pasir Selama 40 Tahun Dengan Merujuk Ayat 26: Surah Āli ‘Imrān (Silibus Tingkatan 2)

Firman Allah Ta`ālā:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مَن تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّن تَشَاءُ وَتُعِزُّ
مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

Surah Āli `Imrān (3): 26

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang

¹⁰⁶ Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr at-Ṭabarī (1988), *op.cit.*,j.1, h.521.

Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”¹⁰⁷

Dalam buku teks pendidikan Islam tingkatan dua sekolah menengah, ayat tersebut dihuraikan dengan merujuk kepada kekuasaan Allah Ta`ālā. Malah Allah Ta`ālā adalah penentu kemuliaan dengan merujuk kepada kisah Bani Isrā`īl di mana Bani Isrā`īl adalah kaum yang dimuliakan oleh Allah pada suatu ketika dahulu. Allah telah memuliakan mereka dengan mengutuskan ramai para Rasul daripada kalangan mereka seperti Nabi Mūsā dan Nabi `Isā. Di samping itu, banyak pertolongan dan bantuan yang Allah berikan kepada mereka. Contohnya, Allah telah menyelamatkan mereka daripada kekejaman Firaun. Dalam peristiwa tersebut, Allah menyelamatkan Bani Isrā`īl daripada buruan Firaun dan tentera-tenteranya dengan menenggelamkan mereka ke dalam Laut Merah. Selain itu, Allah memuliakan mereka dengan memberi hidangan burung puyuh dan madu.¹⁰⁸

Perbincangan tentang hidangan dari langit yang diturunkan kepada Bani Isrā`īl (Ḥawariyyūn yakni pengikut Nabi `Isā) telah dihuraikan secara panjang lebar di dalam surah al-Mā`idah ayat 112 hingga 115. Penceritaan *isrā`iliyyāt* tersebut dapat dilihat melalui *Tafsir Ibnu Kathīr* yang telah membentangkan pelbagai riwayat berkenaan hidangan dari langit.

Antara riwayat yang dinaqalkan di dalam tafsir beliau yang bersumberkan daripada Ibnu `Abbās menyebut bahawa para malaikat telah membawa

¹⁰⁷ Sheikh Abdullah Basmaeih (1995), *op.cit.*, h.124.

¹⁰⁸ Muhammad Nazmi bin Desa dan Rakan-rakan (2003), *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 20.

hidangan dari langit yang mengandung ikan besar yang dipanggang dan roti kering di mana semua yang hadir bergilir-gilir menikmati makanan tersebut tanpa ia berkurang sedikit pun.¹⁰⁹

Wahab bin Munabbih pula berkata: “*Mā'idah* itu diturunkan daripada langit kepada Bani Isrā'īl. *Mā'idah* yang diturunkan pada setiap hari itu terdiri daripada buah-buahan dari syurga. Mereka makan mengikut apa yang mereka mahu dari pelbagai jenis buah itu. *Mā'idah* itu dimakan bersama oleh 4,000 orang. Apabila mereka memakannya, Allah akan menurunkan pada tempat *ma'idah* itu makanan yang sama. Mereka berada dalam keadaan itu hingga tempoh yang dikehendaki Allah Ta'ala.¹¹⁰

Ibnu Kathir dalam tafsirnya menyambung dengan riwayat lain yang diriwayatkan daripada 'Ammar bin Yasīr daripada Nabi ﷺ bersabda :

“Bahawa hidangan yang diturunkan itu merupakan roti dan daging. Mereka diperintahkan agar tidak melakukan khianat dan tidak menyimpannya untuk keesokan hari. Di dalam satu riwayat lain terdapat penambahan: “Mereka tidak boleh menyembunyikan lalu mereka akan berlaku khianat, mereka menyimpannya dan akan mengeluarkan makanan tersebut pada keesokan hari lalu mereka berubah menjadi kera dan khinzir.¹¹¹

Unsur-unsur *isrā'iliyyāt* yang menafsirkan bahawa hidangan tersebut adalah burung puyuh, madu, roti, daging dan sebagainya diklasifikasikan sebagai *isrā'iliyyāt* yang *mawqūf* yang tiada manfaat untuk diketahui tentangnya. Di

¹⁰⁹ Abu al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr (1985), *op.cit.*, j.2, h.160.

¹¹⁰ *Ibid*, j.2, h.161.

¹¹¹ *Ibid*, j.2, h.160.

samping itu, nama hidangan tersebut juga diklasifikasikan sebagai *isrā'īliyyāt* yang tidak berkaitan dengan akidah mahupun syariat.

Seterusnya buku teks pendidikan Islam tingkatan dua sekolah menengah menghuraikan bahawa Allah Ta'ālā adalah penentu kemuliaan dengan memaparkan pula kisah kehinaan Bani Isrā'īl yang disesatkan di padang pasir selama 40 tahun. Kisah kehinaan Bani Isrā'īl dihuraikan di mana sikap mereka ini mengundang kemurkaan Allah lalu mereka dihina oleh Allah dengan pelbagai kehinaan di dunia dan di akhirat. Kehinaan yang mereka terima di dunia ialah sesat di padang pasir selama 40 tahun. Selain itu, hati mereka menjadi keras sehingga menolak kebenaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ. Di akhirnya pula, mereka dihina dengan pembalasan azab neraka daripada Allah.¹¹²

Di dalam mentafsirkan ayat 26 Surah Āli `Imrān ini, HAMKA tidak pula menukulkan tentang penghinaan terhadap Bani Isrā'īl yang dikatakan sesat di padang pasir selama 40 tahun sebaliknya menghuraikan kemuliaan para ulama sebagai *Warathah al-'Anbiyā'* (pewaris para nabi). Ulama-ulama yang berpegang teguh dengan pendirian agama memiliki kemuliaan jiwa sekaligus mampu menundukkan keangkuhan para pemerintah.¹¹³

Sehubungan itu, HAMKA membawa contoh kemuliaan Imam Mālik sebagai ulama ketika mana beliau menghadiri majlis khalifah-khalifah Bani Abbasiyyah semua yang hadir bangun sebagai tanda penghormatan malahan khalifah adalah

¹¹² Muhammad Nazmi bin Desa dan Rakan-rakan (2003), *op.cit.*, h. 20.

¹¹³ Abdulmalik bin Abdul Karim Amrullah (1970) Dr., *op.cit.* j.2, h.746.

orang pertama yang mendahului berbuat demikian. Ini kerana khalifah merasa kehinaan dirinya, munafik di hadapan para ulama yang jujur dan bersedia mati untuk menegakkan kebenaran agama. Khalifah-khalifah seringkali menyalahgunakan kuasa mereka untuk membeli kemuliaan alim ulama. Seterusnya HAMKA mengambil contoh kisah Imam Aḥmad bin Hanbal apabila ditangkap oleh Khalifah al-Mu`taṣim billah serta menghumban beliau ke dalam penjara sedikit pun tidak menggugat keteguhan iman Imam Ḥanbalī untuk tunduk kepada kehendak khalifah yang akhirnya khalifah terpaksa akur dengan pendirian dan ketegasan beliau.¹¹⁴

Walaupun bagaimanapun, kisah Bani Isrā'īl yang disesatkan selama empat puluh tahun telah dijelaskan oleh Allah Ta'ālā:

قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ^{١١} أَرْبَعِينَ سَنَةً يَتِيهُونَ فِي الْأَرْضِ فَلَا تَأْسَ عَلَى
الْقَوْمِ الْفَاسِقِينَ

Surah al-Mā'idah (5): 26

Sesungguhnya negeri itu diharamkan kepada mereka memasukinya - selama empat puluh tahun, mereka akan merayau-rayau dengan bingungnya (di sepanjang masa yang tersebut) di padang pasir (Sinai); maka janganlah engkau berdukacita terhadap kaum yang fasik itu".¹¹⁵

Menurut Abu Shuhbah, telah diriwayatkan tentang sebuah kisah Padang Pasir Tih iaitu kisah yang diriwayatkan oleh Ibnu Jarīr dengan sanadnya daripada Rabi` telah berkata: “Apabila kaum Nabi Mūsā berkata kepadanya dan Nabi

¹¹⁴ *Ibid.*

¹¹⁵ Sheikh Abdullah Basmaeih (1995), *op.cit.*, h. 253.

Musa mendo'akan agar mereka dikenakan azab, maka Allah Ta`ālā telah mewahyukan kepada Nabi Mūsā dengan ayat tersebut.¹¹⁶

Pada ketika itu bilangan pejuang mereka ialah seramai enam ratus ribu orang, lalu Allah telah menjadikan mereka sebagai orang-orang yang fasiq disebabkan keingkaran mereka. Mereka telah tinggal selama 40 tahun di enam farsakh atau lebih daripada itu. Mereka telah berusaha untuk keluar daripada kawasan itu tetapi mendapati diri mereka masih di tempat mula mereka berjalan tadi.¹¹⁷

Walaupun kisah Bani Isrā'īl yang disesatkan selama empat puluh tahun (40) telah dinyatakan dalam al-Quran, namun terdapat unsur *isrā'īliyyāt* tentang batu yang dipukul oleh Nabi Mūsā dalam kisah tersebut.

Setelah mereka disesatkan, mereka mengadu kepada Nabi Musa tentang musibah yang menimpa mereka. Lalu Allah menurunkan kepada mereka *al-Mannā wa al-Salwā*. Mereka diberikan pakaian untuk menutup tubuh mereka daripada cuaca. Namun begitu, Nabi Mūsā memohon kepada Allah agar diberikan minum, lalu Allah Ta`ālā mendatangkan batu putih, kemudian dipukul oleh Nabi Mūsā dengan tongkatnya dan terpancarlah dua belas mata air. Terdapat dari kalangan mereka yang mengatakan bahawa batu tersebut adalah datangnya daripada syurga dan bukanlah daripada bumi. Di kalangan mereka juga berkata bahawa batu itu dalam bentuk kepala manusia dan dalam bentuk kepala kambing. Ada yang berpendapat bahawa panjangnya adalah sepuluh hasta dan mempunyai dua cabang yang menyala pada waktu gelap dan pelbagai penambahan lagi yang dilakukan oleh Bani Isrā'īl. Sesungguhnya di dalam al-

¹¹⁶ Abu Syuhbah Muḥammad bin Muḥammad (1408), *op.cit.* h. 201.

¹¹⁷ *Ibid.*

Quran tidak menjelaskan ciri-ciri batu tersebut, dan sekiranya maksud batu adalah umum sebarang batu adalah menunjukkan kepada kekuasaan Allah untuk menjelaskan mukjizat Nabi Mūsā dengan memukul mana-mana batu.¹¹⁸

Dalam huraian silibus buku teks tidak memasukkan unsur-unsur *isrā'iliyyāt* dalam menghuraikan ayat tersebut, namun kisah tentang batu yang berupa kepala kambing atau berbentuk kepala manusia yang dipukul oleh Nabi Musa semasa disesatkan Bani Isrā'īl tersebut adalah unsur-unsur *isrā'iliyyāt* yang diklasifikasikan sebagai *mawqūf* dan tiada manfaat untuk diketahui.

4.4.3 Nabi Ādam, Hawā dan Iblis Dengan Merujuk Ayat 23: Surah al-A`rāf (Silibus Tingkatan 3)

Firman Allah Ta`ālā:

قَالَ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٢٣﴾

Surah al-A`rāf (7): 23

Maksudnya: "Mereka berdua merayu: "Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi".¹¹⁹

Dalam buku teks pendidikan Islam tingkatan tiga sekolah menengah, ia memaparkan latar belakang ayat di mana Allah Ta`ālā menciptakan Nabi Ādam

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ Sheikh Abdullah Basmaeih (1995), *op.cit.*, h. 344.

daripada tanah dan Hawā daripada tulang rusuk kiri Nabi Ādam. Kemudian, Allah Ta`ālā memasukkan kedua-duanya ke dalam syurga. Di dalam syurga, Allah melarang Nabi Ādam dan isterinya Hawā mendekati sepohon pokok. Iblis mengambil peluang ini untuk memperdaya Nabi Ādam dan Hawā memakan buah daripada pokok tersebut dengan memberi alasan bahawa sesiapa yang memakan akan bertukar menjadi malaikat dan dapat tinggal selama-lamanya di dalam syurga.¹²⁰

Akhirnya Nabi Ādam dan Hawā terpedaya dengan tipu helah Iblis. Sebaik sahaja mereka memakan buah daripada pokok tersebut, pakaian mereka terungki daripada badan. Mereka menutup kemaluan mereka dengan daun di syurga. Allah menghukum Nabi Ādam dan Hawā keluar dari syurga dan turun ke dunia. Nabi Ādam menyesal atas perbuatan tersebut lalu memohon ampun kepada Allah Ta`ālā dengan lafaz seperti yang disebutkan di dalam ayat 23 surah al-A`rāf.¹²¹

HAMKA ketikamana menjelaskan tafsiran bagi ayat 23 suarah al-A`rāf di atas pula membahaskan sama ada syurga yang didiami oleh Nabi Ādam merupakan syurga tempat berehat bagi orang-orang yang soleh di akhirat kelak ataupun suatu taman yang indah di dalam dunia ini. Beliau menyatakan sebahagian *mufasssirīn* berpendapat bahawa syurga tersebut berada di suatu tempat yang tinggi di dunia ini. Oleh sebab itu setelah Nabi Ādam, Hawā dan Iblis diusir

¹²⁰ Rijaluddin bin Yahya dan Rakan-rakan (2005), *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 10.

¹²¹ *Ibid.*

keluar dari syurga disebut dalam al-Quran sebagai “*ihbithu*” yang membawa maksud turunlah atau ke bawahlah kamu.¹²²

HAMKA turut menaqqalkan pendapat Abu al-Manşūr al-Māturidī, pelopor ilmu kalam yang terkenal di dalam tafsirnya *al-Ta’wīlāt* : “Kami mempunyai kepercayaan bahawasanya jannah yang dimaksudkan di sini ialah suatu taman di antara pelbagai taman yang ada di dunia ini, yang ada di sana Nabi Ādam dan isterinya mengecapi nikmat Ilahi. Tetapi tidak perlulah kita menyelidiki dan mencari kejelasan di mana letaknya taman tersebut. Demikianlah mazhab ahli salaf. Meskipun begitu tiada kedapatan dalil yang kuat menjelaskan kedudukan syurga kediaman Nabi Ādam sebelum diperintahkan keluar daripadanya.¹²³

Sayyid Quṭub pula menyimpulkan di dalam tafsirnya, bahawa senario yang berlaku kepada Nabi Ādam dan Hawā yang dilucutkan pakaian sebagai simbolik kepada realiti manusia yang sering terdedah kepada tipu daya syaitan yang sememangnya bertujuan mencorakkan kehidupan kita kepada gaya hidup yang tidak bermaruah, mendedahkan diri, tidak malu kepada Allah malahan kurang pula ketaqwaan kepadaNya.¹²⁴

Merujuk kepada *Tafsir Ibnu Kathīr*, Nabi Ādam dan Hawā telah menyembunyikan diri mereka kerana malu kepada Allah Ta`ālā apabila aurat kedua-duanya telah terdedah. Lantas Nabi Ādam dan Hawā menutup badan mereka menggunakan daun-daun dari pepohon syurga.¹²⁵

¹²² Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (1970) Dr., *op.cit.* j.2, h.174-175.

¹²³ *Ibid*, j.2, h.175.

¹²⁴ Sayyid Qutub (2000), *op.cit.*, j.6, h.12-13.

¹²⁵ Abu al-Fidā’ Ismā’īl bin Kathīr (1985), *op.cit.*, j.2, h.276.

4.5 *Isrā'īliyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah

Dalam konteks pendidikan Islam di sekolah, seharusnya Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) menyadari dan memahami unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam penyampaian pengajaran mereka. Melalui mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah, terdapat unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang boleh diterapkan kepada para pelajar berdasarkan kepada silibus buku teks (ayat-ayat al-Quran kefahaman yang berkaitan).

Unsur-unsur *isrā'īliyyāt* juga boleh diterapkan kepada para pelajar sama ada melalui pengetahuan sedia ada oleh para guru pendidikan Islam, melalui huraian ayat dalam silibus buku teks atau melalui rujukan kitab-kitab tafsir oleh para Guru Pendidikan Islam (GPI) sendiri sebelum membuat huraian dalam pengajaran dalam kelas.

Terdapat tiga faktor yang sangat mempengaruhi penerapan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan para pelajar di sekolah. Faktor pertama ialah kefahaman Guru-guru Pendidikan Islam (GPI). Manakala faktor kedua ialah unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam penafsiran ayat kefahaman silibus buku teks mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. Faktor ketiga pula ialah kecenderungan menerapkan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* berdasarkan rujukan kitab-kitab tafsir tanpa disedari oleh guru itu sendiri akibat kurangnya kefahaman tentang *isrā'īliyyāt*.

4.5.1 Kurangnya Kefahaman *Isrā'īliyyāt* di Kalangan GPI Mempengaruhi Penerapan Unsur-unsur *Isrā'īliyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kurangnya kefahaman tentang *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru dapat mempengaruhi ketidakfahaman di kalangan para pelajar. Guru-guru Pendidikan Islam yang kurang kefahaman tentang *isrā'īliyyāt* tidak dapat menyedari bahawa terdapat proses pengajarannya yang bercampur-baur dengan kisah-kisah atau penceritaan *isrā'īliyyāt*. Sama ada unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang disampaikan terdapat dalam silibus ataupun berdasarkan pengetahuan sedia ada, ia mempengaruhi pengetahuan kepada para pelajarnya.

Memandangkan sebanyak 67.2% di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) tidak dapat menguasai dan tidak memahami tentang *isrā'īliyyāt*, manakala hanya 32.8% yang memahami tentang *isrā'īliyyāt* maka ia mempengaruhi ketidakfahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.10: *Isrā'īliyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah, sebanyak 75.8% guru-guru pendidikan Islam yang tidak menyedari bahawa terdapat unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang dihuraikan kepada pelajar di mana 36.7% sangat tidak menyedari dan 39.1% tidak pasti. Manakala hanya 24.2% sahaja yang tidak setuju bahawa mereka tidak menyedari bahawa pernah menghuraikan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* kepada pelajarnya.

Di samping itu, hanya 20.3% sahaja guru-guru pendidikan Islam yang mengakui bahawa terdapat penafsiran *isrā'īliyyāt* dalam silibus buku teks pendidikan

Islam, manakala 55.5% tidak pasti dan 24.2% adalah tidak setuju bahawa terdapat penafsiran *isrā'iliyyāt* dalam silibus.

Jadual 4.10: *Isrā'iliyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Peratusan (%)</i> | | |
|-----------|--|----------------------|--------------------|---------------------|
| | | <i>Setuju</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Setuju</i> |
| 1 | Meyakini Pelajar Sekolah Memahami Tentang <i>Isrā'iliyyāt</i> | 4.7 | 26.6 | 68.8 |
| 2 | Tidak Menyedari Unsur <i>Isrā'iliyyāt</i> Dihuraikan Kepada Pelajar | 36.7 | 39.1 | 24.2 |
| 3 | Terdapat Unsur-unsur <i>Isrā'iliyyāt</i> Dalam Penafsiran Al-Quran | 43.0 | 38.3 | 18.8 |
| 4 | Terdapat Penafsiran <i>Isrā'iliyyāt</i> Dalam Buku Teks Pendidikan Islam | 20.3 | 55.5 | 24.2 |
| 5 | Pernah Mengajar Pengertian <i>Isrā'iliyyāt</i> Kepada Pelajar | 15.6 | 27.3 | 57.0 |
| 6 | Mengajar Berdasarkan Silibus Tanpa Huraian Tambahan | 18.0 | 11.7 | 70.3 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Memandangkan peratusan kefahaman *isrā'iliyyāt* yang hanya 32.8% (Rujuk Jadual 4.5) di kalangan guru-guru pendidikan Islam, didapati hanya 15.6% guru-guru pendidikan Islam yang pernah mengajar pengertian *isrā'iliyyāt* kepada para pelajarnya. Tambahan pula, sebanyak 68.8% di kalangan guru-guru

pendidikan Islam yang mengakui bahawa pelajar tidak memahami tentang *isrā'īliyyāt*.

Berdasarkan kepada analisa yang dijalankan, ini menunjukkan bahawa peranan dan kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam adalah sangat penting untuk memberikan kefahaman kepada para pelajar kerana kefahaman GPI sangat mempengaruhi kefahaman para pelajar mereka di sekolah menengah yang melalui proses interaksi pengajaran dan pembelajaran.

4.5.2 Unsur-unsur *Isrā'īliyyāt* Yang Terdapat Dalam Silibus Mempengaruhi Penerapan *Isrā'īliyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang terdapat silibus juga sangat mempengaruhi penerapannya kepada para pelajar. Terdapat kisah-kisah *isrā'īliyyāt* yang berkaitan Nabi Ādam dan Hawā ketika hasutan iblis agar memakan buah khuldi.¹²⁶

Terdapat juga dalam buku teks pendidikan Islam tingkatan tiga sekolah menengah yang memaparkan latar belakang ayat di mana Allah Ta'ālā menciptakan Nabi Ādam daripada tanah dan Hawā daripada tulang rusuk kiri Nabi Ādam. Kemudian, Allah Ta'ālā memasukkan kedua-duanya ke dalam syurga. Di dalam syurga, Allah melarang Nabi Ādam dan isterinya Hawā mendekati seponon pokok. Iblis mengambil peluang ini untuk memperdaya Nabi Ādam dan Hawā memakan buah daripada pokok tersebut dengan memberi

¹²⁶ Razali bin Syarif dan Rakan-rakan (2004), *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.12.

alasan bahawa sesiapa yang memakan akan bertukar menjadi malaikat dan dapat tinggal selama-lamanya di dalam syurga.¹²⁷

Dengan terdapatnya unsur-unsur *isrā'īliyyāt* tersebut, maka semestinya ia pernah dibincangkan dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) kepada para pelajarnya. Walaubagaimanapun, seharusnya Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) menjelaskan klasifikasi *isrā'īliyyāt* tersebut berserta apakah pegangan atau jalan terbaik yang sewajarnya dalam menghadapi unsur-unsur *isrā'īliyyāt*.

Berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan, dengan merujuk kepada Jadual 4.11: Kecenderungan Penerapan *Isrā'īliyyāt* Dalam Pengajaran Di Sekolah, sebanyak 45.33% dari kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) mengajar unsur-unsur *isrā'īliyyāt* seperti yang terdapat dalam silibus mata pelajaran pendidikan Islam, manakala 26.93% tidak mengajarnya dan selebihnya iaitu 27.75% adalah tidak pasti.

Jadual 4.11: Kecenderungan Penerapan *Isrā'īliyyāt* Dalam Pengajaran Di Sekolah

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Peratusan (%)</i> | | |
|-----------|--|----------------------|--------------------|-----------------------|
| | | <i>Mengajar</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Mengajar</i> |
| 1 | Mengajar <i>Isrā'īliyyāt</i> Yang Terdapat Dalam Silibus | 45.33 | 27.75 | 26.93 |
| 2 | Mengajar <i>Isrā'īliyyāt</i> Yang Tiada Dalam Silibus | 7.00 | 38.30 | 54.70 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

¹²⁷ Rijaluddin bin Yahya dan Rakan-rakan (2005), *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.10.

4.5.3 Rujukan Unsur-unsur *Isrā'īlyyāt* Daripada Kitab-kitab Tafsir Oleh GPI Mempengaruhi Penerapan *Isrā'īlyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Terdapat juga Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang cenderung untuk merujuk kepada kitab-kitab tafsir sebagai rujukan tambahan dalam pengajaran, dan ini juga tidak terlepas daripada penerapan unsur *isrā'īlyyāt* jika guru tersebut tidak menyedari disebabkan kurangnya kefahaman tentang *isrā'īlyyāt*.

Merujuk kepada Jadual 4.12: Kecenderungan Merujuk Kitab-kitab Tafsir di Kalangan GPI, didapati kebanyakan guru-guru pendidikan Islam lebih cenderung merujuk kitab-kitab tafsir terjemahan bahasa Melayu iaitu 64.1%, dan kitab-kitab tafsir Melayu sebanyak 49.1%, manakala hanya 35.2% yang merujuk kitab-kitab tafsir bahasa Arab.


Jadual 4.12: Kecenderungan Merujuk Kitab-kitab Tafsir Di Kalangan GPI

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Peratusan (%)</i> | | |
|-----------|--|----------------------|--------------------|---------------------|
| | | <i>Setuju</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Setuju</i> |
| 1 | Kecenderungan Merujuk Kitab Tafsir Berbahasa Arab | 35.2 | 32.0 | 32.8 |
| 2 | Kecenderungan Merujuk Tafsir Terjemahan Bahasa Melayu/ Indonesia | 64.1 | 17.2 | 18.8 |
| 3 | Kecenderungan Merujuk Kitab-kitab Tafsir Melayu | 49.2 | 27.3 | 23.4 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Kecenderungan merujuk kepada kitab-kitab tafsir terjemahan bahasa Melayu adalah disebabkan oleh penguasaan bahasa Arab di kalangan mereka di mana hanya 5.68% sangat baik dalam penguasaan bahasa Arab, 32.80% menguasai pada tahap yang baik, 50.60% pada tahap sederhana, manakala selebihnya iaitu 9.20% pada tahap lemah dan 1.78% sangat lemah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.2: Penguasaan Bahasa Arab Di Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI).

Rajah 4.8: Graf Bar Kecenderungan GPI Untuk Merujuk Kitab Tafsir Terjemahan Bahasa Melayu atau Indonesia



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Oleh itu, sangat signifikan untuk mengkaji ulasan berkaitan *isrā'iliyyāt* yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir terjemahan dan berbahasa Melayu kerana kitab-kitab tersebut sering dijadikan rujukan.

Merujuk kepada Jadual 4.13: Kekerapan Merujuk Kitab-kitab Tafsir Dalam Pengajaran, secara umumnya hanya 5.61% sahaja GPI yang kerap merujuk kitab-kitab tafsir, manakala 23.76% GPI yang kadang-kadang membuat rujukan untuk tujuan pengajaran dan selebihnya iaitu 70.63% tidak pernah merujuk kitab-kitab tafsir dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.13: Kekerapan Merujuk Kitab-kitab Tafsir Dalam Pengajaran

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Peratusan (%)</i> | | |
|-----------|------------------------------------|----------------------|----------------------|---------------------|
| | | <i>Kerap</i> | <i>Kadang-kadang</i> | <i>Tidak Pernah</i> |
| 1 | <i>Tafsir al-Nasafī</i> | 0.8 | 12.5 | 86.7 |
| 2 | <i>Tafsir Ibn Kathīr</i> | 13.3 | 46.1 | 40.6 |
| 3 | <i>Tafsir `Abr al-`Athīr</i> | 2.3 | 17.2 | 80.5 |
| 4 | <i>Tafsir al-Azhar Hamka</i> | 8.6 | 39.8 | 51.6 |
| 5 | <i>Tafsir al-Ṭabarī</i> | 4.7 | 18.0 | 77.3 |
| 6 | <i>Tafsir al-Qurṭubī</i> | 3.9 | 18.0 | 78.1 |
| 7 | <i>Tafsir al-Suyūṭī</i> | 1.6 | 14.1 | 84.4 |
| 8 | <i>Tafsir al-Munīr</i> | 5.5 | 28.1 | 66.4 |
| 9 | <i>Tafsir al-Jalālayn</i> | 5.5 | 15.6 | 78.9 |
| 10 | <i>Tafsir Nūr Iḥsān</i> | 0 | 7.0 | 93.0 |
| 11 | <i>Tafsir Fī Zilāl</i> | 10.2 | 35.9 | 53.9 |
| 12 | Tafsir-tafsir lain | 10.9 | 32.8 | 56.2 |
| | <i>Jumlah Peratusan (%)</i> | 5.61 | 23.76 | 70.63 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Berdasarkan kepada Jadual 4.13, kitab *Tafsir Ibnu Kathīr* kerap dirujuk dalam pengajaran iaitu sebanyak 13.3% responden, malah terjemahan kitab *Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm* karangan Imam Ibnu Kathīr juga boleh didapati dalam bahasa Indonesia. Manakala terdapat juga yang merujuk kitab *Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān* iaitu sebanyak 10.2% dan responden GPI yang merujuk *Tafsir al-Azhār* karangan HAMKA adalah sebanyak 8.6%.

4.6 Kepentingan Penerapan Kefahaman *Isrā'iliyyāt* Di Kalangan GPI Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah

Kefahaman *isrā'iliyyāt* sangat penting untuk diketahui oleh Guru-guru Pendidikan Islam (GPI), di mana berdasarkan kepada Jadual 4.14: Kepentingan Penerapan Kefahaman *Isrā'iliyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran, sebanyak 85.9% bersetuju agar ia difahami oleh setiap guru pendidikan Islam, manakala 68.0% bersetuju untuk diterapkan dan difahami di kalangan para pelajar di sekolah menengah.

Kebanyakan guru-guru pendidikan Islam bersetuju bahawa menghadiri seminar-seminar atau kursus-kursus tentang *isrā'iliyyāt* sangat penting kepada mereka di mana sebanyak 65.6% di kalangan mereka bersetuju terhadap kepentingannya. Oleh itu, dalam usaha untuk memberi kefahaman *isrā'iliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam, seminar-seminar sangat memberi kesan yang penting di mana sebanyak 85.9% bersetuju terhadap kepentingan penganjuran seminar tentang *isrā'iliyyāt* oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).


Jadual 4.14: Kepentingan Penerapan Kefahaman *Isrā'iliyyāt* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

| <i>No</i> | <i>Perkara</i> | <i>Peratusan (%)</i> | | |
|-----------|---|----------------------|--------------------|---------------------|
| | | <i>Setuju</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Tidak Setuju</i> |
| 1 | Kefahaman <i>Isrā'iliyyāt</i> Penting Untuk Diterap Dalam Buku Teks | 50.0 | 22.7 | 27.3 |
| 2 | Kefahaman <i>Isrā'iliyyāt</i> Penting Diketahui oleh Guru Pendidikan Islam | 85.9 | 12.5 | 1.6 |
| 3 | Kefahaman <i>Isrā'iliyyāt</i> Penting Diketahui oleh Pelajar Menengah | 68.0 | 21.9 | 10.2 |
| 4 | Menghadiri Seminar/Kursus Tentang <i>Isrā'iliyyāt</i> Sangat Penting | 65.6 | 23.4 | 10.9 |
| 5 | Kepentingan Penganjuran Seminar Tentang <i>Isrā'iliyyāt</i> Oleh Kementerian Pelajaran Malaysia | 85.9 | 12.5 | 1.6 |

Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)


Di samping itu juga, didapati sebanyak 50.0% guru-guru pendidikan Islam yang bersetuju agar kefahaman *isrā'iliyyāt* diterapkan ke dalam silibus buku teks sekolah menengah. Ini bertujuan agar kefahaman *isrā'iliyyāt* itu diterapkan dan diajar serta dipelajari sejak pelajar itu berada ketika di sekolah menengah.

Rajah 4.9: Graf Bar Para Pelajar Memahami Tentang *Isrā'iliyyāt*




Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Rajah 4.10: Graf Bar Menghadiri Seminar Sangat Penting Kepada GPI




Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Rajah 4.11: Graf Bar Penganjuran Seminar Oleh Kementerian Pelajaran Malaysia Sangat Penting Kepada GPI



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Rajah 4.12: Graf Bar Kefahaman *Isrā'iliyyāt* Sangat Penting Untuk Diketahui Oleh Para Pelajar Di Sekolah Menengah



Sumber: Hasil Dapatan Kajian Lapangan Yang Dijalankan (2010)

Oleh itu, kepincangan kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) boleh mengakibatkan kepincangan kefahaman *isrā'īliyyāt* kepada para pelajar. Kurangnya kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan GPI juga seolah-olah memberikan ruang untuk menerapkan sesetengah unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang mungkin boleh menjejaskan kesucian Islam dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru, kepentingan kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) tidak boleh dinafikan sama sekali di mana ia perlu di ambil inisiatif oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui penganjuran seminar-seminar dan kursus dalam usaha memberi kefahaman kepada guru-guru pendidikan Islam (GPI) di sekolah menengah.

BAB 5: RUMUSAN DAN SARANAN

5.1 Rumusan

Penerapan kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) adalah sangat penting kerana mereka merupakan modal insan utama dalam sistem pendidikan di sekolah. Berdasarkan kajian yang dijalankan dengan mengambil sampel yang mewakili 28.25% daripada keseluruhan guru-guru pendidikan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dapatlah dirumuskan bahawa hanya 32.8% guru-guru pendidikan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mempunyai kefahaman tentang penafsiran *isrā'īliyyāt*.

Kurangnya kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam adalah disebabkan oleh pengaruh faktor demografi yang merujuk kepada latarbelakang pendidikan. Pengkhususan ijazah pertama adalah merupakan faktor demografi yang sangat mempengaruhi kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan mereka. Terdapat sebahagian daripada guru-guru pendidikan Islam yang tidak pernah mengikuti silibus tentang *isrā'īliyyāt* secara formal. Walaubagaimanapun, kebanyakan guru-guru yang berkelulusan usuluddin sangat memahami tentang *isrā'īliyyāt* berbanding kelulusan selainnya.

Berdasarkan kepada silibus buku teks pendidikan Islam sekolah menengah, didapati bahawa terdapat beberapa unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang dimasukkan dalam penafsiran dan huraian ayat-ayat kefahaman. Namun, unsur-unsur *isrā'īliyyāt* tersebut diklasifikasikan sebagai *mawqūf* yang tiada sebarang manfaat untuk mengetahuinya. Kebanyakan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* tersebut

tidak disedari oleh guru-guru pendidikan Islam disebabkan kurangnya kefahaman mereka tentang *isrā'īliyyāt* di mana secara tidak langsung telah diajar kepada para pelajar di sekolah.

Dari sudut kecenderungan merujuk kitab-kitab tafsir dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kebanyakan guru-guru pendidikan Islam lebih gemar merujuk kepada kitab-kitab tafsir terjemahan dan kitab tafsir bahasa Melayu. Ini adalah disebabkan tahap penguasaan bahasa Arab yang sederhana, justeru mendorong kepada kecenderungan merujuk kepada kitab tafsir terjemahan bahasa Melayu yang lebih mudah difahami oleh mereka.

Dari aspek penerapan *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran, terdapat tiga (3) faktor yang dapat dirumuskan. Pertama, kurangnya kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan guru-guru pendidikan Islam adalah faktor yang utama yang sangat mempengaruhi penerapan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran. Keduaanya, unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang terdapat dalam silibus sedikit sebanyak mempengaruhi penerapan *isrā'īliyyāt* dalam pengajaran dan pembelajaran apatah lagi ianya tidak disedari oleh mereka disebabkan oleh kurangnya kefahaman *isrā'īliyyāt* secara mendalam. Faktor yang ketiga ialah melalui rujukan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* daripada kitab-kitab tafsir yang juga tidak disedari akibat kurangnya kefahaman *isrā'īliyyāt* oleh guru-guru pendidikan Islam itu sendiri.

5.2 Saranan

Oleh itu, jelaslah bahawa ketidakfahaman *isrā'īliyyāt* perlu ditangani dalam melahirkan guru-guru pendidikan Islam yang kompeten. Beberapa saranan dan langkah-langkah dalam menanganinya adalah melalui penganjuran seminar oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atau melalui kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM). Di samping itu, pihak-pihak lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Negeri juga disarankan untuk menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan kefahaman tentang *isrā'īliyyāt*.

Selain daripada itu, penerapan kefahaman *isrā'īliyyāt* dalam silibus buku teks sekolah menengah adalah satu langkah yang mampu untuk menambahkan pengetahuan *isrā'īliyyāt* di kalangan guru dan juga pendedahan kepada para pelajar. Begitu juga, penerapan kefahaman *isrā'īliyyāt* juga boleh diterapkan dalam silibus ijazah pertama terhadap keseluruhan pengkhususan bidang agama dan bahasa Arab.

Walaupun bagaimanapun, setiap guru-guru pendidikan Islam haruslah mempunyai kesedaran dan inisiatif diri sendiri melalui pembacaan sendiri dalam menambahkan pengetahuan mereka tentang apa jua perkara khususnya pengetahuan yang berkaitan tentang penafsiran *isrā'īliyyāt* dalam al-Quran.

5.3 Penutup

Kepincangan kefahaman *isrā'īliyyāt* di kalangan Guru-guru Pendidikan Islam boleh mempengaruhi kepincangan kefahaman kepada para pelajar seterusnya kepada masyarakat. Malah ia akan menjadi sangat kritikal jika melibatkan unsur-unsur *isrā'īliyyāt* yang bercanggah dengan akidah. Oleh itu, usaha menanganinya perlu dilakukan khususnya dalam memberikan kefahaman yang menyeluruh melalui saranan-saranan yang dinyatakan kerana mereka adalah merupakan *desiminator* dalam institusi pendidikan agama yang membina kepada modal insan ummah.